

Jilid II
Bil. 25



Hari Isnin
3hb Ogos, 1992

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5469]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No. 2)
[Ruangan 5576]

Jawatankuasa—

Jadual Kedua:

Maksud B. 7 [Ruangan 5582]

Maksud B. 17 [Ruangan 5598]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1992 [Ruangan 5576]

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 [Ruangan 5582]

Maksud P. 18 [Ruangan 5643]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 5669]

KANDUNGAN—(samb.)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Perampasan 22 video dan kaset di Pulau Pinang—**Y.B. Tuan R. Karpal** Singh
(Jelutong) [Ruangan 5670]

Tempat di Universiti dan Pusat Pengajian Tinggi Tempatan—Y.B. Tuan Lim
Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 5673]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.
(Permatang Pauh).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S., D.P.M.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S., D.P.M.S. (Temerloh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., A.M.N. S.M.J. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Tirpbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAMA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO'LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).

Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selangor).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).**
- „ **Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).**
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).**
- Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).**
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).**
- Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).**
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).**
- „ **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).**
- Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).**
- Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).**
- „ **Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).**
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).**
- „ **Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).**
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).**
- Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K;M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).**
- „ **Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).**
- Timbalan Menteri K kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).**
- Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SUUMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN **JABAR**, S.M.T., **A.M.N.**, **P.J.K.** (**Dungun**).

TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAVID (Puchong).

TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

.. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

.. TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

.. DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

.. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

.. TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

.. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

.. DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

.. TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOIID. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOIID. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOIID. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

.. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., s.p.c.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

.. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Telok In tan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- DATO' HAJI QAMARUZZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- TUAN WONG WING ON (Kampar).
- TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- Tuan Yim Chee CHONG (Seremban).
- TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Pegawai Penerbitan: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Nairn.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 3hb Ogos, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANFELDA—KAJIAN SEMULA
KELUASAN HAKMILIK

1. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah
minta Menteri Pembangunan Luar
Bandar menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang
untuk menubuhkan sebuah
Suruhanjaya DiRaja bagi meng-
kaji semula peranan FELDA
sekarang; dan
- (b) adakah benar peneroka-peneroka
yang telah menerima geran hak
milik tanah masing-masing di
mana didapati sukatan
keluasannya tidak menepati
sebagaimana di dalam surat
perjanjian iaitu 4 hektar. Mereka
terima hanya 3.7 hektar sahaja.

Setiausaha Parlimen Kementerian
Pembangunan Luar Bandar (Dato
Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-
Pertua:

- (a) Kementerian belum bercadang
untuk menubuhkan sebuah
Suruhanjaya DiRaja bagi meng-
kaji semula peranan FELDA
sekarang.

- (b) Keluasan yang tercatat dalam
surat hakmilik yang dikeluarkan
kepada peserta itu adalah
berasaskan Pelan Akui yang
disediakan oleh Jabatan Ukur
Negeri. Oleh itu, keluasan
tersebut adalah dianggap sah,
walaupun keluasannya tidak
menepati surat perjanjian di
antara peneroka dan FELDA.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-
Pertua, soalan tambahan. Bukan sahaja
masalah kekurangan sukatan keluasan
tanah yang berlaku dalam FELDA,
tetapi juga pembahagian tanah juga
tidak adil di mana peneroka yang rajin
mengusahakan tanah pada akhirnya
diberikan tanah yang kurang, pokok
dan daya pengeluaran yang berkurangan.
Soalan saya ialah adakah Yang
Berhormat sedar bahawa perkara yang
saya sebutkan itu juga berlaku di mana
pegawai FELDA tidak menyelesaikan
masalah pembahagian secara adil. Jika
sadar, apakah tindakan pihak
Kementerian beliau?

Dato Mohamed **bin Jamrah:** Tuan
Yang di-Pertua, kami menyedari
perkara yang dibangkitkan oleh Yang
Berhormat. Tetapi istilah "adil", "tak
adil" itu adalah hanya tanggapan Yang
Berhormat sahaja.

Tuan **Haji Sukri bin Haji**
Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan
tambahan. Adakah pihak FELDA sedar
apabila perjanjian antara peneroka
dengan FELDA yang ada sekarang
sudah tamat dan kebanyakan kawasan-
kawasan peneroka sudah tamat

perjanjian, mereka ini tidak diberi pilihan untuk mengerjakan sendiri tetapi dikehendaki menandatangani suatu perjanjian baru dengan pihak FELDA. Bolehkah pihak peneroka ini diberikan kebebasan selepas pembayaran semua hutang telah dijelaskan dan tamat tempoh perjanjian sekarang, peneroka diberi pemilihan untuk mengusahakan sendiri kawasan mereka?

Soalan yang kedua, daripada hakmilik yang diluluskan kepada peneroka, syarat-syarat yang dikenakan adalah terlalu ketat. Di antaranya ialah mengenakan tidak boleh pindahmilik, tidak boleh dijadikan pesaka dan sebagainya. Bolehkah pihak FELDA melonggarkan syarat-syarat ini oleh kerana dalam kebanyakan kes, mereka ini apabila tidak bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam hakmilik, tidak akan diberi hakmilik sehinggalah mereka bersetuju dengan segala syarat yang telah dikenakan itu?

Soalan ketiga, adakah pihak FELDA juga sedar bahawa salah satu masalah besar—kalau tidak bercadang hendak menubuhkan Suruhanjaya DiRaja—mengkaji salah satu masalah besar sekarang ialah peneroka yang mendapat pendapatan bulanan yang terlalu sedikit sehingga tidak cukup untuk menampung keperluan keluarga mereka. Jadi, adakah pihak FELDA bercadang untuk mengkaji semula terutamanya jumlah potongan-potongan setiap bulan yang dikenakan ke atas peneroka sehingga meninggalkan wang baki yang terlalu sedikit yang menyebabkan mereka terpaksa bekerja di luar untuk menampung keluarga?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan soalan Yang Berhormat adalah terkeluar dari soalan asal. Walau bagaimanapun, bagi penjelasan soalan pertama bahawa geran tanah FELDA adalah dikeluarkan mengikut Group Settlement Act (GSA).

Jadi, ia adalah merupakan skim-skim blok dan sebelum pengeluaran sesuatu hakmilik, mestilah dikerjakan secara kelompok. Walaupun ada setengah-setengah FELDA yang telah dikeluarkan hakmilik tetapi ia masih memerlukan pengurusan secara kelompok kerana ia lebih menguntungkan dari segi pengurusan perladangan.

Mengenai syarat yang ketat, saya kira setiap peneroka sebelum memasuki FELDA telahpun diberitahu berkenaan dengan syarat-syarat itu. Jadi, dalam perkara ini sekiranya mereka telahpun menerima untuk memasuki FELDA, maka mereka terpaksa menerima syarat-syarat itu.

Dan berkenaan dengan skim potongan FELDA yang mengakibatkan peneroka-peneroka berbaki dengan pendapatan yang sedikit itu adalah tidak benar. Tidak benar sama sekali. Dan pada hari ini, Kerajaan Kelantan telah pun diperintah oleh PAS dan Semangat 46, kalau mereka menganggap FELDA yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional itu tidak menguntungkan kerana potongan yang berbaki kecil, mereka pun boleh mencuba di negeri Kelantan untuk memberikan bukti bahawa mereka adalah lebih baik dalam mengendalikan skim seperti FELDA daripada usaha kita.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiniddin): Yang Berhormat, apakah dia point of order itu?

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak merujuk kepada masalah Kelantan. Ini masalah seluruh negara. Soalan saya tadi menyeluruh, tetapi ini prasangka jahat kepada Kerajaan Negeri.

Saya tidak membangkitkan soal di Negeri Kelantan, saya membangkitkan masalah peneroka FELDA di Bukit Bading, di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah. Dia tidak tujukan kepada individu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau boleh serah FELDA kepada Kerajaan Negeri, tidak mengapa, boleh kita buat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rompin.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita telah mendengar bahawa pihak DAP sibuk hendak mengadakan seminar tentang FELDA dan sehingga minggu yang lalu, mereka pergi ke kawasan-kawasan Parlimen termasuk kawasan Rompin.

Soalan tambahan saya, adakah Kerajaan sedar bahawa tentang tuntutan dan pengakuan DAP mengatakan bahawa penubuhan projek pembangunan luar bandar melalui FELDA ini adalah perjuangan parti DAP, rata-rata mereka menuntut tentang perkara ini, adakah Kerajaan sedar?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, kami sedar tetapi sebagai pemimpin-pemimpin politik, mereka bercakap dengan hanya bermodalkan mikrofon sahaja, jadi apa sahaja mereka boleh cakap. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memohon jawapan kepada soalan

saya, saya pohon pembetulan pada (a) bukan 'Gong Kedah' tetapi 'Gong Kedak'—'k' bukan 'h' Soalan nombor 2.

TUDM—PERKEMBANGAN PROJEK PENGKALAN GONG KEDAK, KELANTAN

2. Puan Hajah Hani binti Dato Haji Isahak minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) dan menjelaskan mengenai perkembangan projek TUDM Gong Kedak, Pasir Putih Kelantan; dan
- (b) menjelaskan apakah benar pengambilan baru prebet askar dari negeri Kelantan adalah terkecil peratusnya berbanding dengan negeri-negeri lain.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada prinsipnya keperluan TUDM dan skop pekerjaan bag! Pengkalan Gong Kedak tidak berubah. Di mana buat masa ini seperti juga projek pembangunan yang lain, ia dalam proses penapisan kewangan dari agensi pusat. Oleh itu pelancaran projek ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kerajaan.
- (b) Pengambilan anggota-anggota baru untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia sama ada sebagai seorang pegawai atau anggota biasa, adalah bagi memenuhi keperluan perkhidmatan.

Dalam melaksanakan tugas ini, Angkatan Tentera Malaysia tidak sekali-kali menetapkan kuota sama ada mengikut negeri atau bangsa. Sehubungan dengan itu, sukacita

dimaklumkan bahawa sambutan daripada rakyat Kelantan dalam ATM adalah di antara yang tertinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

Mengikut statistik tahun 1991, jumlah calon yang dipilih dari negeri Kelantan di tahap di antara yang paling tinggi. Daripada jumlah 5,447 calon yang dipilih, seramai 1,033 dari negeri Kedah, 795 dari negeri Kelantan dan 699 dari negeri Sarawak. Wilayah Persekutuan dan Selangor adalah di antara dua buah negeri yang paling kecil bilangan calon yang berjaya iaitu 19 dan 120 orang.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji

Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekejap tadi Timbalan Menteri telah menyatakan proses sedang berlangsung berkaitan dengan perkembangan TUDM Gong Kedak ini. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan berapa lamakah proses ini telah dimulakan dan bilakah projek ini diilhamkan, Rancangan Malaysia yang ke berapa?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan

Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya projek ini kita memang mengharapkan secepat yang mungkin diluluskan oleh Kerajaan yang mana kita telah memohon dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dan kita juga memohon projek ini dalam Rancangan Malaysia Keenam dan tertaklukkan kepada kelulusan daripada Kerajaan untuk melaksanakan projek ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek ini adalah satu projek yang sarigat besar, dan ia memerlukan peruntukan yang besar. Oleh yang demikian, kajian yang terperinci bersesuaian dengan peruntukan yang mampu diadakan adalah perlu dibuat oleh pihak Kerajaan sebelum ianya diluluskan.

Bagi pihak Kementerian Pertahanan, kita mengalu-alukan jika sekiranya projek ini dapat diluluskan segera.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji
Isahak: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Soalan tambahan lagi?

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji
Isahak: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan, iaitu bilakah projek ini diilhamkan, Rancangan Malaysia yang ke berapa, yang kelima?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut, yang kelima tadi. Minta maaf Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, sudah sebut.

MARDEC—PENUTUPAN KILANG

3. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) mengapa berlakunya penutupan banyak kilang-kilang MARDEC di negara ini sekarang; dan
- (b) apakah dasar Kementerian bagi membantu industri getah negara sekarang khususnya di sektor pengeluaran pekebun kecil getah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada awal tahun ini MARDEC telah menutup operasi dua buah kilangnya iaitu di Durian Tunggal, Melaka dan di Batu Kurau, Perak.

Penutupan kilang di Durian Tunggal dibuat oleh Kerajaan pada 8hb Januari, 1992 berikutan dari persoalan bekalan air di Melaka. Manakala penutupan kilang di Durian Tunggal tidak menjejaskan perkhidmatan MARDEC kepada pekebun kecil di negeri Melaka. MARDEC masih meneruskan operasi pembeliannya dan getah yang dibeli dihantar kepada kilang-kilang MARDEC yang berhampiran.

Kilang MARDEC di Batu Kurau telah ditutup sebagai satu usaha penyusunan semula operasi MARDEC berikutan dari berkurangnya bekalan getah oleh pekebun kecil. Kilang di Batu Kurau telah diubahsuai dan dijadikan kilang yang mengeluarkan berbagai barangan berasaskan getah seperti beg air panas dan tikar getah. Sebahagian besar daripada pekerja-pekerja yang terlibat memilih untuk terus bekerja di kilang ini. Mana-mana pekerja yang tidak memilih untuk meneruskan perkhidmatan diberi bayaran pampasan yang setimpal.

Penutupan kilang MARDEC di Batu Kurau tidak menjejaskan kedudukan pekebun kecil kerana MARDEC meneruskan operasi pembelian getah dari pekebun kecil di kawasan Batu Kurau dan getah tersebut dihantar ke kilang-kilang MARDEC yang berhampiran.

- (b) Untuk menjamin masa depan getah negara terutama di sektor pekebun kecil getah, maka Kementerian saya menerusi agensi-agensy yang bersangkutan terutama RRIM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D terutama untuk

mengeluarkan klon-klon getah baru yang ber-penghasilan tinggi untuk meningkatkan daya pengeluarannya. Ini bermakna, walaupun jumlah keluasan tanah makin menurun tetapi jumlah pengeluaran makin meningkat. Misalnya di sektor estet, dalam jangka masa tiga dekad 1960 hingga 1988, pengeluarannya meningkat dari 756 kilogram per hectare per year kepada 1,498 kilogram per hectare per year, iaitu kira-kira 98% peningkatan. Manakala pekebun kecil pula, telah meningkat dari 436 kilogram per hectare per year, kepada 1,199 kilogram per hectare per year atau kira-kira 175% peningkatan.

- (ii) RRIM juga setakat ini telah berjaya menghasilkan teknologi yang membolehkan penorehan sekali seminggu atau dua kali seminggu dengan menggunakan kimia penggalak dan hasilnya sama malah lebih tinggi daripada ditoreh pada setiap hari. Ini menjimatkan tenaga buruh. Walau bagaimanapun, teknologi ini masih dalam kajian kerana dibimbangkan kesan-kesan buruk untuk jangka panjang.

- (iii) Mempertingkatkan kegiatan hiliran di dalam negeri bagi menambahkan nilai tokok bagi meningkatkan penggunaan getah asli.

- (iv) Meningkatkan penggunaan RRMIGUD, dengan izin, untuk membolehkan penoreh-penoreh getah menoreh selepas hujan.
- (v) Menggalakkan integrasi tanaman terutama tanaman kontan, tanaman selingan dan ternakan biri-biri untuk menambahkan pendapatan pekebun kecil.
- (vi) Mempertingkatkan lagi tanaman semula dengan klon-klon baru sebagaimana yang telah saya sebutkan.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada tuduhan yang mengatakan bahawa penutupan kilang-kilang MARDEC banyak berkait rapat dengan tuduhan bahawa kilang-kilang MARDEC adalah sumber pencemaran yang terbesar. Jika kenyataan ini benar dan jika kenyataan ini boleh mengancam kepada kilang-kilang MARDEC yang lain, apakah tindakan Kementerian dalam hal tersebut?

Soalan kedua ialah di kebanyakan negeri pekebun-pekebun kecil menghadapi masalah dari segi mendapatkan pekerja bekerja di kawasan-kawasan tanaman getah mereka sehingga ada kawasan-kawasan yang tidak ditoreh kerana kekurangan pekerja bagi menghadapi masalah tersebut untuk pekebun-pekebun kecil sahaja. Apakah cadangan dan bantuan yang telah dan akan disediakan oleh pihak Kementerian.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, masalah pencemaran sebenarnya tidak timbul. Mengenai kilang yang telah ditutup di Melaka itu, ini adalah kerana letaknya kilang pemerosesan itu

berhampiran dengan sumber air. Tetapi kilang-kilang yang lain tidak timbul seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Masalah kekurangan pekerja-pekerja memang diakui. Sebab itu, sepertimana yang saya katakan, sungguhpun sekarang kita menoreh tiap-tiap hari, tetapi kita di RRMIGUD cuba untuk menoreh seminggu sekali dengan cara cucuk kimia penggalak. Ini sudah berjaya. Tinggal lagi kita bimbangkan untuk jangka panjang penyakit kering kulit dan sebagainya akan berlaku. Jadi, kajian sedang kita buat dan insya Allah jika dapat dijayakan dengan sepenuhnya, ini juga akan menolong pekebun-pekebun kecil, sebagaimana yang telah diharapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tadi, sedangkan bantuan-bantuan lain akan diteruskan macam biasa menerusi agensi-agensi yang lain.

Tuan Fong Kui Lull': Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa Kerajaan bercadang hendak menswastakan MARDEC disebabkan keadaan hasil pengeluaran pendapatan MARDEC jauh merosot berbanding dengan FELDA yang mendapat lebih keuntungan sedangkan kilang dan pekerja MARDEC lebih besar daripada kilang dan pekerja FELDA. Jika benar, mengapa Kerajaan mengambil keputusan untuk menswastakannya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini tidak ada rancangan lagi untuk diswastakan MARDEC.

Kedua, kalau hendak dibandingkan MARDEC dengan FELDA, saya rasa tidak begitu sesuai kerana MARDEC ialah menjalankan kerja-kerja membeli daripada pekebun-pekebun kecil dan MARDEC sendiri tidak mempunyai ladang sepertimana FELDA. Jadi, sudah pasti sedikit sebanyak MARDEC mempunyai masalah untuk mendapatkan bekalan.

HUKUMAN SEBAT BAGI JENAYAH RINGAN

4. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian pihak Kerajaan terhadap cadangan untuk mengenakan hukuman sebat dan bukan penjara ke atas mereka yang melakukan jenayah ringan bagi mengatasi kesesakan penjara; dan
- (b) apakah jenis-jenis jenayah yang dikenakan hukuman ini dan apakah bentuk hukuman yang dikenakan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengenakan hukuman sebat dan bukan penjara ke atas mereka yang melakukan jenayah ringan sedang dikaji oleh pihak Kerajaan dan setakat ini belum mendapat apa-apa keputusan yang tepat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapakah pihak yang berkenaan yang ditugaskan membuat kajian ataupun yang dilibatkan dengan perkara tersebut.

Kedua, adakah di dalam kajian itu, dibincangkan cara sebat supaya ianya bukan suatu sebat yang mencacat tetapi suatu sebat yang bersopan dengan cara dera dan mendidik?

Tuan Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Undang-undanglah yang menjalankan kajian ini.

Kedua, cara sebatan seperti yang dicadangkan itu adalah dalam kajian juga, sama ada sebagai cara untuk

pencegahan ataupun benar-benar sebagai untuk mendenda di dalam hukuman itu.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan juga bercadang untuk mengenakan hukuman seperti menjalankan kerja-kerja kebajikan dan sosial bagi mereka yang dikenakan hukuman jenayah jenis ringan ini.

Tuan Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, satu aspek lagi di mana kajian yang dijalankan ialah untuk mewajibkan penjenayah itu menjalankan kerja-kerja perkhidmatan masyarakat. Itu pun dalam pertimbangan, selain daripada hukuman sebat.

INSTITIUT JANTUNG NEGARA—PENSWASTAAN

5. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kajian terperinci Kementerian terhadap penswastan Pusat Kardiothorasik Hospital Besar Kuala Lumpur;
- (b) apakah jaminan Kerajaan terhadap golongan-golongan yang berpendapatan rendah bagi menjalani rawatan berikutan penswastan Pusat Rawatan tersebut; dan
- (c) jumlah kos perbelanjaan Kerajaan bagi membiayai penubuhan Pusat Kardiothorasik, Hospital Besar Kuala Lumpur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Kementerian telah menjalankan satu kajian yang terperinci bagi menentukan struktur pengurusan

Institut Jantung Negara yang paling sesuai. Kementerian berpendapat serta telah memperakukan untuk pertimbangan Kerajaan supaya UN dikorporatkan bagi mencapai matlamat-matlamat berikut:

- (i) menjadikan syarikat ini sebagai sebuah Pusat Cemerlang atau Centre of Excellence di negara ini dan juga di rantau Asia dalam bidang rawatan dan pembedahan jantung;
 - (ii) sebagai badan korporat IJN dapat mengenakan caj yang sesuai supaya hasil dari bayaran caj akan dapat menampung bayaran pengurusan UN dan menjadikannya sebuah organisasi yang berdaya maju;
 - (iii) UN dapat mengekalkan perkhidmatan pakar-pakarnya dengan menawarkan gaji dan insentif yang berpatutan; dan
 - (iv) Pesakit-pesakit dari golongan yang berpendapatan rendah dan miskin akan terus dapat menerima rawatan dengan bayaran yang tidak membebankan.
- (b) Seperti yang telah dinyatakan sebentar tadi, Kerajaan akan menentukan pesakit-pesakit miskin dan berpendapatan rendah tidak akan dikenakan bayaran yang membebankan;
- (c) Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$151.5 juta untuk melaksanakan penubuhan UN secara projek 'turnkey'.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan **Haji Juhar** bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Liew Ah Kim tidak hadir)

HUTANG LUAR NEGERI— BAYARAN BALIK

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan tidak membayar balik hutang pinjaman luar kita tahun lalu dan yang terakhir sekali kita bayar ialah pada tahun 1990, adakah ini disebabkan bahawa Kerajaan masih lagi menunggu waktu yang sesuai untuk membayar balik, supaya ekonomi kita tidak terjejas.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menguruskan bayaran balik hutang luar negeri dan memastikan peruntukan yang mencukupi bagi membayar balik hutang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran balik pokok dan faedah hutang luar negeri pada tahun 1990 ialah sebanyak \$4,506 juta (termasuk \$1,165 juta bayaran awal), manakala pada tahun 1991 Kerajaan membuat bayaran balik pokok dan faedah sebanyak \$3,101 juta. Pada tahun 1992 ini Kerajaan dijangka akan membuat bayaran pokok dan faedah sebanyak \$3,746 juta.

Kerajaan sentiasa meneliti kedudukan kewangannya serta keadaan ekonomi negara sebelum membuat keputusan sama ada untuk membayar awal atau tidak. Ini adalah untuk memastikan sebarang bayaran awal yang dibuat tidak akan menjejaskan pmbangunan negara.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini ringgit Malaysia naik agak tinggi juga kalau dibandingkan dengan matawang asing, terutama sekali matawang Amerika. Apakah kesan

kepada kenaikan matawang kita dengan matawang yang lain-lain terutamanya Amerika dari segi pinjaman wang kita?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya jawab bahawa Kerajaan sentiasa meneliti kedudukan kewangan negara dan juga keadaan ekonomi negara sebelum membuat keputusan membayar balik hutang luar negeri. Mengenai apa yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan kesan kenaikan nilai ringgit Malaysia kalau dibandingkan dengan nilai ringgit Amerika Syarikat sekarang ini, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa apabila nilai ringgit Malaysia ini telah naik, kesan yang baik yang telah dibawa oleh keadaan ini adalah pinjaman-pinjaman yang telah dibuat oleh Kerajaan dahulu akan dibayar balik oleh Kerajaan kita. Ini bermakna bahawa Kerajaan kita ini akan mengeksploitasikan situasi kenaikan nilai ringgit Malaysia ini untuk membayar balik, khususnya, membayar balik bayaran awal kepada pinjaman-pinjaman yang dibuat daripada negara yang mana nilai ringgit Malaysia ini naik berbanding dengan nilai ringgit negara itu. Itu adalah kesan yang baik yang dibawa oleh keadaan ini.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila memberitahu Dewan yang mulia ini jumlah pinjaman luar bagi negara kita setakat hari ini.

Kedua, apakah kadar faedah yang dikenakan atas pinjaman-pinjaman ini termasuk soft-loans dan juga daripada badan-badan antarabangsa manakah yang kita dapat kebanyakan pinjaman ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pinjaman luar negeri setakat ini adalah sebanyak \$40,271 juta

setakat Mac tahun ini. Ini termasuklah pinjaman Kerajaan Persekutuan, non-financial public enterprises dan pinjaman sektor swasta.

Untuk menjawab soalan berkenaan dengan interest dan pinjaman-pinjaman yang negara kita telah buat setakat ini, saya tidak mempunyai angka-angka khasnya berkenaan dengan interest yang berubah dari satu pinjaman ke satu pinjaman dan tidak fixed, dengan izin. Pada prinsipnya apabila Kerajaan negara kita membuat pinjaman luar negeri, selalunya kita membuat satu keputusan yang mana kita membuat pinjaman bukan daripada satu negara sahaja tetapi secara balance iaitu sebahagian dari Jepun, sebahagian dari Amerika Syarikat dan sebahagian dari Germany. Ini adalah satu polisi yang balanced, yang baik khasnya apabila nilai ringgit itu berubah, kita tidak akan terjejas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No.8 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir)

SEKOLAH VOKASIONAL DAN POLITEKNIK—SISTEM PENDIDIKAN

9. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah sistem pendidikan politeknik dan vokasional di negara ini akan dikaji semula bagi melahirkan lebih ramai tenaga manusia terlatih pada masa akan datang. Jika ada, secara terperinci apakah bentuk-bentuk program yang akan dilaksanakan; dan
- (b) menjelang tahun 2020, berapakah jumlah sekolah-sekolah vokasional dan

politeknik yang akan dibina dan jumlah pelajar yang akan dikeluarkan sebagai tenaga mahir di sektor industri.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan segala keperluan tenaga kerja teknikal di negara ini bagi kita memenuhi kehendak sektor perindustrian dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Selaras dengan hasrat ini, pelbagai usaha dilakukan untuk mengemaskini dan menyesuaikan kurikulum pendidikan dengan keperluan negara masa ini dan masa yang akan datang. Juga aspek-aspek vokasional dan teknologi dalam program persekolahan sedang diberikan penekanan.

Di peringkat persekolahan, mata-pelajaran Kemahiran Manipulatif telah diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 1990 dan matapelajaran Kemahiran Hidup pula telah dilaksanakan sejak tahun 1989 lagi di peringkat menengah rendah sementara di peringkat menengah atas, beberapa matapelajaran kumpulan vokasional dan teknologi telah diperkenalkan dalam KBSM pada tahun 1992 ini.

Sebuah Jawatankuasa Penasihat Kurikulum yang terdiri daripada pakar-pakar daripada sektor swasta dan juga ahli akademik dalam bidang teknikal telah dibentuk untuk menggubal kurikulum yang berhubung dengan kursus-kursus baru yang berunsurkan teknologi bagi memenuhi keperluan perindustrian.

Dari segi jangka panjang, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedang merangka dan memantapkan perancangan ke arah mempergiatkan lagi pendidikan teknik dan vokasional. Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan beberapa kursus baru yang

bercorak teknikal dalam kurikulum menengah atas, terutama sekali yang melibatkan Kursus Pengajian Komputer, Kursus Kejuruteraan dan kursus-kursus yang menekankan aspek-aspek teknologi tinggi.

Untuk soalan yang kedua, oleh kerana kos membina sesebuah sekolah menengah vokasional dan politeknik adalah sangat tinggi, kajian dan perancangan terperinci dan teliti perlu kita buat terlebih dahulu bagi menentukan bilangan sekolah menengah vokasional dan politeknik yang akan dibina menjelang tahun 2020. Ini wajar dilakukan untuk mengelakkan pembaziran dan duplikasi dengan institusi-institusi vokasional dan teknik yang sedia ada di bawah berbagai agensi atau Kementerian memandangkan sumber kewangan adalah terhad. Tambahan pula, dalam sektor pendidikan juga wujud pusat-pusat yang sama pentingnya dengan pendidikan vokasional dan juga teknik. Oleh itu buat masa ini, bilangan sebenar sekolah menengah vokasional dan politeknik serta jumlah pelajar yang akan dikeluarkan sebagai tenaga mahir di sektor industri sehingga tahun 2020 tidak dapat diberi secara kepastian.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keperluan negara untuk kelulusan ataupun para graduan yang mempunyai kemahiran yang tinggi, khususnya dalam menghadapi pencapaian matlamat Wawasan 2020, adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan taraf politeknik ini kepada taraf universiti memandangkan perkataan politeknik sendiri dan mungkin konsep pendidikan politeknik ini ditiru daripada Kerajaan Britain, sistem pendidikan di Britain dan di Britain sendiri kita dapati telah memansuhkan sistem politeknik ini dengan sistem universiti. Adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan taraf politeknik ini kepada taraf universiti?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, kita belum ada cadangan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tetapi kita sentiasa menjalankan kajian-kajian atas keperluan perindustrian dan teknologi negara kita mengikut perkembangan dari masa ke semasa.

Dr T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kekurangan tenaga manusia yang mahir khususnya dalam bidang sains dan teknologi untuk memenuhi hasrat Wawasan 2020, adakah Kementerian Pendidikan merancang untuk memberi pertolongan dari segi kewangan dan aspek-aspek yang lain kepada institusi-institusi teknologi yang dikendalikan oleh pihak swasta supaya mereka boleh memainkan peranan yang lebih berkesan untuk memperkembangkan tenaga manusia yang mahir?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, Kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan sentiasa telah mewujudkan program-program dalam Rancangan-rancangan Malaysia kita untuk memperkembangkan dan memperluaskan lagi pendidikan vokasional dan teknik untuk kita memenuhi keperluan-keperluan dalam negara kita dan menghadapi Wawasan 2020 kita.

Dari segi usaha dan galakan yang telah diberi oleh Kerajaan kepada pihak swasta di dalam memberi sumbangan dari segi perkembangan dan pembangunan tenaga manusia dan kemahiran di negara kita, setakat ini kita telah memberi galakan-galakan dan dasar-dasar dan untuk menggalakkan mereka memberi sumbangan sesamanya untuk membangunkan negara kita.

AHLI MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN—PEMILIHAN

10. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada memandangkan rakyat Malaysia semakin mengambil berat dan menyedari tentang isu Kerajaan Tempatan dan memandangkan semakin banyak bukti-bukti yang menunjukkan ketidakberkesanan serta kekurangan akauntabiliti kebanyakan ahli dewan tempatan, Kerajaan berhasrat wujudkan kembali Kerajaan Tempatan yang dipilih oleh rakyat sendiri sebagaimana yang dipraktikkan di kebanyakan negara demokrasi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam ucapan penangguhan pada 21hb Julai 1992, dan telah pun diberi jawapan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Secara ringkas adalah diulangkan bahawa Kerajaan berpendapat pemilihan Ahli Majlis melalui pilihanraya bukanlah cara yang dapat menjamin keberkesanan Pihak Berkuasa Tempatan. Masalah yang dihadapi oleh kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan ialah kekurangan kewangan dan kekurangan tenaga kerja profesional dan teknikal.

Mengenai akauntabiliti dan kredibiliti Ahli-ahli Majlis, Kerajaan-kerajaan Negeri yang melantik mereka sentiasa mengambilkira kualiti ini di dalam memilih calon-calon.

Akta Kerajaan Tempatan 1976 sendiri menyatakan orang-orang yang berwibawa, yang mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal Kerajaan Tempatan atau yang telah memperoleh

kejayaan terpuji dalam sesuatu profesyen, perdagangan atau perindustrian adalah orang-orang yang perlu diberi keutamaan dilantik sebagai ahli-ahli Majlis. Oleh itu, soal mercka ini tidak mendapat kepercayaan orang ramai dari segi akauntabiliti dan kredibiliti sama sekali tidak timbul. Oleh itu, Kerajaan tidak berhasrat menggantikan cara perlantikan Ahli-ahli Majlis seperti yang diamalkan sekarang dengan cara pilihanraya.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu mengapakah Barisan Nasional telah mengambil kesempatan untuk mengisikan orang-orang daripada parti-parti mereka untuk menjadikan ahli-ahli Majlis Tempatan dan kenapakah pihak-pihak yang mempunyai profesional sepertimana yang disebutkan tadi tidak diberi peluang untuk menganggotai Majlis Tempatan ini.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat mengkaji komposisi ahli-ahli Majlis, kebanyakan daripada mereka terdiri daripada ahli-ahli profesional dan kebetulan mereka terdiri daripada ahli-ahli Barisan Nasional yang bijak pandai, berkelayakan (*Tepuk*) dan saya berpendapat di negeri mana Kerajaan Negeri bukan terdiri daripada Barisan Nasional, ahli-ahli Majlis Tempatan dipilih oleh Kerajaan yang menang, macam di Kelantan dan di Sabah. Tunggulah Penang, kalau boleh, DAP menang buat pemilihan yang sama! (*Ketawa*)

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah buat satu kesilapan yang teruk. (*Disampuk*) Kenapa? Oleh sebab, kalau Tuan Yang di-Pertua boleh ingat, pada hari itu saya tidak dapat memberi Ucapan Penangguhan saya dan pada hari itu kalau saya tidak dapat memberi ucapan saya, bagaimana Timbalan

Menteri dapat menjawab Ucapan Penangguhan saya?

Beberapa **Ahli:** Soalan!

Dr Kua Kia Soong: Soalan ialah saya harap dia boleh tarik balik apa yang dia kata tadi. (*Ketawa*) Soalan tambahan, ekoran dari apa yang dikata oleh rakan saya dari Bayan Baru, di Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), ahli-ahli Majlis yang mempunyai latarbelakang yang mencurigakan seperti seorang calon MCA di Petaling Jaya dahulu yang pada masa itu pun diisytiharkan sebagai muflis, iaitu calon MCA, hari ini dia masih duduk sebagai ahli... (*Disampuk*)

Beberapa **Ahli:** Soalan!

Dr Kua Kia Soong: Soalan saya... (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bcrtenang, Ahli-ahli Yang Berhormat!

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu common sense, adakah sistem ini memuaskan memandangkan bahawa ada tiga perjanjian yang belum lagi ditunaikan. Pertama, apa yang dijanjikan oleh Kerajaan pada tahun 1985 iaitu pada masa krisis konfrantasi itu dan Kerajaan pun telah menjanjikan sebaik sahaja keamanan telah diumumkan dan peraturan darurat ditarik balik, selepas itu sistem pemilihan Kerajaan Tempatan akan dikembalikan.

Satu lagi, Suruhanjaya DiRaja Athi Nahappan....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, panjang sangat soalan tambahan, ya! Pendekkan soalan.

Dr Kua Kia Soong: Bilakah perjanjian ini akan ditunaikan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mengenai calon ataupun ahli Majlis Perbandaran Petaling Jaya, saya yakin sekiranya beliau muflis, beliau tidak akan dilantik sebagai ahli Majlis. Jadi, saya percaya ini tidak wujud dan sekiranya berlaku, kita akan buat siasatan.

Mengenai Suruhanjaya Athi Nahappan, sepertimana yang kita maklum, perkara ini telahpun dilakukan dalam awal tahun 1950an dahulu dan didapati dengan mengadakan pilihanraya, keadaan perbezaan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat begitu hebat sekali sehinggakan pembangunan terjejas. Saya dapat menyatakan bahawa dengan adanya cara yang kita laksanakan sekarang, negara kita boleh berbangga dan bersyukur dengan kejayaan, kemampuan mentadbirkan negara dan pertumbuhan ekonomi sehinggakan tidak ada negara lain yang boleh mempersoalkan mengenai kemampuan kita mentadbirkan negara dan mempertingkatkan ekonomi.

Di negara-negara Barat yang mengadakan pilihanraya seperti Kerajaan Negeri, Pusat dan Tempatan didapati negara mereka berkecamuk sekali kemampuan pentadbiran ekonomi mereka, bahkan negara mereka terjejas dari segi pertumbuhan ekonomi. Saya tidak mahu sebutkan negara tersebut, tetapi negara itulah yang mengamalkan pilihanraya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju dan berkehendakkan negara kita ini hancur, mungkin itulah matlamat Ahli-ahli DAP, itu kita akan adakan pilihanraya, tetapi kita tidak akan berbuat demikian untuk kepentingan negara. *(Tepuk)*

Seorang **Ahli:** *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukup, Yang Berhormat, cukup.

BABI HUTAN—GANGGUAN KE ATAS PERTANIAN

11. Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) akibat gangguan babi hutan ke atas pertanian:
 - (i) jumlah tanah terbiar kerananya; dan
 - (ii) jumlah kehilangan hasil.
- (b) cara yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini dan kekesanannya.

Setiausaha **Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Gangguan babi hutan ke atas pertanian adalah terlalu sedikit yang mana hanya terdapat di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan hutan. Bagi kawasan-kawasan ini langkah-langkah kawalan yang sewajarnya telah diambil. Oleh kerana itu tidak berlakunya tanah terbiar yang disebabkan oleh babi hutan.
- (ii) Memang benar terdapat serangan babi hutan ke atas tanaman seperti jagung, pisang, kacang tanah, anak-anak kelapa sawit dan anak-anak getah yang berdekatan hutan. Serangan ini kadangkala adalah serius yang menyebabkan kemusnahan terhadap tanaman tersebut. Walaupun begitu, serangan ini kebiasaannya tidak dilaporkan. Oleh yang demikian, tiada maklumat-maklumat kerugian hasil yang disebabkan oleh musuh tersebut.

- (b) Cara kawalan berkesan yang dilakukan adalah menggunakan pagar serta memburu dan menembak.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dalam jawapan tadi, Setiausaha Parlimen mengatakan menggunakan pagar ataupun memburu. Saya difahamkan memburu dengan senapang. Saya juga diberitahu bahawa tidak dapat banyak kebenaran unluk memburu babi. Bagaimanakah pandangan Setiausaha Parlimen mengenai lesen buru babi? (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan minta orang kampung pergi memburu babi hutan. Perkara yang kiia tekankan di sini, sekiranya lanaman orang kampung diancam oleh musuh tanaman seperti babi hutan, sudah sewajarnya babi hutan itu ditembak kerana ia menjadi ancaman kepada tanaman yang diusahakan penduduk kampung.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Babi hutan yang dikatakan mengganggu tanaman ini babi betina atau babi jantan? (*Ketawa*)

Soalan kedua, siapa yang hendak tembak dia kalau orang kampung sudah tak dapat lesen?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini kita tidak tahu jantainya. (*Ketawa*) Jadi, mungkin kedua-dua jenis babi ini serupa sahaja. Mungkin Yang Berhormat sedia maklum bahawa ada di antara petani atau orang kampung yang dilesenkan senjatapi bagi tujuan untuk menjaga tanaman daripada serangan musuh. Jadi, kalau babi hutan masuk ke kampung, jadi saya rasa kita tak perlu dapat kebenaran untuk tembak babi-babi yang mengancam tanaman.

Pada pendapat Kementerian, kalau babi tersebut sudah mengancam tanaman, kita boleh tembaklah kerana ia merosakkan tanaman orang kampung, tak kiralah babi jantan ataupun babi betina.

PROJEK BAS/KERETA LIMOUSINE MARA— KEUNTUNGAN

12. Tuan Haji Buniyamin bin Haji Yaakob minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan setakat ini adakah projek bas dan kereta mewah limousine yang dilancarkan oleh Perdana Menteri itu mendapat pulangan yang menguntungkan. Nyatakan prestasi perkembangan projek tersebut sejak dilancarkan. Adakah Kementerian bercadang untuk meluaskan projek tersebut ke seluruh negara. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat, pelancaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tersebut adalah sebenarnya khusus untuk memperkenalkan logo baru kenderaan perkhidmatan awam milik Syarikat MARA Holdings dalam usaha untuk memperkenalkan, meningkatkan dan menyeragamkan imej korporat serta bas-bas kumpulan Syarikat MARA Holdings. Ini dilakukan bersekali dengan pelancaran perkhidmatan kereta mewah limousine kepunyaan syarikat yang sama.

Projek kereta mewah limousine tersebut dijalankan oleh Limoura Travel Services, sebuah anak syarikat milik MARA Holdings Sendirian Berhad sebagai satu pelaburan baru dan telah beroperasi sejak enam bulan yang lalu. Pada masa ini, projek kereta mewah ini hanya beroperasi di Kuala Lumpur sahaja dan akan meluaskan operasinya di seluruh Semenanjung pada masa akan

datang. Setakat ini projek tersebut belum lagi mencatat keuntungan. Walau bagaimanapun, terdapat petanda yang bidang ini mempunyai potensi yang baik dan dijangka akan mencatatkan keuntungan.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan kereta mewah yang berada di Subang Airport tak bergerak-gerak nampaknya. Apakah sebab yang menyebabkan kereta ini kurang minat untuk penumpang-penumpang memakai kereta ini? Saya tengok "parking"—tak ada bergerak-gerak.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Soalan ini adalah berkenaan dengan Syarikat Limoura dan pengkalannya tidak beroperasi di Lapangan Terbang Subang, jadi tidak berkaitan soalan ini.

NGO—SUMBANGAN DAN PERANAN

13. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sudahkah Kerajaan mengenalpasti berbagai organisasi bukan Kerajaan (NGOs) tempatan yang mendalangi kempen-kempen anti-Malaysia di peringkat antarabangsa dalam konteks pemeliharaan alam sekitar di negara ini;
- (b) berapa banyak pula NGOs tempatan yang menyumbangkan peranan aktif dan positif dalam menyumbangkan peranan aktif dan positif dalam usaha memerangi dakyah-dakyah anti-Malaysia dalam konteks pemeliharaan alam skirat; dan
- (c) NGOs dari negara manakah yang selama ini memburuk-burukkan Malaysia dalam konteks yang

sama seperti di atas dan apakah usaha-usaha mengatasinya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini Kerajaan belum mengenalpasti NGOs tempatan yang mendalangi kempen-kempen anti-Malaysia di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri sedang menjalankan penyiasatan terhadap mana-mana pihak atau NGOs yang bertindak menjalankan kempen-kempen anti-Malaysia. Buat masa sekarang Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar masih lagi belum menerima keputusan laporan penyiasatan tersebut. Sebaliknya, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mendapat sokongan padu daripada ramai NGOs dalam negeri dan juga luar negeri terhadap segala usaha-usaha dan program untuk pemeliharaan alam sekitar seperti yang ditunjukkan oleh mereka dalam Persidangan Kemuncak di Rio de Janeiro pada 3hb. sampai 14hb. Jun 1992.
- (b) Setakat ini NGOs tempatan yang telah menyumbangkan peranan bagi mengharumkan nama negara ini berhubungan dengan pemuliharaan alam sekitar di negara ini ialah Third World Network dan Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia.
- (c) Antara NGOs dari luar negara yang telah memburuk-burukkan nama Malaysia berhubungan dengan pemeliharaan alam sekitar di negara ini ialah daripada United Kingdom, Germany dan Amerika Syarikat. Kerajaan sedang berusaha di peringkat antarabangsa untuk

memperkenalkan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar di negara ini. Antara lain Kerajaan telah mengambil bahagian menyertai Persidangan dan mesyuarat serantau serta antarabangsa iaitu:

- (i) Montreal Protocol tentang Chloro Flouro Carbon atau CFC;
- (ii) menandatangani Konvensyen Biodiversiti di UNCED, Rio de Janeiro;
- (iii) Mesyuarat Badan Antarabangsa selain daripada UNEP iaitu seperti ASCEP dan UNIDO;
- (iv) Mesyuarat ASEAN Senior Officials on Environment di mana Malaysia sebagai Pengerusi telah mengumpulkan pendirian sesama ASEAN tentang isu alam sekitar sedunia;
- (v) Menjadi tuan rumah kepada Persidangan Kedua Peringkat Menteri Negara-negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan pada bulan April ini dan;
- (vi) Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan UNCED di Rio de Janeiro, Brazil. Sekian.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di satu pertemuan di antara perwakilan Malaysia di Rio pada Persidangan Alam Sekitar yang lalu dengan NGOs seluruh dunia, ternyata bahawa kebanyakan NGO-NGO yang besar seperti Sierra Club, Green Peace dan lain-lain lagi yang mengkritik dasar perhutanan Malaysia tidak memahami kaedah-kaedah, dasar dan juga Undang-undang Tanah dan Hutan Negara.

Apakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan untuk mengadakan satu Persidangan NGO Sedunia di Malaysia yang mana sekaligus kita dapat memberi kefahaman yang lebih kepada NGO-NGO dunia ini supaya tidak berlaku kritikan-kritikan yang tidak berasas sama sekali sepertimana yang ada sekarang?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang benar kerana Yang Berhormat sendiri pun ada di Rio de Janeiro dan (*Ketawa*) mewakili Malaysia dalam mesyuarat tersebut dan saya ucapkan syabaslah kerana wakil-wakil Malaysia seperti Yang Berhormat sendiri telah memperkenalkan pendirian Malaysia di persidangan di Rio. Cadangan Yang Berhormat tentang satu persidangan antara NGOs, maka ini boleh ditimbang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta dengan Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Perdana Menteri sedang mengadakan perbincangan tentang mengadakan rancangan atau program selepas Rio iaitu apakah akan tindakan supaya kita boleh melaksanakan sesuatu keputusan atau mengikut kehendak-kehendak konvensyen-konvensyen yang kita menandatangani. Sekian.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lanjutan daripada soalan Yang Berhormat Padang Terap, ternyata sekali kelemahan yang kita alami ialah oleh kerana kurang komunikasi dan penyebaran maklumat-maklumat kepada pihak NGO dan juga negara-negara di luar. Jadi, mereka mendapat maklumat-maklumat yang tidak baik dan kurang tepat. Selaras dengan itu apakah tindakan Kerajaan keseluruhannya supaya maklumat-maklumat yang betul, penyebaran

komunikasi yang tepat boleh dibuat di seluruh dunia supaya yang salah jangan mengatasi dasar yang sebenarnya dalam negara? Terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi, dalam soalan pokok itu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan lain-lain Kementerian seperti Kementerian Perusahaan Utama sentiasa mengadakan perbincangan dengan delegasi-delegasi luar negeri dan juga menyertai persidangan atau mesyuarat-mesyuarat tertentu, termasuk perwakilan negara kita di luar negeri. Mereka sentiasa memberi pandangan supaya maklumat terperinci tentang dasar Kerajaan boleh disebarkan. Sekian.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, di samping Majlis National Environmental Policy Council ini, Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar sendiri pernah mencadangkan supaya satu Majlis Alam Sekitar Kebangsaan ditubuhkan dan wakil-wakil NGO dari seluruh negara kita pun akan dijemput untuk menganggotainya. Maka soalan saya ialah apakah sudah terjadi dengan cadangan ini supaya wakil-wakil dari semua NGO bukan hanya EPSM ataupun Third World Network ataupun FOMCA sahaja, tetapi semua NGO boleh mengambil peluang ini untuk menyertai proses decision-making dalam perihal alam sekitar ini? Itu soalan pertama.

Keduanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai NGO tempatan di Semenanjung Malaysia ini ataupun di Sabah dan Sarawak bukanlah anti-national ataupun anti-development, tetapi mereka merupakan suatu pergerakan—pergerakan yang berdasarkan kepada masyarakat tempatan, grass-root organisation yang melibatkan diri mereka dalam proses memajukan masyarakat tempatan seperti di

kalangan wanita, di kalangan petani, di kalangan setinggan.

Adakah sumbangan ini tidak diakui, kecuali mereka selalu difitnah sebagai orang yang mencemarkan nama negara ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar? Kalau sedar, apakah gambaran sebenar akan diberi?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama iaitu sama ada satu Majlis Alam Sekitar akan ditubuhkan, perkara ini sudah menjadi satu Post Rio Programme yang sedang dirancang oleh pihak Kerajaan. Apa yang terjadi, tidak lama lagi akan diumumkan kepada semua.

Tentang soalan kedua, memang saya sedar kebanyakan NGO di negara kita adalah amat baik dari segi usaha mereka untuk menolong masyarakat dalam negeri ini. Kita tidak mengabaikan usaha-usaha atau sumbangan mereka terhadap masyarakat kita.

Apa yang saya maksudkan dalam jawapan saya ialah ada NGOs atau individu-individu dari negara kita yang mencampuri dengan NGOs dari luar negeri yang mana tindakan atau usaha mereka adalah bercanggah dengan apa yang kita buat atau matlamat negara kita.

**INSTITUT BERAKAN,
TERENGGANU—AMALAN
'DOUBLE STANDARD'**

14. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian sedar wujudnya 'double standard' dalam tindakan Kerajaan menanggapi permasalahan Institut Berakan di Terengganu berbanding dengan kedudukan sebuah institut pengajian kelolaan sebuah parti politik komponen Barisan Nasional di Negeri Sembilan yang dibenarkan berfungsi meskipun tidak memenuhi peraturan-peraturan Kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak pernah mengamalkan "double standard" dalam mengendalikan kes Institut Berakan di Terengganu.

Di dalam kes Institut Berakan, pendaftaran institut itu telah dibatalkan kerana bangunannya telah diroboh oleh pihak berkuasa tempatan pada 19 November, 1991 kerana terletak di tanah milik Kerajaan. Jabatan Pendidikan Terengganu telah memberi kebenaran sementara untuk institut itu beroperasi di bangunan baru, tertakluk kepada syarat bahawa penggunaan bangunan mendapat kelulusan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Speaker, berbalik kepada soalan asal iaitu sebuah institut yang ditubuhkan oleh parti politik komponen Barisan Nasional di Negeri Sembilan, saya ingin tahu sama ada institut ini ialah TAFE College dan sama ada ia memperoleh sebarang lesen untuk dijalankan?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan itu kerana soalan ini adalah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai yang maksudnya sebuah institut di Negeri Sembilan. Tetapi dalam soalan asalnya ialah adakah Kerajaan mengamalkan soalan 'double standard' dan saya telah menjawab bahawa tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa untuk Soal-Jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 8 dan 15 hingga 61 adalah dimasukkan di bawah ini)

KELAB GOLF—JUMLAH

6. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah padang golf yang telah dibina mengikut pecahan tiap-tiap negeri dan tempat. Sila nyatakan padang golf yang akan dibina dalam tempoh lima tahun akan datang mengikut pecahan tiap-tiap negeri dan tempat. Nyatakan juga apakah kepentingan yang diperolehi oleh negara dalam bidang sukan golf dengan perkembangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan dan penye-larasan kelab-kelab golf di negara ini bukanlah di bawah bidangkuasa Kementerian Belia dan Sukan tetapi ianya dikelolakan oleh kelab-kelab swasta setelah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan. Oleh yang demikian, data-data yang dipohon oleh Yang Berhormat tidak ada dalam simpanan Kementerian Belia dan Sukan pada masa ini. Walau bagaimanapun, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sedang menjalankan kajian mengenai kemudahan golf untuk mengumpul data-data, termasuk maklumat yang dipohon oleh Yang Berhormat.

Dengan perkembangan kelab-kelab golf yang semakin pesat, ianya memberi peluang dan kemudahan yang baik untuk melahirkan lebih ramai pemain-pemain yang bermutu selaras dengan usaha mempertingkatkan kecemerlangan sukan selaras dengan matlamat Dasar Sukan Negara. Dari segi jangka panjang adalah dijangkakan bahawa perkembangan kelab-kelab golf ini akan menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat dan memberi sumbangan kepada pertambahan pendapatan negara, terutamanya pelancong-pelancong yang didapati semakin mulai

bertambah dan berminat untuk datang dan bermain golf di Malaysia.

FILEM DAN PITA VIDEO— LEMBAGA PENAPIS

8. Dr Tan Seng Giaw minla Menteri Penerangan menyatakan berapa lembaga atau lembaga rayuan dan bilangan anggotanya untuk menapis filem dan pita video di negara. Sejak 1980, berapa filem dan pita video diterima tiap-tiap tahun dan berapa diluluskan. Apakah bilangan ahli di bahagian penguatkuasaan. Apakah keberkesanannya untuk mencegah filem dan video yang tidak diinginkan. Berapa kes dihadapi ke muka keadilan tiap-tiap tahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Pada masa ini terdapat sebuah Lembaga Penapisan Filem dengan keanggotaan 34 orang ahli dan sebuah Jawatankuasa Rayuan Filem dengan keanggotaan 14 orang ahli. Sejak tahun 1980, sejumlah 183,763 filem dan 302,281 pita video dalam berbagai format telah diterima untuk ditapis. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 172,370 filem dan 246,918 pita video telah diluluskan.

Bilangan anggota penguatkuasa Lembaga Penapisan Filem adalah seramai 14 orang. Masa kini keadaan filem/video yang tidak diinginkan adalah terkawal. Semua kes penyalahgunaan filem/video dibawa ke mahkamah kerana tiada peruntukan kompaun dan setakat ini purata 100 kes didakwa setiap tahun.

PENCEMARAN AIR

15. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(a) punca utama berlakunya pencemaran air di negara ini;

(b) nyatakan 3 negeri utama di negara ini yang paling banyak menghadapi masalah pencemaran air;

(c) senaraikan jenis industri (mengikut sumbangan kepada masalah pencemaran air) yang paling **banyak** menyebabkan berlakunya pencemaran air; **dan**

(d) bagaimanakah Kementerian dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Peter Chin Fah Kui:

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama pencemaran air adalah dari aktiviti-aktiviti pembukaan dan kerja-kerja tanah.

(b) Tiga (3) negeri utama yang menghadapi masalah pencemaran air adalah negeri Kedah, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

(c) Aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran air adalah aktiviti pembukaan tanah dan diikuti oleh industri lain seperti penternakan khinzir, kilang-kilang kelapa sawit, getah dan industri pembuatan.

(d) Untuk mengatasi masalah ini, langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

(i) menjalankan program pembersihan sungai;

(ii) pengelasan sungai-sungai oleh Kerajaan Negeri; dan

(iii) penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Kerajaan Tempatan di mana semua effluen dari perusahaan dan kumbahan mestilah mengikut 'standard' sebelum ianya dilepas ke alur air

dan pengawalan terhadap pelupusan bahan-bahan pepejal, sampah-sarap dan buangan terjadual.

Di samping itu, pihak Kementerian juga telah membangkitkan di dalam Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan di dalam Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Persekutuan yang telah membincangkan Garispanduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan antara lain mengenai keperluan untuk menyusun semula jadual kerja pembinaan.

PEKERJA ASING—AGENSI PENDAFTARAN

16. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah syarikat yang menjalankan agensi pendaftaran pekerja asing yang dibenarkan oleh Kementerian untuk beroperasi dan namakan syarikat dan pemilikinya dan bayaran yang dikutip daripada para pekerja asing yang berdaftar;
- (b) berapakah jumlah levi yang berjaya dikutip oleh Kerajaan ke atas pekerja asing sehingga 30.6.92; dan
- (c) sejauhmanakah amalan rasuah berlaku semasa gerakan pendaftaran berjalan. Jika ada, apakah tindakan yang dibuat kepada mereka yang terlibat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan bagi soalan ini telahpun saya jawab pada 28.7.92 dan saya tidak bercadang untuk menjawab atau menambahnya.

EKONOMI NEGARA— PERTUMBUHAN

17. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada pencapaian ekonomi bagi negaranya yang mencapai 9.6% pertumbuhan bagi setengah tahun ini adalah sangat deras dan apakah akibat buruknya (jika ada);
- (b) memandangkan serba-sedikit tanda menunjukkan bahawa kelembapan kedudukan ekonomi dunia sama ada negara kita boleh memelihara kadar pertumbuhan ini sehingga akhir tahun; dan
- (c) memandangkan kadar pertumbuhan yang tinggi sama ada yang akhirnya terjadi ia akan menyebabkan negara kita tuju ke arah inflasi yang tinggi.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (a) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh suku pertama tahun 1992 dianggarkan berkembang pada kadar 8.9%. Prestasi baik ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan yang menggalakkan dalam sektor pertanian dan perlombongan serta perkembangan yang sederhana dalam sektor perkilangan.

Oleh kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat, maka kegiatan ekonomi terus berkembang. Ini telah mengekalkan permintaan dalam negeri pada paras yang tinggi dan menyebabkan peningkatan permintaan terhadap buruh. Pertumbuhan ekonomi yang pesat ini adalah dicapai dalam suasana harga yang stabil, di mana Indeks Harga Pengguna (IHP) terus kekal pada kadar 4.4% sejak bulan Ogos 1991.

Sungguhpun demikian, IHP telah meningkat sebanyak 4.5% dalam tempoh Januari-Mei 1992. Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan ikan.

- (b) Sungguhpun dalam Belanjawan 1992 kita menjangkakan ekonomi negara akan berkembang pada kadar 8.5%, pencapaian sebenar bagi tempoh suku pertama 1992 adalah lebih menggalakkan. Berasaskan petunjuk-petunjuk utama ekonomi semasa, pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan menjadi lebih sederhana. Adalah dijangkakan bahawa pertumbuhan ekonomi pada kadar yang melebihi 8% boleh dicapai. Sekiranya ekonomi berkembang pada kadar yang lebih rendah, dasar fiskal tidak akan digunakan untuk meningkatkannya.

Ekonomi negara-negara perindustrian, khususnya Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, telah mula pulih pada awal tahun 1992 walaupun pada kadar yang perlahan. Pertumbuhan KDNK bagi negara-negara maju dijangka berkembang pada kadar 1.8% dalam tahun 1992 dan 3.3% pada tahun 1993. Pemulihan ekonomi yang lembap bagi negara-negara perindustrian dijangka tidak akan memberi kesan yang ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara kita berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) sejak penyelarasan struktur dilakukan pada tempoh 1985-1987, asas ekonomi negara kita telah dipelbagaikan dan oleh itu ianya lebih berkeupayaan untuk menghadapi tekanan daripada faktor-faktor luaran; dan

- (ii) sumber dalaman seperti permintaan agregat dalam negeri akan terus membantu pertumbuhan ekonomi dalam tahun 1992, hasil daripada paras pendapatan negara yang tinggi.

- (c) Kadar inflasi telah meningkat daripada 3.1% pada tahun 1990 kepada 4.4% pada tahun 1991. Namun demikian, ianya terkawal dan masih rendah jika dibandingkan dengan kadar yang dialami oleh negara-negara lain, termasuk negara-negara membangun. Bagi tahun 1992, Indeks Harga Pengguna bagi lima bulan pertama ialah sebanyak 4.5%. Setakat ini, Kerajaan telahpun melaksanakan dasar-dasar kewangan yang ketat untuk mengawal perkembangan kredit penggunaan. Dari segi fiskal, Kerajaan telah menambahkan peruntukan bagi mengatasi masalah kekurangan kemudahan infrastruktur yang boleh menjejaskan pengeluaran barangan dan perkhidmatan. Langkah-langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran akan terus dilaksanakan bagi membendung kenaikan harga.

PEKERJA-PEKERJA SEKTOR AWAM—KEMUDAHAN PENGANGKUTAN

18. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan bolehkah Kerajaan menimbang untuk menyediakan kemudahan pengangkutan kepada pekerja-pekerja sektor awam untuk pergi dan balik dari kerja dengan tujuan mengurangkan kesesakan lalulintas, terutamanya di Wilayah Persekutuan dan bandar-bandar besar yang lain.

Dato' Wong See Wah: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan bas khas untuk mengangkut pekerja-pekerja sektor awam adalah merupakan salah satu daripada langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di jalanraya, terutamanya di bandaraya Kuala Lumpur.

Pada masa ini, Kerajaan sedang mengumpulkan maklumat mengenai kawasan serta laluan di mana perkhidmatan bas khas diperlukan daripada kakitangan awam. Perbincangan dengan syarikat bas akan diadakan setelah maklumat yang diperlukan telah diperolehi. Buat permulaannya, cadangan penggunaan bas khas ini hanya ditumpukan di bandaraya Kuala Lumpur sahaja.

TELEFON—PERKHIDMATAN
DI DAERAH SEBERANG PERAI
TENGAH DAN BUKIT
MERTAJAM

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) kawasan-kawasan di Daerah Seberang Perai Tengah, negeri Pulau Pinang yang masih tidak mampu melayani semua permintaan memasang telefon dan beritahu lokasinya;
- (b) mengapa di kawasan tertentu, sungguhpun terdapat tiang-tiang DP (distribution point) yang baru dan nombor-nombor di tiang itu adalah seperti 005/21,005/22 dan 005/23 tetapi masih belum dapat perkhidmatan; dan
- (c) bilakah masalah perkhidmatan telefon di Bukit Mertajam dapat diselesaikan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Daerah Seberang Perai Tengah dibekalkan dengan perkhidmatan telefon melalui tiga buah ibusawat yang mempunyai keupayaan sebanyak 60,000. Masalah yang dihadapi adalah masalah kekurangan talian di mana terdapat seramai 2,687 penunggu di kawasan seperti berikut:
 - (1) Taman Guar Peraku
 - (2) Kampung Aston
 - (3) Taman Mangga
 - (4) Taman Sentul
 - (5) Kubang Ulu
 - (6) Penanti
 - (7) Taman Kewangan
 - (8) Macang Bubuk
 - (9) Taman Sri Kijang
 - (10) JalanRazlan
 - (11) Jalan Sg. Rambai
 - (12) Taman Jambu
 - (13) Jalan Kulim
- (b) Dalam kawasan di mana terdapat tiang-tiang DP atau distribution point, dengan izin, perkhidmatan masih belum diberikan kerana kerja-kerja memasang kabel utama dari ibusawat ke kawasan berkenaan belum disiapkan lagi. Kerja-kerja ini dijangka siap menjelang bulan Ogos 1992.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 1,309 daripada 2,687 penunggu akan diberikan perkhidmatan sebelum akhir tahun ini. Bakinya akan dapat diberikan perkhidmatan apabila tiga buah ibusawat baru siap dibina.

**MAS—KENAIKAN TAMBANG
UDARA DOMESTIK**

20. Tuan George Sangkin minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) rasionalnya terhadap kenaikan tambang udara bagi penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya.
- (b) apakah faktor-faktor yang menyebabkan kerugian ke atas operasi MAS yang dijangka akan meningkat kepada S200 juta dalam tahun 1992 ini; dan
- (c) adakah cara lain yang lebih sistematik bagi mengurangkan kerugian tersebut selain daripada meninggikan tambang udara bagi penerbangan dalam negeri.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaieha binti Ismail):

- (a) Tambang penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan sebaliknya telah dinaikkan sebab kenaikan dalam kos operasi. Kali terakhir tambang tersebut dinaikkan ialah dalam bulan Ogos 1982.
- (b) Faktor-faktor yang menyebabkan kerugian \$200 juta untuk penerbangan dalam negeri ialah:
 - (i) peningkatan kos alat kelengkapan seperti pesawat;
 - (ii) peningkatan kos kakitangan;
 - (iii) meningkatkan caj-caj pendaratan dan memakir; dan
 - (iv) penambahan kapasiti.

- (c) Kementerian Pengangkutan telah membuat kajian dengan teliti berkenaan kenaikan kos operasi Penerbangan Malaysia (MAS) dan berpendapat bahawa MAS tidak mampu terus mengalami kerugian dalam operasi domestiknya tanpa kenaikan tambang tersebut. Dengan demikian, tambang domestik telah dinaikkan. Tidak ada pilihan lain untuk mengurangkan kos operasi.

**HOSPITAL LAU KING
HOWE, SIBU—PAKAR
PERUBATAN**

21. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian sedar bahawa sejak Mei 1991 tiada pakar perubatan yang ditempatkan di Hospital Lau King Howe, Sibu. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil atau telah diambil untuk mengatasi keadaan ini;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa sekarang hanya terdapat 23 doktor perubatan untuk bertugas kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan oleh 47 doktor di Hospital Lau King Howe. Kalau ya, apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi keadaan ini;
- (c) sama ada beliau sedar bahawa mesin "autoclave" yang digunakan untuk pembersihan alat-alat keperluan doktor sudah rosak di Hospital Lau King Howe, Sibu, dan walaupun pembaikan mesin ini kerap dilakukan, mesin ini tetap rosak dan kini semua pembersihan alat-alat tersebut terpaksa dijalankan di Hospital Kanowit. Kalau ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi keadaan ini. Sama ada

Kementerian sedia menggantikan mesin "autoclave" dengan yang baru. Kalau ya, bila. Kalau tidak, mengapa; dan

- (d) sama ada Kementerian Kesihatan sedia untuk mengkaji semula dan meningkatkan gaji yang akan dibayar kepada pegawai perubatan untuk mengelakkan pegawai tersebut meninggalkan perkhidmatan Kerajaan ke sektor swasta.

Dato' K. Kumaran:

- (a) Kementerian sedar bahawa sejak Mei 1991 tiada pakar perubatan yang ditempatkan di Hospital Lau King Howe, Sibu. Langkah sementara yang telah diambil ialah dengan menempatkan 7 pakar kontrak dan 3 pegawai perubatan pakar klinikal. Sebaik sahaja calon yang layak diperolehi akan ditempatkan secara hakiki.
- (b) Kementerian sedar bahawa dari 47 jawatan pegawai perubatan hanya diisi dengan 23 doktor perubatan. Kekosongan ini boleh dikatakan berlaku di setiap hospital oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai perubatan untuk dihantar ke negeri-negeri termasuk Sarawak. Pengalihan ke negeri-negeri dilakukan setiap kali pengambilan dijalankan.
- (c) Kementerian ini sememangnya sentiasa peka terhadap keperluan dan kemudahan yang disediakan di hospital-hospitalnya di seluruh negara. Kajian dan penilaian terhadap keperluan termasuk peralatan sentiasa dilakukan secara berterusan. Di Hospital Lau King Howe terdapat tiga mesin "autoclave", dengan izin, di mana satu dibekalkan pada

1972 dan dua lagi pada 1988. Ketika ini (iua mesin tersebut telah rosak, satu daripadanya (yang dibeli pada 1972) tidak boleh dibaiki lagi manakala sebuah lagi (dibeli pada 1988) sedang menunggu alatganti dari luar negeri. Proses untuk mendapatkan sebuah mesin baru untuk menggantikan mesin lama yang tidak boleh dibaiki lagi sedang dilakukan. Begitu juga proses membeli alatganti bagi mesin yang satu lagi juga telah dilakukan dan kini masih menunggu bekalan dari luar negeri. Sementara itu sebuah lagi mesin berkenaan masih berfungsi dengan baik. Oleh itu, adalah tidak benar "semua" pembersihan alat-alat keperluan Hospital Lau King Howe dilakukan di Hospital Kanowit.

- (d) Dalam menimbang kenaikan gaji yang akan dibayar Kerajaan tidak sahaja menimbang untuk keperluan sesuatu perkhidmatan tetapi perlu merangkumi kepada semua perkhidmatan demi untuk menjamin keseimbangan Sektor Perkhidmatan Awam. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengkaji dan melaksanakan skim baru iaitu Sistem Saraan Baru yang merangkumi semua perkhidmatan, termasuk perkhidmatan perubatan. Dengan itu, soal mengkaji untuk meningkatkan gaji mereka tidak timbul. Di samping itu, perlu dimaklumkan iaitu penghijrahan ke sektor swasta bukan berlaku atas sebab semata-mata melibatkan soal gaji tetapi berpunca juga oleh lain-lain sebab seperti tempat lokasi kerja untuk mendapat pengalaman baru dan soal pertukaran yang lebih merupakan soal individu.

JUMLAH PELANCONG MASUK KE MALAYSIA

22. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pelancong yang masuk ke Malaysia melalui Tambak Johor dalam tahun 1991 dan 6 bulan pertama 1992 secara 'Group Tour'; dan
- (b) daripada jumlah tersebut, berapa ramai yang menggunakan perkhidmatan syarikat pelancongan tempatan dan syarikat pelancongan daripada Singapura.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):

- (a) Seramai 3,641,781 orang pelancong telah masuk ke Malaysia melalui Tambak Johor dalam tahun 1991 dan seramai 1,735,407 orang pelancong bagi tempoh Januari - Mei 1992. Maklumat tentang ketibaan pelancong secara 'Group Tour' melalui Tambak Johor tidak dikumpulkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.
- (b) Bilangan pelancong yang menggunakan perkhidmatan syarikat pelancongan tempatan atau syarikat pelancongan daripada Singapura tidak dikumpulkan.

CEK-CEK—PEMALSUAN DAN KECURIAN

23. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil mengenai cek-cek yang dicuri boleh di'tunaikan' oleh pihak lain memandangkan terdapat pemalsuan dan kecurian cek-cek yang berleluasa sekarang.

Dato' Loke Yuen Yow: Kementerian Kewangan sedang memberi perhatian serius ke atas kegiatan mencuri dan menunaikan cek-cek. Oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, khususnya cek-cek yang dikeluarkan oleh MIDFCCS kepada pemohon-pemohon saham terbitan awam.

Dalam hubungan ini, peraturan-peraturan yang lebih kemas sedang dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan untuk memastikan perkara seumpama itu tidak berlaku lagi di masa hadapan.

Bagi cek-cek yang dikeluarkan oleh MIDFCCS kepada pemohon-pemohon saham terbitan awam misalnya, kaedah-kaedah tertentu sedang dipertimbangkan untuk membolehkan MIDFCCS membuat bayaran secara terus ke akaun pemohon-pemohon bagi mengelakkan ia dipintas oleh pihak ketiga.

Bagi mengelakkan pembukaan akaun dengan menggunakan dokumen-dokumen palsu, peraturan-peraturan yang lebih ketat sedang dipertimbangkan bagi memastikan identiti pembuka akaun mudah dikenalpasti.

Butir-butir lanjut mengenai peraturan baru itu tidak dapat diumumkan sekarang kerana ia masih lagi dalam kajian dan pertimbangan Kementerian Kewangan.

Bagi cek-cek biasa, pihak-pihak yang mengeluarkan cek juga perlu mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan cek-cek yang dikeluarkan itu sampai dengan selamat kepada pihak berkenaan.

Di samping itu, pihak bank-bank juga akan lebih berhati-hati dalam menguruskan pembayaran melalui cek dengan membuat pemeriksaan yang lebih teliti ke atas butir-butir yang berkaitan dengannya bagi mengelakkan penipuan.

**GAJI PEKERJA KILANG
KELAPA SAWIT LADANG
GOLDEN HOPE PULAU
CAREY, KLANG**

24. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada beliau sedar tentang para pekerja kilang kelapa sawit ladang Golden Hope Pulau Carey, Klang yang menerima upah terlalu rendah walaupun telah lama bekerja. Misalnya, pekerja yang sudah bekerja 20 tahun masih dibayar gaji harian \$12.00 caj sahaja, tidak diberi uniform bertugas, dikenakan caj elektrik yang lebih tinggi dari kadar di luar ladang. Jika sedar, apakah rancangan beliau untuk membantu dan menyelesaikan tuntutan para pekerja ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Ahli Yang Berhormat dari Klang dalam Ucapan Penangguhannya pada 20hb Julai, 1992 telah membangkitkan isu-isu yang sama dalam soalan yang dibangkitkan hari ini.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah memberikan jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan pada hari tersebut dan juga terdapat dalam *Hansard*.

Maka Kementerian Sumber Manusia tiada apa-apa perkara untuk ditambah kepada jawapan yang telah dicari itu.

**LAPORAN JAWATANKUASA
ANTARA KERAJAAN (IGC)—
PELAKSANAAN PERJANJIAN**

25. Tuan Joseph Voon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan menepati perjanjian-perjanjian dan jaminan-jaminan dalam Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) antara lainnya ialah bahawa pelaksanaan perjanjian IGC hendaklah dikaji pada tiap-tiap sepuluh tahun. Jika

benar, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji IGC pada tahun depan iaitu 1993. Kalau tidak, kenapa.

Dato' Wong See Wah: Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) 1962 telahpun dikaji semula melalui rundingan-rundingan antara Menteri-menteri dan pegawai-pegawai Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 1973, sebuah Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menimbangkan perkara-perkara yang perlu dikaji semula itu dan seterusnya rundingan-rundingan telah diadakan pada 10hb Januari, 1974 di antara wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Mesyuarat Perundingan tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Keputusan-keputusan Mesyuarat tersebut itu dilaksanakan dari semasa ke semasa sehingga sekarang oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan di peringkat Persekutuan dan Negeri dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

**PELAJAR-PELAJAR ORANG
ASLI—PRESTASI**

26. Tuan G. Palanivel minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah prestasi atau pencapaian pelajar-pelajar Orang Asli:

- (a) jumlah murid yang telah mengambil peperiksaan UPSR dalam tahun 1990/1991 dan berapa yang lulus dalam semua matapelajaran dalam peperiksaan itu. Berapa orang murid gagal dalam semua matapelajaran; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan para pelajar Orang Asli mencapai prestasi yang tinggi dalam pelajaran mereka.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut sumber daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, jumlah pelajar Orang Asli yang telah mengambil peperiksaan UPSR ialah seramai 684 orang pada tahun 1990 dan 835 orang pelajar pada tahun 1991. Analisis UPSR dibuat berdasarkan kemampuan pelajar mencapai tahap penguasaan atau sebaliknya.

Oleh kerana butir-butir lanjut mengenai analisis keputusan ini agak panjang untuk dibaca di dalam Dewan ini, saya memohon supaya butir-butir tersebut disampaikan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis. (Lihat Lampiran A).

- (b) Kebajikan dan pendidikan pelajar-pelajar Orang Asli adalah di bawah Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sungguhpun begitu, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi kerjasama kepada JHEOA

supaya pelajar-pelajar Orang Asli mendapat pendidikan yang sama seperti pelajar-pelajar lain. Antara langkah yang diambil untuk menggalakkan pelajar-pelajar Orang Asli mencapai prestasi yang tinggi dalam pelajaran mereka ialah:

- (i) mengadakan kelas-kelas bimbingan dan panduan peperiksaan;
- (ii) mengadakan Program Motivasi dan Kaunseling;
- (iii) mengadakan kemudahan-kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa seperti asrama;
- (iv) menempatkan guru-guru pelatih Kementerian Pendidikan di sekolah-sekolah Orang Asli jika diperlukan; dan
- (v) melatih tenaga pengajar sekolah Orang Asli melalui kursus dalam cuti di maktab-maktab perguruan.

Lampiran A

**Berikut Dinyatakan Butir-butir Lanjut Mengenai Analisis
Keputusan UPSR Berdasarkan Sumber Daripada
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli**

(i) *Tahun 1990*

<i>Mata Pelajaran</i>	<i>Jumlah Murid Yang Menduduki Peperiksaan</i>	<i>Pencapaian Tahap (A,B &C)</i>	<i>Tidalc Mencapai Tahap Penguasaan (D&K)</i>
Bahasa Malaysia Kefahaman	678	446	232
Bahasa Malaysia Penulisan	677	389	288
Bahasa Inggeris	684	192	492
Matematik	677	201	476

<i>Mata Pelajaran</i>	<i>Jumlah Murid Yang Menduduki Peperiksaan</i>	<i>Pencapaian Tahap (A, B & C)</i>	<i>Tidak Mencapai Tahap Penguasaan (D & K)</i>
(ii) <i>Tahun1991</i>			
Bahasa Malaysia Kefahaman	833	394	439
Bahasa Malaysia Penulisan	835	384	451
Bahasa Inggeris	819	185	634
Matematik	833	218	615

PENUBUHAN SURUHANJAYA SEKURITI

27. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh manakah usaha untuk menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission);
- (b) bagaimanakah Suruhanjaya ini akan memperbaiki pasaran modal khususnya pasaran ekuiti; dan
- (c) langkah-langkah yang akan diambil untuk membanteras jenayah kolar putih termasuk penyelewengan di dalam pasaran saham.

Dato' Loke Yuen Yovv:

- (a) Seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1992, Kerajaan akan menyusun semula badan-badan yang mentadbir dan menyelaras pasaran modal dengan menubuhkan sebuah badan pengawasan iaitu Suruhanjaya Sekuriti. Penuhuan Suruhanjaya akan membolehkan perancangan bagi pembangunan pasaran dibuat dengan teratur dan menjamin

pengawasan yang **lebih cekap** serta berkesan.

Satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan untuk mengkaji perkara-perkara berkaitan cadangan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti, termasuk langkah-langkah yang perlu diambil untuk menubuhkan badan pengawasan ini, organisasi dan fungsi-fungsi serta struktur perundangannya. Laporan Pasukan Petugas telah siap dan dikemukakan kepada Kerajaan.

Berdasarkan kepada Laporan Pasukan Petugas, satu Jawatankuasa Penggubalan telah ditubuhkan untuk menggubal undang-undang serta membuat pindaan kepada undang-undang yang sedia ada (bagi menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti).

Satu kertas Jemaah Menteri akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri tidak lama lagi sebelum rang undang-undang serta pindaan kepada undang-undang yang sedia ada dibentangkan di Parlimen.

- (b) Objektif Suruhanjaya Sekuriti adalah untuk membangunkan pasaran sekuriti dan kewangan hadapan dengan teratur dan

melindungi kepentingan pelabur-pelabur, khususnya pemegang ekuiti minoriti. Di dalam perkara ini, Suruhanjaya Sekuriti akan diberi ruang dan kuasa yang secukupnya bagi mengawasi pasaran dengan berkesan. Suruhanjaya Sekuriti juga akan memainkan peranan yang aktif dalam membangunkan pasaran modal supaya menjadi lebih cekap dan canggih.

- (c) Suruhanjaya Sekuriti akan diberi kuasa yang secukupnya untuk mengawasi pasaran modal supaya perdagangan dalam sekuriti adalah adil dan saksama dan peserta-peserta pasaran mengendalikan transaksi mengikut peraturan. Kuasa yang mencukupi juga diberi untuk mengendalikan pemeriksaan ke atas transaksi pasaran dan penguatkuasaan undang-undang sekuriti.

BADAN PENCEGAH RASUAH— HASIL SIASATAN KE ATAS MAIKA HOLDINGS

28. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah dalam skandal 9 juta saham STM yang patut diberikan kepada MAIKA tetapi diperuntukkan kepada tiga syarikat persendirian pilihan Yang Berhormat Presiden MIC dan:

- (a) sama ada Yang Berhormat Presiden MIC telah disoal siasat dan kalau tidak, mengapa;
- (b) adakah Kementerian Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan bekerjasama dengan siasatan BPR ini; dan
- (c) bolehkah Perdana Menteri memberikan jaminan bahawa beliau tidak akan mempengaruhi siasatan itu.

Dato' Wong See Wah:

- (a) Soalan pertama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan telahpun dijawab di dalam Dewan ini pada 21.7.92 yang lalu.

Segala tindakan siasatan oleh pihak BPR bertaraf rahsia dan dengan demikian **Badan** ini **tidak boleh memaklumkan** siapa yang telah dan akan disoalsiasat; berapa kali perlu disoalsiasat dan siapa yang telah bekerjasama dengan BPR.

- (b) Walau bagaimanapun, suka saya ingatkan di sini bahawa BPR berkuasa mengikut peruntukan undang-undang yang ada untuk memanggil serta mendapatkan kerjasama sesiapa sahaja yang dipercayai boleh membantu BPR dalam siasatannya.
- (c) Ingin saya tegaskan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini bahawa siasatan BPR adalah bebas daripada sebarang tekanan dan pengaruh oleh mana-mana pihak termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tiada siapapun boleh mengarah BPR menjalankan sesuatu siasatan dan BPR hanya akan menyiasat apabila ada asas-asas rasuah.

CEK-CEK PULANGAN MIDFCCS—PEMALSUAN KAD PENGENALAN

29. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar laporan-laporan yang mendakwa bahawa dalam kes-kes jenayah melibatkan cek-cek pulangan MIDFCCS baru-baru ini, kad-kad pengenalan palsu menjadi kunci operasi jenayah tersebut dan ada pihak-pihak yang ditangkap dengan alat-alat

pemalsuannya dan jika ya, nyatakan sama ada kad-kad palsu itu berbentuk yang baru atau yang lama.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Adalah benar salah satu punca kes jenayah yang berkaitan dengan cek-cek pulangan MIDFCCS melibatkan pemalsuan kad pengenalan. Penjenayah yang terlibat telahpun ditangkap dan disabitkan di Mahkamah. Peralatan-peralatan yang digunakan untuk memalsukan kad pengenalan telah juga dirampas. Kad pengenalan yang dipalsukan itu adalah berbentuk kad pengenalan lama.

KELAB-KELAB GOLF DAN REKREASI—KAWALAN KEGIATAN

30. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan selain daripada pindaan yang dicadangkan terhadap Akta Syarikat, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal tumbuhnya macam cendawan kelab-kelab mewah dan kelab-kelab golf supaya hak pengguna-pengguna dapat dipelihara, khususnya dari segi bayaran yuran yang tinggi dan perkhidmatan yang tidak setimpal dengan bayaran yang dikenakan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Untuk mengawal kegiatan kelab-kelab golf dan rekreasi supaya hak-hak pengguna dapat dilindungi sewajarnya, cadangan meminda Seksyen 84, Akta Syarikat 1985 akan memastikan pengeluaran prospektus dan suratikatan amanah seperti yang ditetapkan oleh Akta itu. Melalui dokumen-dokumen tersebut, semua bentuk perkhidmatan yang akan disediakan oleh sesebuah kelab

berkenaan **perluah disahkan dan** diisytiharkan sepenuhnya sebelum seseorang ahli membuat **keputusan** untuk menyertainya. Di samping itu, Kementerian ini juga sedang menyediakan garis panduan yang sewajarnya untuk dipatuhi oleh semua kelab-kelab berkenaan setelah mengambilkira kepentingan pengguna-pengguna **dan** juga pertumbuhan industri berkenaan di negara ini.

KESESAKAN LALULINTAS DI BUTTERWORTH

31. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada 'viable' **untuk membina satu jambatan baru melintasi Sungai Perai** untuk **menyambung Bagan Dalam** dengan **Perai untuk mengalir** kenderaan yang makin pesat:

- (a) sekiranya ya, sila beri butir-butir; dan
- (b) sekiranya tidak, mengapa.

Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar masalah kesesakan lalulintas di Butterworth termasuk kawasan yang dimaksudkan oleh **Ahli Yang Berhormat**. Oleh itu bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan akan melaksanakan projek 'Butterworth Outer Ring Road' di dalam RM6. Walau bagaimanapun, oleh kerana peruntukan RM6 yang disediakan adalah terhad, projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Buat permulaan segment 3 iaitu Jalan Bagan Luar/Jalan Bagan Dalam ke Jalan Telaga Air akan dibina dan tender dijangka akan dipanggil pada awal tahun 1993.

Berkenaan dengan pembinaan jambatan Sungei Perai ianya dijangka dipertimbangkan untuk pelaksanaan dalam RM7.

JEMAAH HAJI—MASALAH

32. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa ramai bilangan jemaah haji Malaysia yang telah gagal untuk mengerjakan wukuf di Arafah. Jika benar, berapakah jumlahnya dan apakah sebab-sebabnya; dan
- (b) berapakah bilangan syarikat swasta yang telah menguruskan jemaah haji pada musim haji yang lepas. Adakah semuanya telah mendaftar dengan LUTH dan apakah kriteria-kriteria yang dikenakan oleh LUTH bagi pendaftaran tersebut.

Dato' Wong See Wah:

- (a) Adalah tidak benar laporan-laporan yang mendakwa ramai jemaah haji tahun ini di bawah kelolaan Tabung Haji tidak dapat mengerjakan wukuf. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga sehari ini tidak ada laporan dari mana-mana orang perseorangan serta syarikat-syarikat swasta atau kumpulan yang mengendalikan jemaah haji dari Malaysia yang datang mendakwa ianya atau mana-mana jemaah haji yang dikendalikan olehnya tidak dapat berwukuf.
- (b) Untuk Musim Haji 1412H/1992M, Tabung Haji telah meluluskan 36 syarikat untuk mengendalikan jemaah haji di mana 2 syarikat telah menarik diri dan 34 syarikat ini telah mengendalikan jemaah haji seramai 6,891 orang.

Bilangan yang akan diluluskan untuk tahun 1413H belum diputuskan lagi.

YAYASAN PELAJARAN MARA—MASALAH PENGURUSAN

33. Tuan Haji Mohamed bin Sabu minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah benar Yayasan Pelajaran MARA (YPM) mengalami masalah pengurusan sehingga pengerusi YPM meletakkan jawatan atau diganti. Jika tidak benar, adakah ini menunjukkan kelemahan Pengerusi yang lama dalam menunaikan tugas dan tanggungjawabnya. Tidak benar juga, apakah sebab-sebab sebenarnya.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Perlantikan Pengerusi Yayasan Pelajaran MARA yang baru adalah bagi menggantikan Pengerusi YPM lama yang telah dilantik sebagai Pengerusi Bank Rakyat.

PENJENAYAH-PENJENAYAH KOLAR PUTIH—HUKUMAN

34. Tuan Haji Mohamed bin Sabu minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah Kerajaan bersetuju dengan cadangan Ketua Pengarah Penjara Malaysia supaya hukuman sebat dikenakan ke atas penjenayah-penjenayah kolar putih sebagai langkah mengawal jenayah tersebut dan juga mengatasi kesesakan penjara. Jika ya, huraikan. Jika tidak, apakah alternatif Kerajaan untuk mengawal dan mengatasi kedua masalah tersebut.

4.8.92

50. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Undang-undang menyatakan mendedahkan jenayah 'white collar' telah meningkat di seluruh negara, langkah-langkah dan tindakan Kerajaan telah, sedang dan akan diambil untuk mencegahnya.

54. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk meninjau pelbagai undang-undang yang

berkaitan dengan kesalahan kolar putih memandangkan kesalahan ini yang sedang berleluasa.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Izinkan saya menjawab soalan ini sekaligus dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lau Dak Kee dan Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh pada 4.8.92.

Pada ketika ini, Kerajaan sedang meneliti hukuman-hukuman yang sedia wujud terhadap penjenayah kolar putih, termasuk Kanun Keseksaan Cap. 45, Banking and Financial Institutions Act 1989, Companies Act 1965 dan sebagainya. Kajian dan penelitian tersebut adalah bermatlamatkan ke arah mengenakan hukuman yang lebih efektif dan berkesan bagi membanteras penjenayah-penjenayah kolar putih. Sehubungan dengan itu, penemuan hasil kajian tersebut akan dikemukakan untuk pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri.

SURUHANJAYA TINGGI
MALAYSIA DI SINGAPURA—
RUMAH KEDIAMAN
KAKITANGAN

35. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sila berikan keterangan sebab-sebab rumah kediaman kakitangan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura tidak dapat disiapkan oleh firma Singapura walaupun tempoh siapnya dilanjutnya selama 14 bulan;
- (b) adakah pihak Kementerian telah mengkaji keupayaan firma tersebut sebelum menerima tendernya dan apakah pertimbangan yang dibuat dalam menerima tender firma itu; dan,

- (c) kelewatan itu menyebabkan Kerajaan mengeluarkan belanja tambahan sebanyak \$3.85 juta. Mengapa Kementerian tidak segera membuat tuntutan gantirugi dari firma tersebut.

**Menteri Luar Negeri (Datuk
Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):**

- (a) Dengan ini dimaklumkan bahawa maklumat Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood mengenai perkara tersebut adalah tidak benar. Malahan, pihak kontraktor Syarikat Metropolitan Construction Engineering dari Singapura yang telah berjaya menyiapkan kerja-kerja terbengkalai projek rumah kediaman kakitangan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura itu. Firma ini telah menyiapkan projek gagal menyiapkan projek ini adalah kontraktor dari Malaysia iaitu Pemborong Jaya Sdn. Bhd. yang beralamat di 69-A, Jalan Harimau Tarum, Century Garden, Johor Bahru. Syarikat Pemborong Jaya tidak dapat menepati kehendak kontrak (contractual needs) walaupun telah diberi 5 kali tempoh perlanjutan. Tambahan lagi, tersebut pada 4hb Oktober, 1989. Kontraktor yang pihak konsultan arkitek yang dilantik oleh Kerajaan telah juga melaporkan bahawa Syarikat Pemborong Jaya tidak menunjukkan daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk menyiapkan projek tersebut. Justeru itu, Kementerian ini menamatkan perkhidmatan Syarikat Pemborong Jaya pada 10hb September, 1988.

- (b) Sukacita dimaklumkan bahawa dalam menjalani proses tender untuk pembinaan rumah kediaman kakitangan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura, Kementerian Luar Negeri ada menubuhkan sebuah Lembaga Tender dengan kepakaran dari Konsultan Arkitek dan kelulusan muktamad dari Perbendaharaan. Dengan penjelasan yang demikian, persoalan dari segi keupayaan dan pemberian tawaran kepada firma yang berkenaan telah dilaksanakan dengan teliti dan mematuhi kaedah dan garis panduan Kerajaan.
- (c) Adalah dengan ini dimaklumkan juga bahawa Kementerian Luar Negeri telahpun mengambil tindakan terhadap tuntutan gantirugi ke atas kegagalan pihak firma Pemborong Jaya Sdn. Bhd. Sehingga kini perkara ini masih lagi dalam penelitian dan kajian Jabatan Peguam Negara. Semua dokumen yang berkaitan dengan tuntutan gantirugi ini seperti salinan kontrak, penyata jumlah tuntutan kewangan dan sebagainya lagi telahpun dikemukakan dengan terperinci ke Jabatan berkenaan.

KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BINAAN—KEGAGALAN

36. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah faktor-faktor yang kerap kali menyebabkan ada kontraktor-kontraktor binaan yang gagal menyiapkan projek-projek Kerajaan mengikut jadual hingga menjejaskan rancangan Kerajaan dan tindakan yang Kementerian sedang ambil.

Datuk Leo Moggie anak Irok:
Faktor-faktor yang kerap kali menyebabkan ada kontraktor-kontraktor binaan yang gagal menyiapkan projek-projek Kerajaan mengikut jadual ialah:

- (a) Kontraktor tidak membuat kajian dan perancangan yang teliti sebelum menyertai tender yang menyebabkan harga yang ditawarkan tidak munasabah dan kemudiannya akan menghadapi masalah dalam pelaksanaan projek yang boleh mengakibatkan kegagalan.
- (b) Kontraktor menghadapi masalah kewangan seperti kekurangan modal pusingan atau kekurangan pekerja/bahan binaan di tapak bina sama ada di peringkat awal, pertengahan atau pengakhir pelaksanaan projek.
- (c) Kontraktor menghadapi masalah dari segi pengurusan projek seperti kurang pengalaman atau kemahiran, lemah dalam merancang, menjadual dan mengawal kerja pertelingkahan di antara ahli pengurusan syarikat atau di antara pihak kontraktor dengan sub-kontraktor yang dilantik, kontraktor lewat memasuki tapak dan mempunyai lebih dari satu projek.
- (d) Masalah-masalah lain seperti cuaca/banjir, masalah mendapatkan pekerja-pekerja mahir dan bahan binaan atau masalah pengangkutan terutamanya apabila tapak bina tersebut berada jauh di pedalaman.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Kerja Raya ialah:

- (a) Mewajibkan semua kontraktor yang ingin memasuki sebarang

tawaran kontrak membuat lawatan ke tapak bina projek yang dicadangkan untuk membuat kajian dari segi keperluan asas pelaksanaan kerja bagi membolehkan mereka membuat anggaran harga kontrak yang lebih baik semasa memasuki tawaran.

- (b) Membuat tawaran tender secara "Bill of Quantities" bagi membolehkan kontraktor merancang dengan lebih teliti skop kerja yang akan dilaksanakan dan kos-kos yang terlibat.
- (c) Membuat pemilihan yang lebih tinggi dan terperinci terhadap kontraktor-kontraktor yang memasuki tawaran dari segi kemampuan kewangan, pengurusan, pengetahuan dan kemahiran teknikal dan pengalaman melalui Sistem Penilaian Tender yang lebih baik.
- (d) Menubuhkan 'task force' iaitu Jawatankuasa Pengesahan Projek-projek JKR di setiap negeri bagi mengenalpasti projek-projek yang menghadapi masalah dan segera merancang atau membuat tindakan-tindakan yang sesuai untuk mengatasinya.
- (e) Menenalpasti kontraktor-kontraktor berpotensi khususnya bumiputera dan berusaha membantu mereka untuk lebih meningkatkan diri dalam bidang pembinaan.
- (f) Memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada kontraktor-kontraktor khususnya kontraktor bumiputera di samping menganjurkan kursus-kursus dalam bidang teknikal atau pengurusan kontraktor bagi membolehkan

mereka meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan keperluan semasa.

HAKMILIK TANAH DI JINJANG—PERMOHONAN UNTUK MEMBAHARUI TEMPOH PAJAKAN

37. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan berapa permohonan yang telah diterima oleh beliau untuk membaharui tempoh pajakan hakmilik tanah di Jinjang, berapa belum membuat permohonan dan berapa ditolak. Sila sebutkan bilangan kilang dan kedai yang haram dan yang dibenarkan beroperasi serta bilangan setinggan di kawasan tersebut. Apakah usaha untuk menempatkan yang haram.

Dato' Wong See Wah: Sukacita saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat kira-kira 2,925 lot hakmilik tanah di kedua-dua kawasan Jinjang Utara/Selatan. Pada masa ini, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telah menerima sebanyak 2,128 permohonan daripada bekas-bekas pemilik berdaftar terakhir untuk mendapat semula hakmilik ke atas tanah Kerajaan di kedua-dua kawasan Jinjang Utara/Selatan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,409 (66.2%) pemohon telah diluluskan permohonan mereka manakala 654 (30.7%) pemohon ditolak atas sebab mereka dengan sengaja telah melanggar syarat-syarat pemberimilikan tanah terdahulu. Sebanyak 65 (3%) permohonan lagi masih dalam siasatan Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan. Baki sebanyak 797 pemilik belum mengemukakan permohonan kerana tempoh pajakan tanah mereka belum luput.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan di Dewan yang mulia

ini bahawa daripada 2,925 lot yang ada, 2,650 lot adalah lot kediaman, manakala lot-lot kedai dan perusahaan, masing-masing ditetapkan sebanyak 245 lot dan 30 lot. Daripada angka-angka di atas bermakna hanya terdapat 245 lot kedai dan 30 lot perusahaan sahaja yang dibenarkan beroperasi secara sah.

Kerajaan ingin mengingatkan sekali lagi kepada pemohon-pemohon yang telah melanggar syarat kegunaan tanah ini bahawa pemberi milikan semula tanah kepada mereka tidak akan dipertimbangkan sekiranya mereka terus melanggar syarat-syarat tersebut. Mereka telah diberi peluang selama 3 bulan untuk memulihkan syarat-syarat penggunaan tanah sebelum permohonan mereka untuk mendapatkan semula tanah-tanah tersebut dapat ditimbangkan.

Bagi mereka yang melanggar peraturan dan undang-undang negara dengan mendirikan kilang-kilang dan kedai-kedai di atas lot-lot kediaman di Jinjang Utara dan Selatan ini, Kerajaan tidak bercadang untuk memberi tapak ganti atau menempatkan mereka ke kawasan yang lain.

**TABUNG BANTUAN
TEKNIKAL PERINDUSTRIAN
KECIL DAN SEDERHANA
(ITAF)—JUMLAH
PERMOHONAN**

38. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan mengenai berapa banyakkah IKS yang telah memohon bantuan di bawah ITAF semenjak penubuhan tabung ini dalam tahun 1990. Sila kategorikan permohonan mengikut skim-skim yang ditawarkan dari segi nilai, jenis industri dan negeri-negeri.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Sejak penubuhan Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian Kecil dan Sederhana (ITAF) pada bulan Julai 1990, sejumlah 285 permohonan telah diterima sehingga akhir bulan Jun 1992. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 140 permohonan telah diluluskan kepada syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana (IKS). Kategori permohonan mengikut skim-skim yang ditawarkan dari segi nilai adalah seperti berikut:

<i>Narna Skim</i>	<i>Bilangan Permohonan</i>	<i>Lulus</i>	<i>Tolak</i>	<i>Gran Diluluskan</i>
Skim Kajian Kemungkinan (ITAF 1)	30	24	6	\$ 148,985.00
Skim Pembangunan dan Rekabentuk Produk (ITAF 2)	109	62	47	\$3,701,105.00
Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti (ITAF 3)	91	34	57	\$1,884,550.00
Skim Pembangunan Pemasaran (ITAF 4)	35	20	15	\$ 240,649.42
Jumlah	265	140	125	\$5,975,289.42

Dari segi jenis industri pula, sektor elektrik dan eletronik mempunyai jumlah permohonan tertinggi iaitu sebanyak 25 yang telah diluluskan sehingga 30hb Jun, 1992. Ini diikuti oleh sektor automotif, makanan dan plastik masing-masing sebanyak 18,15 dan 14 permohonan diluluskan.

Pecahan terperinci mengikut jenis industri adalah seperti berikut:

<i>Jenis Industri</i>	<i>ITAF 1</i>	<i>ITAF 2</i>	<i>ITAF 3</i>	<i>ITAF 4</i>	<i>Jumlah</i>
1. Makanan	3	4	5	3	15
2. Kayu	5	2	—	4	11
3. Tekstil	3	2	—	5	10
4. Getah	—	1	2	1	4
5. Plastik	3	4	6	1	14
6. Logam	2	6	2	1	11
7. Galian Bukan Logam	1	3	4	1	9
8. Elektrik dan Elektronik	2	17	4	2	25
9. Automotif	2	8	8	—	18
10. Mesin dan Kejuruteraan	2	6	—	—	8
11. Kimia dan Petrokimia	1	8	2	1	12
12. Lain-lain	—	1	1	1	3
Jumlah	24	62	34	20	140

Sehingga 30hb Jun, 1992, negeri Selangor Darul Ehsan mendahului negeri-negeri lain dengan 55 permohonan diluluskan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 32. Negeri Perak Darul Ridzuan 15 dan Pulau Pinang 11 permohonan. Manakala lain-lain negeri mempunyai kurang dari 10 permohonan yang diluluskan kecuali bagi negeri Pahang Darul Makmur belum ada permohonan diluluskan walaupun telah ada 3 permohonan diterima.

Kedudukan terperinci skim-skim ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>ITAF 1</i>	<i>ITAF 2</i>	<i>ITAF 3</i>	<i>ITAF 4</i>	<i>Jumlah</i>
1. Johor Darul Takzim	1	3	2	3	9
2. Kedah Darul Aman	—	1	—	—	1
3. Kelantan Darul Nairn	1	2	1	—	4
4. Melaka	—	1	1	1	3
5. Negeri Sembilan Darul Khusus	2	—	1	—	3
6. Pahang Darul Makmur	—	—	—	—	—
7. Perak Darul Ridzuan	1	8	3	3	15
8. Pedis Indera Kayangan	1	—	—	—	1
9. Pulau Pinang	3	4	3	1	11
10. Sabah	—	—	—	1	1
11. Sarawak	—	—	1	1	2
12. Selangor Darul Ehsan	9	21	19	6	55
13. Terengganu Darul Iman	1	2	—	—	3
14. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	5	20	3	4	32
Jumlah	24	62	34	20	140

TAMBANG KAPALTERBANG
MAS DALAM NEGERI—
KENAIKAN KADAR

39. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kenaikan kadar tambang kapalterbang dalam negeri sebanyak 20% di Semenanjung dan 15% di Sabah dan Sarawak tidak menjejaskan hubungan rakyat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak terutama dari segi perniagaan. Nyatakan juga:

- (a) mengapa kadar kenaikan tambang ini terlalu tinggi; dan
- (b) sama ada perkhidmatan penerbangan mengalami kerugian besar sehingga menyebabkan kadar tambang dinaikkan secara mendadak.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Adalah tidak benar bahawa kenaikan kadar tambang penerbangan sebanyak 15% menjejaskan hubungan rakyat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak terutama dari segi perniagaan. Penerbangan Malaysia (MAS) masih menawarkan beberapa jenis tambang istimewa untuk perjalanan dengan diskaun di antara 10%-50%. Dari segi perniagaan, kenaikan 15% tersebut dijangka tidak membawa kesan oleh sebab MAS tidak dibenarkan menaikkan tambang di atas sektor tersebut sejak Ogos 1982.

Bagi pertanyaan selanjut iaitu soalan:

- (a) Adalah tidak benar bahawa kadar kenaikan tambang ini terlalu tinggi. Walaupun kadar tambang telah dinaikkan, tetapi tambang MAS masih merupakan antara yang terendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Walaupun terdapat kenaikan, kadar purata sebatu di Malaysia adalah 49 sen berbanding dengan

52 sen di Thailand, 17 sen di Indonesia dan \$3.42 di Amerika Syarikat.

- (b) Perkhidmatan MAS dalam negeri telah mengalami kerugian. Angka kerugian bagi tiga tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut;
 - (i) 1989/90 - \$ 11.1 juta
 - (ii) 1990/91 - \$ 130.5 juta
 - (iii) 1991/92 - \$ 141.5 juta

CUKAI PENDAPATAN BAGI
PERSATUAN-PERSATUAN—
PENGECUALIAN

40. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pendapatan daripada penyewaan bangunan dan sebagainya oleh persatuan-persatuan diberi kecualian cukai pendapatan memandangkan persatuan-persatuan ini hanya bertujuan untuk menjaga kebajikan ahli-ahli mereka. Jika ya, bilakah beliau mengumungkannya dan jika tidak, mengapa.

Dato' Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan menyedari hakikat bahawa setiap persatuan adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan ahli-ahli mereka. Namun begitu, pada masa ini hanya persatuan-persatuan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sahaja boleh mendapat pengecualian cukai pendapatannya sepertimana yang diperuntukkan di bawah perenggan (13) Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967. Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk memperluaskan lagi pemberian pengecualian cukai pendapatan kepada setiap buah persatuan bagi mengelakkan kebocoran hasil yang besar memandangkan bilangan persatuan di negara ini begitu banyak sekali.

ARTIS-ARTIS TEMPATAN— DISIPLIN

41. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah artis-artis berambut panjang ditekan dan dihukum sedangkan muzik dan lagu rock sebagai punca utama yang mempengaruhi gejala-gejala tidak sihat serta merosakkan akhlak tidak diharamkan. Bukankah tindakan Kementerian menghukum artis-artis tersalah tempat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Kementerian Penerangan menekankan disiplin terhadap artis-artis supaya persembahan mereka menonjolkan hanya ciri-ciri yang positif kepada para penonton. Begitu juga dengan muzik dan lagu-lagu rock. Kementerian Penerangan tidak membenarkan muzik dan lagu rock yang keterlaluan sepertimana yang berlaku di negara-negara barat. Siaran muzik dan lagu rock dihadkan supaya ianya setakat menghiburkan para penonton dan tidak menjejaskan akhlak pemuda-pemudi.

PELABURAN ASING DAN PERINDUSTRIAN DI SARAWAK— GALAKAN

42. **Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan memandangkan bahawa beliau telah berbincang dengan Kementerian Pembangunan Industri Negeri Sarawak pada 12hb Jun, 1992 dan perkara yang berbangkit adalah seperti berikut:

- (a) insentif kepada keluaran barang-barang yang digalakkan (promoted products) sebelum Belanjawan 1992 telah diberhentikan;
- (b) ekuiti 100% perusahaan plastik dan besi adakah tidak digalakkan lagi di negara Malaysia; dan

- (c) pengeksporan barang-barang elektronik dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia oleh syarikat 100% kepunyaan asing tidak lagi dibenarkan.

Oleh yang demikian, bagaimanakah keputusan Kementerian untuk menggalakkan pelaburan asing dan perindustrian di negeri Sarawak yang kini masih kebelakangan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Selanjutnya, adakah kajian teliti telah dibuat sebelum memberi keputusan yang mungkin menggugat prestasi pembangunan perindustrian negeri Sarawak.

Tuan Chua Jui Meng: Kerajaan sedar bahawa asas perindustrian (industrial base) di Sarawak perlu diperluaskan dan dengan yang demikian adalah penting pembangunan infrastruktur, latihan bagi pekerja, skim galakan pelaburan dikaji semula secara menyeluruh dan mendalam supaya pelabur-pelabur tertarik untuk melabur di negeri Sarawak. Perkara-perkara ini sedang dijalankan oleh MITI dan agensi-agensinya Kerajaan yang lain. Selain dari itu, langkah-langkah berikut telah diambil untuk menarik pelaburan ke negeri Sarawak.

- (i) Bagi projek tertentu seperti, dengan izin, plywood, timber mouldings, wooden cabinets for electrical and electronic products yang ditempatkan di Sabah dan Sarawak, akan diberikan galakan sungguhpun galakan tidak lagi diberikan kepada projek-projek seumpama yang ditempatkan di Semenanjung Malaysia.
- (ii) Pengilang-pengilang yang mengeksport barang-barang rotan dan kayu (kecuali kayu gergaji dan veneer) layak mendapat potongan cukai dua kali ke atas kos pengangkutan yang ditanggungnya.

- (iii) Pengecualian khas kepada pengilang-pengilang di Sabah dan Sarawak seperti berikut:
- Pengilang-pengilang di Sarawak akan dipertimbangkan untuk pengecualian duti import ke atas bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen untuk perkilangan bagi pasaran tempatan dan eksport walaupun bahan-bahan mentah/bahagian-bahagian komponen berkenaan ada dikeluarkan di Semenanjung Malaysia dan Sabah tetapi tidak ada dikeluarkan di Sarawak;
 - Bagi pasaran tempatan syarikat membayar duti import 3% ad valorem sahaja; dan
 - Skim Pengecualian Khas ini dilaksanakan untuk jangka masa 5 tahun mulai Julai, 1990 dan selpas itu dikaji semula.
- (iv) Memberi pinjaman atas kadar faedah rendah di bawah Tabung Penyusunan Industri bagi industri-industri kayu yang menempatkan semula operasi mereka dari Semenanjung ke Sarawak dan Sabah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, galakan-galakan pelaburan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan masih kekal, tetapi dipinda sedikit. Pindaan ini adalah berkaitan dengan paras pengecualian iaitu:

- (i) Syarikat yang dahulunya diluluskan dengan galakan Taraf Perintis adalah diberi pelepasan sepenuhnya daripada cukai pendapatan syarikat selama 5 tahun (pengecualian 100%) bermula dari "hari pengeluaran". Walau bagaimanapun, mulai dari Hari Belanjawan 1992 syarikat

yang memohon dan diluluskan Taraf Perintis akan dikenakan cukai kira-kira 10% ke atas keuntungan mereka. Ini akan dilaksanakan melalui penguurangan sebanyak 70% ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun dan baki 30% pendapatan dikenakan cukai pada kadar cukai korporat semasa. Jumlah pendapatan yang dikurangkan akan dikecualikan daripada cukai dan boleh diagihkan sebagai dividen yang dikecualikan.

- (ii) Syarikat yang dahulunya diluluskan galakan Elaun Cukai Pelaburan diberi elaun sehingga 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang akan dilakukan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh projek berkenaan diluluskan. Akan tetapi di bawah Belanjawan 1992, syarikat yang diluluskan Elaun Cukai Pelaburan pada dan selepas dari Hari Belanjawan 1992 akan diberi elaun sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak. Jumlah elaun cukai pelaburan yang akan dikecualikan tertakluk kepada maksima 70% daripada pendapatan berkanun syarikat. Elaun yang tidak terpakai boleh dibawa ke tahun taksiran berikutnya.

Pindaan-pindaan ini meliputi Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Adalah tidak benar ekuiti 100% perusahaan plastik dan besi tidak digalakkan lagi di Malaysia. Kedua-dua aktiviti ini masih digalakkan. Bagi sub-sektor 'plastic injection moulded components and parts for the electrical, electronics and telecommunication industry', dengan izin, syarikat-syarikat yang mengeksport ke Zon Perdagangan Bebas (FTZ) atau Gudang Perkilangan Berlesen (LMW), akan dikenakan syarat ekuiti sekurang-kurangnya 40% ekuiti Malaysia.

Syarat-syarat ekuiti dikenakan ke atas projek-projek seperti ini bagi membangunkan usahawan-usahawan tempatan dalam bidang-bidang di mana keupayaan tempatan sedia wujud.

Adalah juga tidak benar peng-eksportan barang-barang elektronik dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia oleh syarikat 100% kepunyaan asing tidak lagi dibenarkan. Syarikat-syarikat dibenarkan menjual di pasaran tempatan jika tidak dikenakan syarat eksport.

KANDUNGAN BAHAN-BAHAN KIMIA

43. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan kandungan bahan-bahan kimia di dalam bekalan air, daging, sayur-sayuran serta makanan siap di pasaran Malaysia dan sama ada kandungan bahan kimia tersebut selamat digunakan.

Dato' K. Kumaran: Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengawasi kandungan bahan-bahan kimia di dalam air, daging, sayur-sayuran dan makanan siap melalui Program Kawalan Mutu Makanan dan Program Kawalan Mutu Air Minum.

Sebagai misalnya, sejumlah 41,005 sampel makanan telah diambil pada tahun 1991 di mana terdapat 4,420 kes yang melanggar Peraturan-peraturan Makanan 1985. Dari jumlah ini terdapat sebanyak 1,537 kes di mana makanan tersebut mengandungi bahan kimia yang berlebihan seperti aditif makanan, residu racun makhluk perosak dan lain-lain. Ini bermakna pada tahun 1991 kandungan bahan kimia yang berlebihan dari segi paras yang telahpun ditetapkan dalam Akta dan Peraturan-peraturan Makanan 1985 ialah hanya 3.7% dari jumlah sampel makanan yang telah diambil.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa memberi nasihat pada pihak industri makanan supaya mematuhi Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan seterusnya memberi amaran dan mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang terus tidak mematuhi. Pada tahun 1991 sahaja, sebanyak 376 kes telah didenda dengan kutipan wang denda sebanyak \$254,090.

Hanya bahan-bahan kimia yang telah terbukti selamat dibenarkan di dalam makanan mengikut paras yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Makanan, 1985.

JEMAAH HAJI—MASALAH

44. Puan Hajah Hani binti Dato Haji Isahak minta Perdana Menteri menyatakan berapa jumlah jemaah Haji dari Malaysia yang gagal menyempurnakan Haji dan apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Tabung Haji atau Kerajaan bagi mengelak perkara ini terus berlaku dan apakah pihak Tabung Haji atau Kerajaan akan menghantar semula secara percuma mereka yang terkandas itu menunaikan Haji pada tahun 1993.

Dato' Wong See Wah: Untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini telahpun dijawab di Dewan ini pada 21hb Julai 1992. Oleh kerana semua jemaah Haji yang mendaftar dengan Tabung Haji telah dapat berwukuf, maka soal menghantar semula mereka yang tidak berwukuf secara percuma tidaklah timbul.

SAHAM-SAHAM DARI PENSWASTAAN SYARIKAT- SYARIKAT

45. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Yang Berhormat Presiden Gerakan pernah bercadang bahawa saham-saham dari syarikat yang diswastakan diberikan kepada golongan miskin tanpa

mengira kaum dan apakah keputusannya serta mengapakah kaum Cina yang miskin tidak diperuntukkan saham STM menerusi MCA seperti yang diberikan kepada kaum India menerusi MIC. Adakah MCA membuat permohonan sebegini.

Dato' Loke Yuen Yovv: Soalan ini saya telah jawab beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Ingin saya nyatakan sekali lagi bahawa Kementerian Kewangan tidak memperuntukkan saham-saham syarikat-syarikat yang diswastakan kepada mana-mana parti politik. Saya juga telah menyatakan beberapa kali dalam Dewan ini mengenai saham tawaran khas untuk kaum India bagi Syarikat Telekom Malaysia dan saya rasa tidak perlu mengulanginya lagi. Kementerian Kewangan pada dasarnya, dipertanggungjawabkan untuk mengagihkan saham-saham syarikat-syarikat yang diswastakan untuk pelabur-pelabur institusi dan syarikat-syarikat milik bumiputera sahaja dan tidak kepada mana-mana parti politik.

PENSWASTAAN—HASIL PROGRAM

46. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil yang telah tercapai sejak program penswastan dilancarkan;
- (b) apakah kesan-kesan positif dan negatif yang terhasil daripada program tersebut; dan
- (c) apakah program-program penswastan yang ada di peringkat kajian sekarang dan bilakah ianya dilaksanakan.

Dato' Wong See Wah:

- (a) & (b) Soalan (a) dan (b) adalah berkait rapat dan saya akan menjawabnya sebagai satu

soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak program penswastan dilaksanakan dalam tahun 1983, sebanyak 54 projek telah berjaya diswastakan. Berikutan daripada penswastan projek-projek tersebut, beberapa kesan positif atau faedah telah-pun dapat dinikmati oleh negara. Faedah-faedah ini termasuklah peningkatan kecekapan, pengurangan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan, peningkatan pertumbuhan ekonomi, penglibatan aktif bumiputera dalam projek penswastan dan faedah kewangan yang dinikmati oleh orang ramai.

Dari segi peningkatan kecekapan, terdapat beberapa petunjuk yang jelas menunjukkan bahawa penswastan telah meningkatkan kecekapan. Contohnya, sebelum terminal kontena Pelabuhan Klang diswastakan, masa purata yang diambil bagi memunggah kargo dari sesebuah kapal di terminal tersebut ialah selama 11.7 jam. Tempoh ini dapat dikurangkan kepada 8.9 jam selepas dua tahun ia diswastakan.

Dari segi pertumbuhan ekonomi negara pula, dasar penswastan telah banyak mendorong pertumbuhan ekonomi negara. Banyak contoh-contoh yang menunjukkan bahawa penswastan telah mendorong perkembangan sektor korporat dan juga telah membuka peluang yang lebih bagi meningkatkan pertumbuhan melalui daya usaha sektor swasta. Salah satu daripada contoh yang boleh diambil ialah peranan yang dimainkan oleh Syarikat Telekom Malaysia (STM) semenjak ianya ditubuhkan di mana telah memperkenalkan, meningkat dan memasarkan

secara agresif beberapa perkhidmatan-perkhidmatan baru yang sebelumnya tidak begitu diketahui.

Dari segi pengurangan beban pentadbiran dan kewangan Kerajaan pula, penswastaan telah berjaya mengurangkan beban pentadbiran Kerajaan khususnya dari segi kakitangan dan juga tanggungan kewangan. Pengurangan beban ini adalah amat ketara dengan penswastaan agensi yang besar seperti Jabatan Telekom Malaysia, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Perkhidmatan Pos. Pada keseluruhannya, penswastaan telah mengurangkan saiz sektor awam seramai lebih kurang 65,000 orang.

Dari segi hasil pula, Kerajaan telah pun memperolehi pendapatan sebanyak \$4,435.24 juta daripada penjualan kepentingannya di dalam syarikat-syarikat yang diswastakan. Selain daripada pendapatan ini, Kerajaan juga memperolehi pendapatan tahunan dalam bentuk bayaran pajakan/sewaan seperti penswastaan Terminal Kontena Klang (KCT), dan cukai korporat dari syarikat-syarikat yang diswastakan. Di samping itu, tanggungan pinjaman Kerajaan ke atas beberapa projek yang diswastakan telah nyata berkurangan melalui pembiayaan semula pinjaman khususnya yang diambilalih oleh STM, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia, dan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS).

Penswastaan projek-projek baru telah mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Nilai beban kewangan yang telah dapat dikurangkan hasil daripada

pelaksanaan penswastaan projek-projek baru bagi tujuan pembangunan infrastruktur berjumlah lebih kurang \$8.6 ribu juta. Penjimatan ini merupakan jumlah perbelanjaan yang sepatutnya dibelanjakan oleh Kerajaan sekiranya projek-projek tersebut tidak diswastakan.

Dari segi mencapai matlamat penyusunan semula, program penswastaan telah membantu meningkatkan penyertaan bumiputera di sektor korporat. Kebanyakan projek penswastaan yang telah dilaksanakan mempunyai sekurang-kurangnya 30% penyertaan bumiputera, manakala penganjur-penganjur (promoters) bumiputera telah memainkan peranan yang aktif di dalam penswastaan projek baru. Di samping itu, pengurangan beban kewangan Kerajaan melalui penswastaan telah membolehkan Kerajaan menyalurkan sumber kewangan tersebut kepada projek lain yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan yang didapati keperluannya adalah begitu mendesak.

Orang ramai juga turut menikmati faedah dari pelaksanaan dasar penswastaan, terutamanya bagi penswastaan yang dilaksanakan melalui penyenaian saham. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian daripada saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah ditawarkan kepada orang ramai.

- (c) Kerajaan telah menyediakan program penswastaan dalam bentuk Pelan Tindakan Penswastaan bagi tempoh dua tahun iaitu 1992-1993. Dalam program tersebut, sebanyak 27

entiti Kerajaan dirancang akan diswastakan tahun ini, manakala 28 entiti lagi akan diswastakan pada tahun 1993. Di samping itu, sebanyak 57 entiti lagi akan disusun semula bagi membolehkan urusan penswastaan dilaksanakan kelak. Memandangkan senarai entiti yang akan diswastakan dan disusun semula untuk diswastakan adalah panjang, saya tidak bercadang untuk membacanya di Dewan ini. Ahli Yang Berhormat bolehlah mendapatkan senarai syarikat-syarikat tersebut dari saya sekiranya Ahli Yang Berhormat memerlukannya.

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA YANG MURTAD DI LUAR NEGERI

47. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan butiran pelajar-pelajar Malaysia yang murtad di luar negeri sama ada di United Kingdom, Amerika Syarikat atau lain-lain negara.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) di luar negeri, Kementerian Pendidikan telah membuat siasatan berkaitan dengan laporan mengenai pelajar-pelajar wanita Melayu yang menukar agama.

Sehingga kini belum didapati maklumat tentang adanya mana-mana pelajar Melayu Malaysia yang menukar agama Islam kepada agama-agama lain.

HUTAN NEGARA—DAKWAAN MENGENAI PENGURUSAN

48. Dr Sanusi bin Daeng Mariokminta Menteri Perusahaan Utama menyatakan di manakah kesilapan dan kelemahannya sehingga dasar pembalakan dan pengeksportan kayu tropika negara

masih dipertikaikan oleh masyarakat antarabangsa meskipun berbagai usaha dijalankan di dalam dan luar negeri untuk menyakinkan dunia mengenainya.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai usaha untuk menyangkal dakwaan-dakwaan yang tidak benar yang disebarkan oleh kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar mengenai pengurusan hutan di negara ini. Beberapa pihak yang ditemui kini mula menyedari bahawa dakwaan mereka terhadap pengurusan hutan di negara ini adalah tidak tepat dan mereka mula menerima penjelasan kita terhadap perkara tersebut. Walau bagaimanapun, berapa kumpulan pendesak alam sekitar lain masih dan akan terus menjalankan kempen memburuk-burukkan amalan pengurusan hutan di negara ini.

Dalam hal ini, kita perlu sedar bahawasanya kita berhadapan dengan beberapa golongan manusia atau oportunist yang mempunyai kepentingan masing-masing dan ingin dianggap jaguh dalam isu alam sekitar dunia. Secara amnya, mereka ini terdiri dari kumpulan-kumpulan pendesak alam sekitar/pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs), dan ahli-ahli politik khususnya di negara-negara barat.

Mereka ini sebenarnya sedar bahawasanya masalah penghakisan kualiti alam sekitar adalah berpunca dari cara kehidupan mereka yang mewah dan membazir (unsustainable consumption pattern), tetapi mereka tidak bersedia untuk berkompromi dan mengubah cara hidup mereka. Oleh itu, mereka telah mengeksploit dan memperbesar-besarkan isu hutan tropika sebagai "scapegoat" untuk mengalih pandangan masyarakat antarabangsa dari tertumpu kepada masalah di negara mereka. Untuk menjadikan lebih sensasi supaya mendapat simpati dan sokongan masyarakat dunia, mereka telah mengaitkan isu pemusnahan hutan tropika dengan masalah alam sekitar

dunia, penderitaan kaum asli dan kepupusan kepelbagaian biologi. Apa yang mereka mahukan adalah supaya dunia menyanjung mereka sebagai jaguh yang mengambil berat tentang masalah alam sekitar dunia berbanding dengan negara tropika yang menghadapi berbagai cabaran di dalam membangun dan menyediakan keperluan asas kepada rakyat. Untuk itu mereka seringkali memutarbelitkan fakta dan menyampaikan maklumat yang tidak betul mengenai pengurusan hutan di negara ini supaya masyarakat antarabangsa menyalahkan dan menghukum negara-negara membangun dengan menganjurkan sekatan dan pemuluan ke alas perdagangan kayu tropika.

Sesungguhnya, tidak ada kelemahan dan kesilapan dalam pendekatan kita memerangi kempen anti-kayu tropika, cuma kita berhadapan dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan yang berpengaruh yang menyara kehidupan dengan memburuk-burukkan orang lain.

TOL SLIM RIVER—KUTIPAN

49. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) bahawa Kerajaan telah berjanji selama tigabelas (13) tahun yang lalu bahawa kutipan tol di Slim River akan diberhentikan selepas 13 tahun tetapi sekarang sudah lebih daripada tigabelas (13) tahun berlalu dan kini PLUS masih menjalankan kutipan tol di Slim River;
- (b) bilakah kutipan tol di Slim River akan diberhentikan berdasarkan kepada janji Kerajaan; dan
- (c) berapakah purata hasil kutipan setiap hari di pintu Tol Slim River.

Datuk Leo Moggie anak Irok:

- (a) Saya ingin menjawab soalan (a) dan (b) sekaligus. Kerajaan mungkin pernah memaklumkan bahawa kutipan tol di Slim River akan dipertimbangkan untuk diberhentikan. Walau bagaimanapun, mengikut Perjanjian Konsesi Lebuhraya Utara Selatan, pihak PLUS Bhd. akan berhenti mengutip tol di Plaza Tol Slim River apabila Bahagian Lebuhraya yang baru dari Tanjung Malim ke Bidor dibuka kepada lalulintas dan Lebuhraya Slim River diserahkan balik kepada Kerajaan. Kerajaan akan mempertimbangkan sama ada kutipan tol akan diteruskan atau diberhentikan apabila sampai masanya kelak.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan hasil kutipan tol yang dibuat sepanjang tahun 1991, purata hasil kutipan harian ialah lebih kurang \$8,300.

TOL DI JALAN CHERAS, KUALA LUMPUR—HASIL KUTIPAN

50. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) berapakah purata hasil kutipan setiap hari di pintu Tol Cheras;
- (b) berapakah jumlah sebenar wang pampasan yang telah dibayar kepada Teratai K.G. Sdn. Bhd. apabila kutipan tol di Cheras telah digantung dan dilanjutkan semula di mana Metramac Sdn. Bhd. telah mengambilalih; dan
- (c) sama ada terdapat 'Open Tender' sebelum kontrak kutipan tol diberikan kepada Metramac Sdn. Bhd. Jika ya, sila bekalkan senarai syarikat-syarikat dan sebab-sebab yang diberikan

untuk tidak memberikan kontrak tersebut.

Datuk Leo Moggie anak Irok:

- (a) Purata hasil kutipan tol setiap hari di Jalan Cheras adalah \$53,000 (untuk perjalanan dua-hala) bagi tahun ini.
- (b) Apabila kutipan tol di Jalan Cheras ditangguhkan pada bulan September, tahun 1990 yang lalu, pihak Kerajaan tidak membayar apa-apa wang pampasan kepada syarikat konsesi iaitu Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd. Ini disebabkan Kerajaan cuma mengadakan rundingan baru (re-negotiation) mengenai syarat-syarat konsesi dengan pengurusan baru syarikat konsesi, yang mana namanya ditukar menjadi Metramac Corporation (M) Sdn. Bhd.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana Metramac Corporation (M) Sdn. Bhd. sebenarnya adalah berasal daripada Syarikat Teratai K.G. Sdn. Bhd., maka soal "Open Tender" tidak timbul kerana tidak melibatkan tawaran/kontrak baru.

**SIJIL PEPERIKSAAN
BERSAMA—PENGIKTIRAFAN**

51. Tuan Wong Wing On minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapa sehingga kini Kerajaan Barisan Nasional masih enggan mengiktirafkan Sijil Peperiksaan Bersama (Unified Examinations) Sekolah-sekolah Swasta Bahasa Cina, sedangkan sembilan puluh (90) institusi-institusi pengajian tinggi di negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, Britain, Australia dan New Zealand telah memberi penilaian yang tinggi serta pengiktirafan kepada sijil tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengiktiraf sijil 'Unified Examination' Sekolah-sekolah Swasta Bahasa China. Ini selaras dengan Laporan Razak (1956) yang telah memperakukan bahawa semua sekolah menengah dan rendah mesti mengambil peperiksaan yang sama yang dikendalikan oleh pihak pusat supaya dasar pendidikan negara terlaksana sebagaimana yang dikehendaki. Oleh yang demikian, maka wujudlah Lembaga Peperiksaan sebagai badan ulung yang diiktiraf untuk menjalankan tugas menyediakan dan mengendalikan peperiksaan bagi semua sekolah di negara ini. Penubuhan badan-badan peperiksaan lain untuk menjalankan peperiksaan tertentu adalah di luar dasar Laporan Razak. Oleh itu, tidak timbul soal pengiktirafan sijil berkenaan.

**KES KEMALANGAN JALAN
RAYA**

52. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada sedar bahawa kebanyakan pemandu dan penumpang van-van mati dalam kemalangan baru-baru ini. Jika sedar, sebutkan langkah-langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil untuk mengurangkan dan mencegahnya. Sebab-sebabnya mengadakan 'Third Brake Light'.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kementerian Pengangkutan memang sedar mengenai peningkatan kes kemalangan jalan raya yang melibatkan pemandu dan penumpang van. Sebagai langkah untuk mengatasinya, Kementerian Pengangkutan telahpun meminda Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1992 dengan memasukkan

peruntukan baru berhubung dengan van yang telah berkuatkuasa mulai 1 hb April, 1992, iaitu seperti berikut:

- (i) Jumlah penumpang yang dibawa adalah berdasarkan jumlah yang tercatat di dalam Buku Pendaftaran bagi sesuatu jcnis van tersebut.
- (ii) Jumlah penumpang di tempat duduk hadapan tidak boleh melebihi daripada seorang dan ruang sekurang-kurangnya 455 milimeter daripada tengah steering ke sebelah kiri hendaklah dikhaskan kepada pemandu.
- (iii) Had laju maksima bagi van ditetapkan 90 km scjam di lebuhraya dan 80 km sejam bagi jalan-jalan biasa.

Bagi memastikan peraturan-peraturan baru ini dipatuhi, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis DiRaja Malaysia sentiasa mempergialkan aktiviti penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu van. Operasi bcsar-besaran telah diadakan sempena menyambut Hari Raya Puasa yang lalu. Kesannya adalah amat menggalakkan di mana bilangan kemalangan yang melibatkan 'van' semasa perayaan Hari Raya Puasa 1992 menurun daripada 679 kemalangan kepada 540 kemalangan berbanding dengan tempoh Hari Raya Puasa bagi tahun 1991.

Di samping itu, Kementcrican Pengangkutan juga akan menguatkuasakan peraturan pemasangan Lampu Brek Ketiga mulai 1hb Januari, 1993 bagi semua kenderaan baru. Scmcntara pemasangannya bagi kenderaan lama ialah pada 1hb Julai, 1993. Scbab ulama dilaksanakan peraturan pemasangan Lampu Brek Ketiga ini ialah bcrtujuan untuk mengelakkan pelanggaran dari belakang yang kerap berlaku. Pemasangan Lampu Brek Ketiga ini

akan membolehkan kenderaan yang mengekori dan berada di posisi ketiga melihat dan mengetahui apabila kenderaan pertama membrek dan dengan demikian dapat bertindak serentak dan sewajarnya apabila berlaku sebarang kecemasan.

KAD PENGENALAN BARU— JUMLAH

53. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebutkan jumlah orang yang telah menukarkan Kad Pengenalan Baru setakat hari ini;
- (b) berapakah jumlah Kad Pengenalan Baru telah diproseskan dan diterima oleh pemohon setakat hari ini;
- (c) berapakah jumlah Kad Pengenalan Baru masih berada di dalam proses setakat hari ini;
- (d) berapakah lamanya untuk memproseskan satu Kad Pengenalan Baru, dari masa memohon hingga mendapat Kad Pengenalan oleh pemohon;
- (e) sebutkan sebab-sebabnya berapa Kad Pengenalan Baru telah hilang semasa dihantar dari Kuala Lumpur kepada Cawangan Negeri; dan
- (f) apakah langkah-langkah yang berkesan telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kehilangan Kad Pengenalan Baru berkenaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayub:

- (a) Sehingga 30hb Jun, 1992, seramai 1,086,410 orang telah menukar Kad Pengenalan Baru.
- (b) Sebanyak 1,303,606 Kad Pengenalan Baru telah disiapkan sehingga 30hb Jun, 1992.

- (c) Sebanyak 671,692 Kad Pengenalan Baru masih lagi diproses setakat ini.
- (d) Permohonan yang teratur akan mengambil masa lebih kurang 3 bulan untuk diselesaikan.
- (e) Soalan ini tidak berkaitan kerana tidak ada kejadian kehilangan kad-kad yang dihantar dari Ibu Pejabat ke Pejabat Pendaftaran Negeri.
- (f) Sistem penghantaran kad pengenalan melalui beg berkunci adalah selamat.

**PERKHIDMATAN TV4 DAN
PROGRAM CINA DI TV2**

54. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) siapakah pemegang saham bagi TV4 yang dicadangkan dan adakah perkhidmatan TV4 akan diadakan di Sarawak;
- (b) adakah benar masa pcnayangan program TV Cina di RTM, TV2 telah dikurangkan. Kalau benar, berapa peratus dan mcngapa; dan
- (c) adakah benar bahawa pengeluar program TV Cina tidak rnenggunakan bahasa Mandarin yang betul (standard). Kalau benar, adakah Kementerian akan memperbaikinya.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:

- (a) Kementerian tidak bercadang untuk membuat satu stesen TV yang baru.
- (b) Walaupun peratus program Cina di RTM 2 telah dikurangkan tetapi pada sebenarnya jumlah jam siarannya tetap pada 12 jam.
- (c) Adalah benar bahawa pengeluar program dalam bahasa Mandarin dari swasta tidak berkualiti seperti untuk siaran; ada di

antaranya yang rnenggunakan bahasa secara betul dan tidak betul. Kementerian sentiasa memberi nasihat kepada para pengeluar untuk memperbaikinya.

**HOSPITAL BESAR
KUALA LUMPUR DAN
HOSPITAL UMUM, KUCHING,
LAU KING HOWE, SIBU DAN
MIRI—MEMPERBAIKI
KEADAAN**

55. Tuan Robert Lau Hoi Chiew minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Adakah Menteri sedar bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan di mana saya sendiri telah mengalami semasa tinggal di Hospital Besar Kuala Lumpur iaitu di wad kelas pertama:
 - (i) sistem penghawa dingin telah lama rosak dan tidak dibaiki dan biliknya tidak kalis nyamuk (mosquito proof);
 - (ii) sebahagian daripada langit-langit telah jatuh dan bocor;
 - (iii) kelengkapan bilik air telah rosak dan bocor;
 - (iv) selalu berlaku kekurangan bekalan berbagai jenis ubat; dan
 - (v) katil, kain cadar dan bantal sudah terlalu lama.
- (b) Kemajuan terbaru bagi pembinaan hospital baru Sibul dan adakah ianya seperti yang dijadualkan. Kalau ya, bilakah ianya akan dijangka siap dan digunakan.
- (c) Sebab-sebab bagi kebakaran di Hospital Besar di Kuala Lumpur.

- (d) Jawatan kosong bagi pakar di Hospital Umum Kuching, Hospital Lau King Howe, Sibu dan Hospital Umum Miri dan bilakah Kementerian dapat mengisi kekosongan ini.
- (e) Adakah Kementerian akan melantik pakar swasta sebagai 'honorary doctors and specialists' di Hospital Umum. Kalau ya, bila. Kalau tidak, mengapa.

Dato' K. Kumaran:

- (a) (i) Sistem penyaman udara pusat di blok wad selatan Hospital Besar Kuala Lumpur ini telah berusia lebih daripada 20 tahun. Kerja-kerja penggantian adalah termasuk dalam projek menaikkan taraf Hospital Besar ini yang pelaksanaannya dijadualkan bermula pada awal tahun hadapan. Sebagai langkah jangka pendek, sebahagian daripada bilik-bilik kelas satu telah dilengkapi dengan unit penyaman udara jenis berasingan (split unit air-conditioners). Berhubung dengan masalah nyamuk, pihak hospital mempunyai sistem pencegahan dan pembasmian pembiakan nyamuk secara berterusan, di mana melibatkan pemusnahan tempat-tempat pembiakan dan semburan (fogging) dilakukan apabila diperlukan. Tabir penghalang serangga tidak dipasang di wad kerana untuk wad-wad yang tidak mempunyai penyaman udara tingkapnya sentiasa dibuka untuk sistem pengaliran udara semula jadi (natural ventilation). Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan nyamuk masih juga terdapat di Hospital Besar ini tetapi keadaannya adalah terkawal.
- (ii) Semua kelengkapan bangunan ini termasuk sistem paipnya adalah seusia dengan bangunannya yang telah dibina pada tahun 1967. Adakalanya terdapat kesan kebocoran air di ruang lelangit. Pemeriksaan, pembaikan dan seterusnya peninjauan semula dijalankan untuk beberapa ketika bagi mengesahkan kebocoran tidak berulang sebelum pemasangan kepingan lelangit yang baru. Ruang wad akan berwajah baru apabila projek menaikkan taraf bermula awal tahun hadapan di blok berkenaan.
- (iii) Kelengkapan bilik air dan juga kelengkapan-kelengkapan di bilik-bilik lain pada masa ini hanya dibaiki seboleh mungkin tanpa melibatkan penggantian atau ubahsuai yang menyeluruh. Kerja-kerja pembaikan yang menyeluruh telah dimasukkan di dalam projek menaikkan taraf Hospital ini secara berperingkat-peringkat mulai 1991 dan dijadualkan siap pada awal 1994.
- (iv) Pertanyaan yang dibangkitkan tidak mengandungi butiran-butiran mengenai tarikh atau tempoh kekurangan berlaku dan jenis ubat-ubatan yang terlibat. Butiran-butiran tersebut diperlukan supaya siasatan dapat dibuat dan jawapan yang tepat dan memuaskan dapat diberi.
- (v) Hospital Besar Kuala Lumpur mempunyai lebih daripada 3,000 katil di semua wadnya. Sebahagian daripada wadnya masih lagi mempunyai katil, tilam dan cadar yang lama sementara ada wad-wad yang telahpun dibekalkan dengan

bekalan baru. Hospital ini mempunyai sistem jadual penggantian katil, tilam dan cadar secara berperingkat-peringkat dan berterusan mengikut keperluan wad dan peruntukan kewangan. Semua wad kelas satu hingga tiga diberi keutamaan yang sama dalam sistem ini. Sistem ini didapati amat berkesan dan menjimatkan perbelanjaan serta mengelakkan pembaziran. Walau bagaimanapun, ingin dijelaskan di sini semua katil, tilam dan cadar yang lama ini bersih dari segi kesihatan dan adalah selamat untuk digunakan.

- (b) Pembinaan Hospital Baru Sibul adalah pada tahap 42% sekarang dan masih dalam rangka yang dijadualkan. Hospital ini dijangka siap pada bulan September 1993.
- (c) Pihak Hospital Besar Kuala Lumpur masih belum mengetahui sebab-sebab kebakaran yang berlaku di Bilik Rekod, Institut Ortopodik. Pihak Polis, Jabatan Bomba dan Jabatan Kimia masih lagi menjalankan siasatan mengenainya. Laporan penyiasatan hanya dapat dikeluarkan setelah menerima maklumbalas penyiasatan pihak-pihak tersebut.
- (d) Kedudukan jawapan Perubatan Pakar yang kosong di Hospital Umum Kuching, Lau King Howe, Sibul dan Miri adalah seperti berikut:

Hospital	Bil. Jawalan	Bil. Kosong
(i) Hospital Umum	11	7
(ii) Hospital Lau King Howe, Sibul	10	10
(iii) Hospital Umum Miri	4	4

Kementerian hanya dapat mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut sebaik sahaja mempunyai calon yang layak.

Pada masa ini telah ditempatkan tiga orang Pegawai Perubatan Pakar Klinikal di setiap Hospital Umum Kuching dan Sibul.

Bagi menampung perkhidmatan kepakaran yang diperlukan sekarang di hospital-hospital tersebut, Kementerian Kesihatan telah menempatkan Pegawai Kontrak. Bilangannya seperti berikut:

- (i) Hospital Umum Kuching - 7 orang
- (ii) Hospital Lau King Howe, Sibul - 7 orang
- (iii) Hospital Umum Miri - 4 orang

- (e) Buat masa ini Kementerian tidak bercadang untuk melantik pakar swasta sebagai "honorary doctors and specialists", dengan izin, di hospitalnya. Walau bagaimanapun, menerusi rancangan penswastaan, pakar-pakar swasta boleh diambil berkhidmat secara kontrak jangka pendek mengikut keperluan di hospital-hospital Kementerian ini, dan kemudahan-kemudahan hospital-hospital Kementerian boleh digunakan oleh pengamal perubatan swasta dengan kadar bayaran yang telah ditentukan.

AIDS—LANGKAH UNTUK MENGAWAL PENYAKIT

56. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan orang di negeri ini yang telah meninggal sehingga hari ini akibat daripada penyakit AIDS dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal penyakit merbahaya ini.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan yang telah meninggal akibat penyakit AIDS sehingga 30hb Jun, 1992 adalah 35 orang semuanya.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal penyakit merbahaya ini termasuklah memberi pendidikan kesihatan kepada golongan tertentu dan orang ramai, memastikan keselamatan darah dan hasilan darah adalah selamat digunakan, membuat "surveillance" ke atas kes dan pembawa HIV, melatih kakitangan di dalam bidang rawatan dan kaunseling, pengawalan melalui peruntukan perundangan, kerjasama di antara Kementerian dengan Badan-badan Kerajaan dan agensi antarabangsa, dan baru-baru ini IhbJulai, 1992, Jawatankuasa Peringkat Menteri Mengenai AIDS telah ditubuhkan.

57. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pelarian Vietnam yang berada di khemah transit Sungai Besi dan langkah-langkah yang diambil untuk menempatkan mereka di negara ketiga.

(Soalan No. 57—Sila lihat jawapan kepada Soalan No. 5 pada 29hb Julai, 1992)

**BARAM (KAWASAN P. 179),
SARAWAK—JUMLAH
KOPERASI**

58. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:

- (a) berapa banyak koperasi yang telah didaftar di kawasan P. 179 Baram. Berapa jumlah ahli koperasi yang telah didaftar setakat ini;
- (b) berapa jumlah aset dan saham-saham yang dipunyai oleh koperasi-koperasi tersebut; dan

- (c) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk menggalakkan lebih ramai lagi penduduk-penduduk di luar bandar untuk menubuhkan koperasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (Tuan Mohd. Noh bin Rajab): Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Jumlah koperasi berdaftar di kawasan P. 179 Baram adalah 31 buah dengan jumlah ahli koperasi seramai 4,224 orang.
- (b) Jumlah aset koperasi-koperasi di kawasan P. 179 Baram ialah \$1,915,297 dan jumlah saham ahli-ahli ialah \$219,216.
- (c) Langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan lebih ramai lagi penduduk-penduduk di luar bandar menubuhkan koperasi ialah:
 - (i) dengan memberi penerangan kepada orang ramai mengenai kebaikan menubuhkan koperasi; dan
 - (ii) memberi kursus-kursus, bimbingan, nasihat dan bantuan kepada mereka yang hendak menubuhkan koperasi.

**PERSIDANGAN
DI RIO DE JANEIRO—
RUMUSAN-RUMUSAN**

59. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah rumusan-rumusan yang telah dicapai mengenai alam sekitar semasa Persidangan di Rio de Janeiro tempoh hari dan apakah peranan Malaysia dalam menentukan pelaksanaan semua rumusan-rumusan itu.

4.8.92

8. Tuan G. Palanivel minta Luar Negeri menyatakan sejauh manakah delegasi Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro dapat memperbaiki perasaan anti-Malaysia dalam soal alam sekitar.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya ingin meminta izin untuk menjawab soalan ini dengan soalan yang berkaitan daripada Ahli-ahli Berhormat dari Hulu Selangor yang dijadualkan untuk 4-8-1992.

Hasil Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan atau juga dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bumi yang berlangsung di Rio de Janeiro pada 3hb-14hb Jun, 1992 yang lalu ialah seperti rumusan-rumusan berikut:

- (i) Satu Deklarasi Bumi yang digelar "Deklarasi Rio de Janeiro mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan".
- (ii) Satu Program Tindakan yang dinamakan "Agenda 21".
- (iii) Satu kenyataan mengenai hutan yang dinamakan "A Non-legally Binding Authoritative Statement of Principles for a Global Consensus on the Management, Conservation and Sustainable Development of All Types of Forests".
- (iv) Untuk menubuhkan satu Suruhanjaya yang dinamakan "Commission on Sustainable Development" bagi tujuan mengendalikan aktiviti-aktiviti susulan selepas Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED).
- (v) Untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Antara Kerajaan bagi Cadangan Konvensyen yang

dinamakan "Convention on Desertification".

Di samping di atas, 154 buah negara telah menandatangani Konvensyen-konvensyen yang berikut itu:

- (i) Konvensyen mengenai Perubahan Iklim (Framework Convention on Climate Change).
- (ii) Konvensyen mengenai "Biological Diversity".

Secara ringkas, saya ingin menjelaskan mengenai Konvensyen Biodiversiti yang ditandatangani oleh Malaysia di Rio. Pada asasnya, Konvensyen ini memberikan hak kedaulatan sesebuah negara ke atas sumber-sumber asli yang terdapat di negara tersebut dan memberi kuasa kepada sesebuah Kerajaan membuat keputusan mengenai perolehan sumber-sumber genetik itu. Dengan menandatangani Konvensyen Biodiversiti ini maka Malaysia boleh mengawal dan menentukan supaya sumber-sumber genetik dari negara ini akan terpelihara.

Mengenai Program tindakan 'Agenda 21' pula, daripada jumlah sebanyak ASS 125 bilion yang dianggarkan perlu untuk melaksanakannya, sumbangan Malaysia serta juga sumbangan yang akan diterima daripada bahagian ini belum lagi ditetapkan kerana butir-butir lanjut mengenai program tindakan ini masih belum diselesaikan.

Satu perkara lagi ialah usaha 'Menghijaukan Bumi' yang merupakan salah satu prinsip yang terkandung di dalam Kenyataan Hutan yang telah diterima semasa di Rio. Kita mengharapkan ia boleh dilaksanakan semasa tindakan-tindakan susulan mengenai keseluruhan hasil tindakan-tindakan susulan mengenai keseluruhan hasil Sidang Kemuncak Bumi di Rio dibincangkan kelak. Ini akan diadakan di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu tahun ini.

Peranan dan Kejayaan Malaysia

Kerajaan adalah berpuashati dengan pencapaian-pencapaian yang telah dicapai oleh Sidang Kemuncak Bumi di Rio. Malaysia telah memainkan peranan yang pro-aktif dan berpengaruh di Persidangan tersebut. Malaysia telah melahirkan pandangan-pandangan yang mencerminkan pandangan kebanyakan negara-negara membangun yang lain. Pandangan-pandangan ini adalah berdasarkan pada rumusan-rumusan yang dibuat semasa Persidangan Kedua Peringkat Menteri Negara-negara Membangun mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Kuala Lumpur yang lalu. Selain itu, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendapat penuh perhatian serta disambut baik terutama oleh negara-negara membangun yang lain dan beberapa buah Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs).

Kejayaan Malaysia dapat dilihat melalui kepimpinan Malaysia selaku Penyelaras Jawatankuasa "Institusi" yang berjaya mendapatkan persetujuan yang terulung sekali di Sidang Kemuncak ini. Jawatankuasa tersebut telah menubuhkan satu Suruhanjaya yang dinamakan "Commission on Sustainable Development" yang akan menjadi rangka pengendalian aktiviti-aktiviti selepas Rio. Malaysia juga telah dilantik sebagai salah satu Naib-Presiden Mesyuarat yang menunjukkan penghormatan yang diberikan pada Malaysia.

Di samping itu, Malaysia telah berjaya memainkan peranan yang utama dalam isu hutan bagi menegenepikan tindakan-tindakan negara membangun yang inginkan satu Konvensyen Hutan. Malaysia juga mengambil bahagian yang aktif dalam perbincangan-perbincangan mengenai mekanisme kewangan dan berjaya

menyakinkan negara-negara maju supaya bersetuju untuk mengubahsuai pentadbiran "Global Environmental Facility (GEF)".

Sukacita saya memaklumkan bahawa di Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, tidak terdapat apa-apa demonstrasi terhadap Malaysia. Sungguhpun demikian, terdapat perhatian dan minat mengenai pembalakan di Sarawak. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan juga Menteri-menteri Kabinet, Ketua Menteri Sarawak, Ahli-ahli Parlimen, pegawai-pegawai dan wakil-wakil kaum Penan yang turut menyertai Sidang Kemuncak ini mengambil kesempatan untuk berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang berminat mengenai pendirian Kerajaan dalam hal ini, dan telah berjaya memberikan gambaran yang sebenar mengenai keadaan di Malaysia.

Secara keseluruhannya, hasil dari kehadiran dan penglibatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai kanan di Sidang Bumi Rio telah berjaya mencapai matlamat-matlamat Dasar Luar Malaysia. Peranan aktif yang telah dimainkan oleh Malaysia telah meninggikan lagi imej Malaysia sebagai sebuah negara yang tidak segan untuk menegakkan kebenaran.

Penilaian

Pada amnya, Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Rio de Janeiro telah membincangkan semua perkara-perkara berkaitan dengan alam sekitar dan pembangunan. Yang paling utama, Sidang Bumi ini telah menerima hubungkait alam sekitar dengan pembangunan. Ini penting terutamanya

bagi negara-negara membangun oleh kerana memerlukan pembangunan ekonomi di dalam mencapai pembangunan. Negara-negara maju dan negara-negara membangun bersetuju bahawa masalah alam sekitar tidak boleh diselesaikan tanpa menyelesaikan masalah-masalah pembangunan.

Sidang Kemuncak Bumi ini telah meningkatkan tahap kesedaran mengenai alam sekitar di peringkat paling tinggi pihak Kerajaan dan juga seliap peringkat masyarakat berkaitan dengan perlunya pembangunan ekonomi yang berterusan (sustained economic growth) dan pembangunan dan juga pemeliharaan alam sekitar.

Sidang Kemuncak Bumi tersebut juga memahami bahawa proses pelaksanaan keputusan-keputusan UNCED akan memerlukan persefahaman dan kerjasama di antara negara-negara Utara dan negara-negara Selatan. Oleh yang demikian, perbincangan dan muafakat di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun bagi mewujudkan demokrasi di dalam sistem pengawalan dan pentadbiran dunia mestilah diadakan berterusan. Dalam hal ini, Malaysia akan meneruskan usaha dan bekerjasama rapat dengan negara-negara yang sealiran sama ada di Utara atau Selatan bagi memastikan demokrasi antarabangsa dicapai.

Namun demikian, Sidang Kemuncak Bumi ini tidak berjaya mendapat komitmen yang spesifik dari negara-negara maju dalam isu-isu seperti sumber-sumber kewangan, pemindahan teknologi, sistem ekonomi antarabangsa yang terbuka dan Sustainable development'. Ini merupakan halangan-halangan yang perlu diatasi dalam pelaksanaan resolusi-resolusi Sidang Kemuncak Bumi di Rio.

HAKIM-HAKIM MAHKAMAH—JUMLAH

60. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Undang-undang menyatakan seperti berikut:

- (a) berapa ramaikah hakim-hakim mahkamah yang ada sekarang;
- (b) berapa banyakkah kes-kes yang masih belum dibicarakan pada masa ini dan bilakah kesemuanya akan dibicarakan;
- (c) adakah Kementerian bersetuju bahawa perlantikan hakim-hakim perlu ditambah sebelum tahun 2000; dan
- (d) adakah Kementerian bercadang supaya hakim-hakim atau majistret-majistret sementara mengikut kes basis dilantik daripada peguam-peguam yang mempunyai sepuluh (10) tahun pengalaman bagi menyelesaikan perkara (c) di atas.

Dato' Syed Hamid Syed Jaafar Albar:

- (a) Bilangan hakim-hakim mahkamah yang ada sekarang adalah seperti berikut:
 - (i) Hakim Mahkamah Agung (termasuk Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Malaya dan Hakim Besar Borneo) - 10 orang
 - (ii) Hakim Mahkamah Tinggi Malaya - 32 orang
 - (iii) Hakim Mahkamah Tinggi Borneo - 7 orang
 - (iv) Pesuruhjaya Kehakiman - 14 orang
 - (v) Hakim Mahkamah Seksyen - 57 orang
- (b) Bilangan kes-kes tertangguh sehingga 31-12-91 adalah seperti berikut:

MAHKAMAH	SIBIL	JENAYAH	JUMLAH
Tinggi	96,011	6,237	102,248
Scsycn	52,199	2,302	54,501
Majistret	49,030	264,586	313,616
Jumlah	197,240	273,125	470,365

Untuk kes-kes Mahkamah Tinggi yang telah didaftar pada 31-12-91, Kerajaan menjangka ia dapat diselesaikan menjelang akhir 1993. Kes-kes di Mahkamah Sesyen yang telah didaftar sebelum 31-12-91 akan diselesaikan pada tahun ini.

- (c) Kementerian bersetuju bahawa perlantikan hakim-hakim perlu ditambah sebelum tahun 2000 dan Kementerian sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan penambahan jawatan-jawatan Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret bagi mengatasi masalah penyelesaian kes-kes di mahkamah.
- (d) Perlantikan hakim-hakim Mahkamah Tinggi adalah dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan pengamal undang-undang per-sendirian.

Perlantikan mereka adalah tetap, tetapi untuk Persuruhjaya Kehakiman, perlantikan mereka adalah untuk tempoh 2 tahun. Bagi Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret, mereka adalah dilantik dari kalangan pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, dan buat sementara ini, Kerajaan tidak ada cadangan untuk melantik Hakim atau Majistret sementara.

UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN—JUMLAH KULIAH UNDANG-UNDANG

61. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan berapa banyakkah kuliah undang-undang yang ada di Malaysia dan adakah bercadang untuk menambah lagi kuliah undang-undang di universiti-universiti tempatan.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hingga kini terdapat 3 buah universiti tempatan yang menjalankan kursus undang-undang di peringkat ijazah. Universiti tersebut ialah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa. Ketiga-tiga buah universiti berkenaan mampu untuk menampung permintaan pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran di bidang berkenaan. Di samping itu, fakulti-fakulti berkenaan sentiasa menambah bilangan pengambilan pelajar-pelajar setiap tahun untuk memenuhi keperluan negara bagi tenaga profesional di bidang berkenaan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAN 1992) (No.2)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1992

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," dan juga atas masalah:

"Bahawa Usul yang berikut ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lapan puluh satu juta, satu ratus tiga belas ribu, satu ratus empat puluh ringgit (\$81,113,140) diperuntukkan

daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah lapan puluh satu juta, satu ratus tiga belas ribu, satu ratus empat puluh ringgit (\$81,113,140) bagi Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-Maksud dan Butiran-Butiran (Projek-Projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut." (30hbJulai,1992)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung.

3.33 pig.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyempurnakan ucapan untuk saya mengulung perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah membangkitkan soal pampasan Tasek Kenyir kepada Kerajaan Terengganu sambil mencadangkan supaya pampasan yang diberikan disemak semula supaya serupa seperti pampasan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dalam kes Pergau. Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya ingin saya menjelaskan bahawa imbuhan yang diterima oleh sesebuah Kerajaan Negeri berikutan daripada penggunaan tanah untuk maksud-maksud awam adalah sama rata dan hanya berbeza dari segi syarat-syarat tertentu yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Seterusnya saya merujuk kepada perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri mengenai soal peruntukan Perbelanjaan Pembangunan yang katanya berlebihan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dalam hubungan ini, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa penetapan peruntukan pembangunan tahunan adalah terus mengambilkira peruntukan had bumbung ataupun peruntukan "ceiling", dengan izin, yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Keenam yang berjumlah \$55 billion. Ini bermakna bahawa had perbelanjaan sebenar yang hendak dicapai ialah hendaknya tidak melebihi jumlah \$55,033 billion selama lima tahun. Berasaskan kepada bumbung \$55,033 billion itu maka purata peruntukan tahunan selama lima tahun, mulai tahun 1991 hingga 1995 ialah dalam lingkungan \$11 billion. Sungguhpun demikian, peruntukan yang telah disediakan untuk Maksud Pembangunan bagi dua tahun pertama, iaitu 1991/92, berjumlah \$24.98 billion, yakni \$3.9 billion melebihi jumlah peruntukan sekiranya diasaskan kepada keperluan purata \$11 billion tiap-tiap tahun.

Dari segi perbelanjaan pembangunan sebenar bagi tahun 1991, Kerajaan telah berbelanja sebanyak \$10.6 billion, yakni masih di bawah paras \$11 billion, dan bagi tahun 1992 pula Kerajaan dijangka akan berbelanja dalam lingkungan yang serupa. Walau bagaimanapun, sebagaimana biasa had bumbung bagi perbelanjaan pembangunan di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun akan disemak di bawah Kajian Separuh Penggal yang akan berlaku pada tahun 1993. Dalam hubungan ini, apa yang penting dalam menentukan had bumbung peruntukan pembangunan tahunan ialah bahawa Kerajaan akan mengambilkira had bumbung yang ditetapkan di bawah Rancangan

Pembangunan Lima Tahun sambil memastikan bahawa kemudahan-kemudahan awam dapat terus dikembang dan dibangunkan demi kepentingan rakyat, dan serentak dengan itu, matlamat pengurusan ekonomi negara masih lagi tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri yang membuat andaian yang agak keterlaluan dan agak terlanjur apabila beliau mendakwa bahawa pembangunan di Malaysia merupakan "ala pembangunan India". Saya menganggap ini adalah satu keterlaluan kerana Yang Berhormat dari Nilam Puri sepatutnya lebih prihatin untuk memerhatikan bahawa pembangunan ke arah kemakmuran negara juga mengambilkira bahawa masyarakat yang miskin, bahkan yang fakir, sama-sama dibela. Bahkan dalam suasana yang makmur, pada hari ini Kerajaan agak lebih terperinci sehingga Kerajaan dapat mengenal setiap keluarga, setiap rumah yang dianggap dalam kumpulan yang fakir. Maka ada berbagai-bagai cara dan peruntukan pada jumlah yang besar untuk sama-sama membela golongan yang fakir ini dan sama-sama dapat menikmati kemakmuran negara. Oleh yang demikian, maka tidak hairanlah kalau sekiranya di Dewan yang mulia ini Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri boleh membuat dakwaan-dakwaan yang agak keterlaluan, apatah lagi di luar Dewan ini yang boleh memberi maklumat-maklumat yang tidak tepat dan serong kepada masyarakat. Jadi, saya menyarankan kepada Ahli Yang Berhormat supaya terhindar daripada membuat dakwaan-dakwaan yang keterlaluan seperti begini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong yang merujuk kepada perkara yang

berkaitan dengan masalah pembangunan belia. Saya percaya perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dipandang berat oleh pihak Kerajaan dan pihak Kementerian yang berkenaan akan menimbangkan supaya rintihan yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya untuk merumuskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usui yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lapan puluh satu juta, satu ratus tiga belas ribu, satu ratus empat puluh ringgit (\$81,113,140) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1992, untuk menampung sejumlah lapan puluh satu juta, satu ratus tiga belas ribu, satu ratus empat puluh ringgit (\$81,113,140) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1992 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1992 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Jadual Pertama dan Kedua—

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$2,003,709,724 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1991 bagi Maksud-maksud Bekalan B.30 dan B.51 untuk Kementerian-kementerian yang berkenaan dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$65,584,300 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1992 bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.17, B.22, B.26 dan B.49 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual.

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$81,113,140 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan

Pembangunan iaitu tambahan bilangan kedua tahun 1992 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.18, P.20, P.21, P.47 dan P.52 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 1992 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telahpun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1991 dan 1992 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1992 kelmarin. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13A Tahun 1992 dan 14A Tahun 1992 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Keempat 1991 dan Tambahan Kedua 1992 dan Kertas Perintah 15A Tahun 1992 sebagai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1992. Oleh itu, saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.7 (Jadual Kedua)—

Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1992)—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.7, dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Kepong.

3.45 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Maksud P.7, Kertas Perintah 15A mengenai tambahan \$40,500,030

dikehendaki untuk membiayai bayaran pampasan pengambilan balik tanah dan pembinaan 158 unit rumah panjang bagi melebar Jalan Loke Yew dan pembinaan jejantas bertingkat di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, sungguhpun wang ini telahpun dibelanjakan dan walaupun saya nampak pembinaan yang pertama mengenai rumah panjang adalah tidak begitu sempurna, diharapkan pihak Kerajaan dapat mempertingkatkan mutu rumah panjang yang ada di Wilayah Persekutuan. Walaupun rumah panjang ini disebutkan sebagai rumah sementara sahaja, tetapi biasanya yang sementara itu boleh berpanjangan menjadi yang kekal. Dengan kerana itu patut kita adakan rumah panjang yang lebih selesa, yang mempunyai mutu yang lebih tinggi untuk menampung keperluan setinggangingan yang dipindahkan ke unit-unit rumah panjang ini.

Sukalah saya bangkitkan sekali lagi mengenai rumah panjang, projek-projek yang terbengkalai di Jinjang Utara dan perlulah bagi Kerajaan terutamanya Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil perhatian mengenai projek rumah-rumah panjang yang terbengkalai ini. Nampaknya ada aktiviti yang baru untuk memulihkan ini adalah satu perkara yang baik. Walau bagaimanapun, kerana ada kerja untuk rumah panjang ini yang terbengkalai, maka banyak setinggangingan tidak dapat dipindah ke rumah ini dan ada setengah-setengah di kawasan saya di Kepong, di Taman Bukit Maluri, ada ramai lagi yang tidak dapat dipindahkan kerana unit-unit ini tidak diselesaikan.

Ada satu perkara lagi mengenai jejantas. Walaupun ada projek-projek untuk membina jejantas ini, tetapi kerja nampaknya lambat sedikit, misalnya jejantas di pekan Kepong, walaupun ada peruntukan dan tender kononnya dipanggil, tetapi tidak dibina lagi. Saya

sudah menunggu dua-tiga tahun, saya tidak tahulah tender mengambil masa yang begitu panjang, mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh meneliti bagaimana tender ini dibuat dan kerja dimulakan. Jadi, satu usaha hendaklah diambil untuk mempertingkatkan keberkesanan melaksanakan projek.

Saya berharap jejantas ini sama ada di Jalan Loke Yew ataupun di pekan Kepong itu dapat dilaksanakan dengan cepat, kerana peruntukan pun sedia ada dan juga wang itu diminta daripada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi Maksud B.7. Saya setuju kita mesti ada peruntukan yang cukup bagi perayaan Hari Kebangsaan, lawatan rasmi ke luar negara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga lawatan rasmi Ketua-ketua Negara Asing ke Malaysia, kita mesti ada tahap yang setinggi-tingginya sejajar dengan maruah dan martabat Malaysia—memang kita setuju. Tetapi saya nampak semasa Perayaan Hari Kebangsaan pun kadangkala usaha-usaha untuk perarakan dan juga termasuk Menteri-menteri kerana nampaknya tidak begitu tertib juga, bila kita nampak ada "tabik" daripada pasukan perarakan, tetapi ada setengah-setengah Menteri itu bergurau senda sahaja. Itu penting. Padang Terap tidak pernah bangkitkan hal ini, saya meneliti, mengambil perhatian apa perilaku para Menteri semasa Hari Kebangsaan. Sepatutnya Padang Terap berterima kasih kepada sayalah.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Tuan **Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Padang Terap bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Adakah Yang Berhormat dari Kepong tidak menyedari walaupun dia datang

daripada Military College bahawa tabik itu adalah dituju kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, bukan kepada Menteri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini perangai tidak baiklah. Dan fikiran pun mungkin tidak begitu sempurna. (*Ketawa*) Kalau Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh menyambut dengan baik, dengan tertib, dengan disiplin, itu satu contoh teladan dan para Menteri mesti mengikuti. Kalau Timbalan Menteri ada di situ pun mesti mengikuti. Takkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berdiri dengan betul, dengan tertib, dengan teratur dan semua di situ tidak berdisiplin langsung. Apa ini? (*Ketawa*) Padang Terap ini macam mana sekarang fikirannya. Adakah hasrat Yang Berhormat untuk menyaksikan para Menteri ini berlagak yang tidak betul. Mungkin ada setengah-setengah berlagak seperti samseng?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apa yang para Menteri buat? Kalau setakat dia berbisik antara satu sama lain, adakah itu perlakuan yang tidak berdisiplin? Itu yang saya hendak tahu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apabila ada perarakan, ini satu disiplinlah. Kerana dia ada tabik penghormatan, jadi kita kena menyahut kehormatan itu. Kalau kita setakat bisik-bisik desas-desus, berkumat-kamit dan sebagainya ini bukan satu penghormatan. Bahkan juga ini Hari Kebangsaan. Ini saya bangkitkan hal ini supaya pada 31 hb Ogos, 1992 ini jangan kita berulang lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar bangun, dia minta jalan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pun ada experience juga dalam hal latihan ini. Bahkan pernah menjadi Pegawai Latihan dalam Latihan Polis dulu. Jadi, apa yang saya tahu tidak ada garis panduan yang dikena kepada orang yang berdiri menerima tabik. Tetapi yang dibawah itu memang betullah. Hari Kebangsaan ini adalah hari kegembiraan, hari bersukaria, takkan kita tunjuk macam muka Hitler sahaja. Macam Yang Berhormat dari Kepong itukan baik, senyum, berlakon sedikit. Jadi, macam mana Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kalau dia ada pengalaman dalam pasukan Polis, baiklah kita fikir dengan betul. Kalau saat dan ketika ada tabik, ada penghormatan daripada pasukan perarakan mesti kita menyambat dengan baik. Itu saya percaya pasukan Polis pun begitu juga. Kalau setakat Yang Berhormat masih tidak ingat lagi, kita balik ke pasukan Polis; jangan masuk ke Dewan yang mulia ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Arau minta jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya minta maaf saya tidak mahu memanjangkan perkara ini. Cuma saya hendak maklumkan kepada dia sebab ini point yang paling tepat sekali. Yang pakai pakaian tentera itu cuma Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja, orang lain tidak pakai. Orang yang tidak pakai pakaian tentera dia tidak payah tabik. Dia seorang sahaja yang boleh terima tabik, yang lain tidak payah. Saya Kem Komandan sekarang tahu di pusat latihan, saya tahu. Awak yang dulu-dulu punya sekarang sudah nampak, jalan pun sudah tidak betul, bukan military sudah kurang sedikit.

Dr **Tan Seng Giaw**: Ya, memang nampaknya Arau pun sekarang dia hendak mendokong disiplin untuk tidak berdisiplin. Itu bukan cara yang baik.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri minta jalan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Yang berdiri di atas pentas pada Hari Kemerdekaan, Tuan Pengerusi, dua jam lebih. Hendak terpacak dua jam. Jadi dalam istilah military dia ada "stand easy". Jadi, kalau hendak terpacak dua jam ini "stand easy"lah. Bila "stand easy" kalau hendak garu hidung atau kepala sedikit bolehlah agaknya.

Dr **Tan Seng Giaw**: Tuan Pengerusi, dia hendak garu hidung sahaja. (*Ketawa*) Jadi kita jaga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan baik sedikit. Itu tidak payah hendak garu hidung.

Walau bagaimanapun, ini perkara yang serius. Untuk saat itu sahaja, dua tiga jam itu lain kira. Takkan dia memberi penghormatan sepanjang dua jam setengah. Cuma saat itu sahaja kita berdiri tegap-tegap sedikit. Kalau Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh berbuat demikian, apatah lagi orang-orang yang lain. Saya nampak kecuali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, lain daripada itu orang lebih muda daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Itulah, jangan setakat hendak garu hidung dan sebagainya. Itu tidak payahlah. Cuma saat itu sahaja, mungkin 20 kali.

Tuan Pengerusi, saya tidak pernah dengar perkara ini dibangkit oleh Yang Berhormat dari Arau, Padang Terap atau Batang Lupar. Jadi, mungkin mulai dari hari ini mereka akan **mengambil** perhatian untuk menjaga maruah dan martabat negara **ini. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi.**

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau.

3.57 *pag.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong di bawah P.7 dan B.7. Saya ingat saya tidak ada komen tentang P.7. Ini satu perkara yang bagus, cuma tentang B.7.

Maksud B.7, saya lihat dia ada perkembangan yang menarik berhubung dengan Hari Kebangsaan. Cumanya kita lihat perkembangan yang menarik di mana perayaan diadakan terutamanya pada Hari Kemerdekaan itu kita ada perbarisan, perarakan dan sebagainya. Saya hendak cadangkan supaya ianya diselaraskan diperingkat negeri. **Oleh** kerana ada juga negeri-negeri yang mendapat peruntukkan Persekutuan, saya kurang pasti sama ada di peringkat Negeri dia belanja peruntukan Negeri ataupun tidak. Tetapi ianya agar diselaraskan terutamanya untuk Sabah dan Kelantan. Pada tahun ini saya tidak tahu macam mana dia hendak buat, saya kurang pasti. Tetapi walau bagaimanapun, saya minta diselaraskan, sebab Hari Kebangsaan ini dia tidak kira Pembangkang, tidak kira penyokong Kerajaan mesti disambut, mesti diterima oleh rakyat Malaysia. Ketaatan kepada negara ini bukan terletak kepada penyokong Kerajaan sahaja tetapi kepada Pembangkang.

Jadi, kita tidak mahu mereka hanya tahu membangkang. Apakah mungkin penyertaan mereka dalam bentuk saya kurang pasti macam mana kita hendak

buat yang boleh kita buat. Sebab kalau setakat hendak komen macam Kepong buat tadi saya ingat tidak betul sangat. Saya ingat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri sudah duduk elok, sudah cukup disiplin. Saya rasa kalau DAP duduk di situ, saya ingat dia bertumbuh. Dia suka bertengkar bukan? Suka bercakaran. Lagi teruk kalau TV ambil gambar mereka di atas pentas—lagi teruk. Sebab mereka ini tidak pernah berdisiplin. Tentang disiplin dan peraturan tabik-menabik pun dia tidak tahu. Dia hendak mempertahankan dia itu betul. Kita tahu peraturan itu sudah ada, orang yang pakai uniform yang terima tabik, orang lain tidak payah.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun. Hendak beri?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, orang yang tidak pernah di dalam askar atau di dalam Polis macam mana dia tahu tabik. Jadi, kalau tidak tahu jangan kita hendak sebut-sebutkan lagi. Ikut bolehlah. Kern Komandan—saya tidak tahu macam mana boleh jadi Kern Komandan? (*Ketawa*) Di mana ada kern? Setakat saya tahu cuma tentera sahaja. Kern Tahanankah? Dia hendak pergi ke Taiping, ke Kemuntingkah? Itu baik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, kadang-kadang orang ini, kalau dia ingat doktor, orang lain semua bukan doktor. Dia ingat kalau dia doktor, dia politician, dia berubat penyakit, semua penyakit kulit boleh baik—tidak ada. Saya rasa dia doktor yang paling teruk sekali, selsema pun dia tak boleh beri ubat. Demikian juga, kalau kita rasa kita pernah ada pengalaman tentang tentera, jangan tuduh orang lain tidak ada pengalaman dalam ini. Tengoklah track record saya. Saya ini siapa dia? Tengok betul-betul, lain kali kalau

hendak berbahas. Tengok siapa saya, termasuk Yang Berhormat dari Batang Lumar, tengok dia itu siapa. Jadi, jangan buat silap tentang orang kita. Kita dilatih secara fesyen lain. Saya hendak memberitahu saya siapa. Saya memang bekas orang yang terlibat tentang soal-soal ketenteraan.

Berhubung dengan camp commandant, kita ada pusat latihan dan sekarang saya adalah camp commandant bagi pusat latihan tersebut. Tempat tak payah tahu, kalau Yang Berhormat ingin hendak menghantar orang DAP untuk kursus, itu boleh. Saya beri kursus khas untuk "Bina Semangat", cinta kepada negara. Sebab kalau orang DAP kurang cinta kepada negara, bolehlah dihantar ke sana. Saya boleh beri latihan. "Free-of-charge", kalau untuk Yang Berhormat dan gang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Dr Tan Seng Giaw: Oleh kerana dia camp commandant "Bina Semangat", jadi, saya bercadang kita hantar semua Menteri untuk dilatih mengenai perilakunya. (*Tepuk*) Adakah camp commandant ini boleh sambut cadangan saya itu, cadangan yang bernas?

Tuan Shahidan bin Kassim: Semua sudah dihantar, semua sudah pergi. Dan Ahli-ahli Parlimen akan pergi ke peringkat ketiga pula tidak lama lagi. Tetapi DAP tidak hendak pergi. Bekas Ahli-ahli S.46 sudah pernah pergi. Kawan-kawan saya ini dari S.46, mereka pernah pergi. Sebab itu mereka lebih disiplin sedikit daripada DAP. Cuma bila mengundi hal video lucu itu lari balik, tinggal DAP sahaja. Hal-hal lain itu clear. Tetapi kalau DAP, saya berani kata tidak ada disiplin. Ini betul. Dalam Dewan pun tidak ada disiplin, inikan pula di depan orang ramai sebab Dewan ini ialah tempat yang sepatutnya kita kena disiplin sebab ramai orang

hendak tengok suasana. Tidak ada disiplin. Jadi, di sana saya ingat lebih teruklah. Dan saya cukup tertariklah, terutamanya di atas pentas dan sebagainya, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri yang berada disanacukupberdisiplin. ini saya beri tahniah kepada pihak Kerajaan kerana mengaturkan kedudukan Menteri dan Timbalan Menteri dalam bentuk yang penuh disiplin. Sekarang saya akan beri tabik hormat. Saya jarang beri tabik hormat kepada orang, kalau saya beri, itu sudah cukup tinggi, sama tinggi dengan Field Marshall.

Tuan Pengerusi, saya hendak minta diselaraskan di peringkat negeri. Saya tidak mahu nanti di Kelantan, kita ada majlis perarakan macam Maulud Nabi, kita biar sama, sama di peringkat Persekutuan dengan peringkat Negeri. Ini penting kerana DAP pun inilah kali pertama tengok DAP menyokong supaya peruntukan untuk tak rasmi ini. Yang Berhormat dari Kepong pun mewakili DAP. Dia bersetuju peruntukan ini diperluaskan. Dia tidak berani menyebut "menyokong" tetapi dia kata "diperluaskan", maknanya dibanyakkanlah, bahasa yang digunakannya sebentar tadi. DAP menyokong supaya diperbesarkan kerana ini penting untuk memupuk rakyat Malaysia bukan sahaja mengenang sejarah tetapi juga supaya mereka dibentuk menjadi generasi yang paling baik pada masa akan datang. Ini serius, Yang Berhormat dari Kepong. Ini cakap melawak, tidak mahu. Supaya dengan itu bila sampai masa Wawasan 2020 yang disokong oleh semua pihak, termasuk PAS, S.46 dan DAP sampai, kita akan mencapai maksud itu. Ini hari-hari perayaan, Hari Kemerdekaan ialah salah satu ataupun hala cara tertentu untuk kita sampai ke matlamat tersebut.

Pembinaan jiwa, pembinaan rohani—pembinaan jasmani sudah okay. Pembinaan jiwa manusia itu macam pembinaan Yang Berhormat Dr Tan

Seng Giaw, pembinaan Shahidan, supaya menjadi manusia. Sekarang ini manusia sudah okay supaya orang ikut contoh yang baik. Jangan ikut contoh kawan yang kurang baik. Itu sebagai contoh. Jadi, Hari Perayaan itu penting dan saya bersetuju ia diperbesarkan, cuma apakah Yang Berhormat boleh ataupun kadang-kadang Yang Berhormat tidak menjawab, saya minta Yang Berhormat jawab, supaya diselaraskan di peringkat negeri, termasuk daerah, supaya ianya selaras dengan sekata. Saya tidak mahu macam negeri Perlis yang miskin nanti, perayaannya tidak seindah macam di Kuala Lumpur. Orang Perlis pun hendak tengok. Demikian juga orang Kelantan, saya percaya mereka juga hendak tengok. Apakah kalau Kelantan perlukan bantuan untuk Hari Perayaan itu, kita boleh tolong dan sebagainya, asalkan ia selaras supaya selaras dari segi tema, selaras dari segala seginya sebab kita tahu bahawa Hari Perayaan ini ke arah memupuk rakyat Malaysia yang taat dan setia kepada pegara tanpa berbelah bahagi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya?

Dr Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat dari Arau mencadangkan bahawa semua Menteri pergi ke Arau ataupun pergi ke Perlis untuk maksud perayaan ini supaya kita ada march past di Perlis? Saya tidak pernah dengar, mungkin saya hendak bantu dia sedikit. Adakah dia bercadang semua Menteri itu, termasuk Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, pergi ke Perlis, terutamanya Arau?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia tidak faham, Tuan Pengerusi. Tak apalah. Kalau kawan-kawan tidak faham, saya maafkan. Hari ini hari bermaaf-maafan. Itu bukan maksud saya. Maksud saya "selaras". Ini, Tuan

Pengerusi, kita tengok TVlah sebab dia pun tengok TV. Kalau di Kuala Lumpur ini teratur, wakil pertubuhan belia pun berkawat dengan cantik. Ada reason, cukup cantik. Tetapi kalau di peringkat negeri, kelam-kabut berkawat. Saya tahu sangat, Tuan Pengerusi, supaya kita sama selaraskan. Cara yang kita buat di Kuala Lumpur ini diselaraskan di peringkat negeri supaya orang PAS pun boleh berkawat dengan baik. Orang DAP pun boleh berkawat dengan baik, S.46 memang sudah boleh berkawat dengan baik. Jadi saya maksudkan "selaras" ini supaya cinta kepada bangsa, kepada pembinaan negara itu biar sama taat selia kita. Fahaman politik biar berbeza, lidak apa. Tetapi yang ini mesti sama sebab ke arah untuk membangunkan Malaysia ini, semua rakyat Malaysia mesti sehati sejiwa. Orang yang tidak mahu membangunkan Malaysia, kita anggap mereka menderhaka seperti pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang saya rasa perlu diambil tindakan tertentu. Kita tidak mahu Kerajaan menjawab, kita tidak ada undang-undang yang boleh mengambil tindakan. Mana boleh penderhaka tidak ada undang-undang. Tiga orang yang boleh mcrosakkan nama Malaysia, apa yang kita hendak takut? Sebab saya percaya DAP juga akan menyokong kita. Yang Berhormat dari Kepong yang pertama akan menyokong kita kalau kita ambil tindakan kepada penderhaka. Kecuali dia tidak sokong, dia juga penderhaka. Dia tidak hendak digelar jadi penderhaka, dia akan menyokong kita. Jadi, ke arah tersebut saya menyokong dan saya minta peruntukan ini diperbesarkan dan diselaraskan di semua negeri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat.

4.07 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong

peruntukan sebanyak \$7,854,200 untuk Hari Kebangsaan dan juga tambahan bagi lawatan Yang di-Pertua Agong ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang timbul di hadapan kita ini yang saya akan sentuh di sini ialah dua perkara, iaitu yang pertama, masalah perayaan Hari Kemerdekaan. Saya lihat perayaan menyambut Hari Kemerdekaan di negara kita ini jika dibandingkan dengan negara-negara lain, kita rasa sambutan Hari Kemerdekaan di negara kita ini tidak begitu meriah. Walaupun Kerajaan telah memperuntukkan peruntukan yang begitu banyak, kita nampak penyambutan itu hanya dari satu pihak sahaja, tidak melibatkan daripada banyak pihak. Misalannya, kita lihat hanya sebahagian besar yang ikut dalam perarakan pada pagi 31hb Ogos, banyak terdiri daripada pasukan-pasukan keselamatan, tidak melibatkan parti politik. Misalnya daripada DAPkah, PASKah tidak ikut serta dan tidak diberi kesempatan untuk ikut serta dalam perbarisan tersebut.

Sebagaimana yang disentuh oleh Wakil dari Arau tadi, dan menyebut nama PAS dan sebagainya. Bagaimana PAS merayakan Hari Kemerdekaan sedangkan kesempatan untuk kita merayakan tidak diberi kepada kita. Dan kita lihat suasana menyambut Hari Kemerdekaan itu hanya dari segi Kerajaan atau di pusat-pusat bandar, di bandar-bandar besar sahaja sedangkan di bandar-bandar yang kecil dan di daerah-daerah tidak diadakan. Sepatutnya, sambutan Hari Kemerdekaan di negara kita ini mestilah kita berusaha dengan sedaya upaya supaya sambutan Hari Kemerdekaan itu disambut bukan sahaja oleh Kerajaan bahkan disambut oleh setiap lapisan masyarakat.

Di hari kemerdekaan itu juga perlu kita adakan pertandingan olahraga, sukan dan sebagainya. Biar suasana

menyambut hari kemerdekaan itu menampakkan satu suasana yang benar-benar kita berasa gembira dan berasa syukur di atas kemerdekaan yang pernah kita capai dan yang telah kita capai supaya anak-anak kecil juga merasa bahawa sekarang adalah kemerdekaan, kita sudah merdeka. Kita menyambut hari kemerdekaan sebab hari kemerdekaan ini adalah merupakan hari yang paling baik, hari yang paling istimewa bagi kita sebab selama ini kita dijajah oleh penjajah sebegitu rupa. Sekarang kita sudah merdeka, sepatutnya kita mestilah menunjukkan bagaimana rasa gembiranya kita pada hari itu, bagaimana rasa syukurnya kita pada hari itu. Biar suasana hari kebangsaan itu menampakkan suasana yang paling meriah, paling istimewa, paling besar dan paling itu dan paling ini. Apa yang saya lihat suasana menyambut hari kemerdekaan di negara kita sekiranya dibandingkan dengan suasana menyambut hari kemerdekaan di negara-negara tetangga kita ataupun negara-negara lain maka didapati negara-negara lain adalah jauh lebih meriah daripada negara kita.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh supaya perbarisan yang telah kita lakukan pada pagi itu mestilah satu perbarisan yang tidak melanggar tatasusila adat bersopan-santun bangsa dan kebudayaan kita. Apa yang saya lihat pada tahun-tahun yang telah lalu dan tahun yang lepas kadang-kadang dalam perarakan itu disertakan juga dengan tarian-tarian ala buruk, tarian yang tidak ala yang bukan budaya kita. Tarian ala mana pun saya tidak tahu. Saya rasa dukacita dan saya rasa sedih bagaimana pihak yang berkenaan yang telah diamanahkan untuk memilih, mencari dan mengatur program aturcara pada pagi tersebut telah memilih beberapa tarian-tarian yang bukan asalnya dari kita yang sangat bertentangan dengan budaya kita untuk ditonjolkan pada hari kemerdekaan. Apakah maksud kita

berbuat demikian? Kita berbuat demikian apakah kita hendak menunjukkan kepada dunia luar sekarang aku telah berubah suasana setelah aku merdeka. Sekarang aku telah maju. Bukti aku telah maju, aku telah berbuat demikian. Kalau kamu menyambut hari kemerdekaan kamu telah berbuat dengan keadaan yang begini, maka aku juga telah menyambut hari kemerdekaan, aku telah buat keadaan yang sebegini seperti kamu. Apakah itu penilaian yang ada oleh pihak penganjur?

Saya berharap dan mencadangkan untuk tahun-tahun akan datang, tahun ini khususnya, supaya di dalam menyambut hari kemerdekaan sama ada dalam upacara perbarisan hendaklah di samping perbarisan-perbarisan oleh pegawai-pegawai keselamatan dan juga daripada institusi-institusi yang sertai dalam perbarisan itu, saya minta supaya perbarisan itu dilakukan dalam keadaan yang lebih sopan dan yang lebih bertamadun, yang lebih beradab, yang lebih berbudaya dengan budaya tempatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.14 pig.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Arau dan Yang Berhormat dari Tumpat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan B.7 dan P.7 Jabatan Perdana Menteri. Satu perkara yang saya hendak tekankan ialah mengenai Hari Kebangsaan dan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai telatah Menteri, Timbalan Menteri dan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bahawa tidak menyeluruh dan

bercanggah dengan tatasusila dan norma budaya bangsa, rasanya saya tidak mahu jawab tetapi hendak menasihatkan sedikit. Itu semua tidak betul. Kalau ada bukti yang Menteri bergurau-senda, saya ingat itu tuduhan semata-mata.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat saya ingat Yang Berhormat tidak appreciate, tidak menghargai seni dan mengatakan bercanggah dengan nilai tarian monyet. Saya rasa Yang Berhormat ketinggalan sedikit. Berkaitan dengan....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Dia bangun Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya appreciate dengan seni, mungkin saya lebih "seni" daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalahnya saya tidak suka dan saya tidak mahu misalnya tarian-tarian ala-beruk ditonjolkan dalam menyambut hari kemerdekaan. Saya rasa Yang Berhormat faham dengan apa yang telah saya maksudkan.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Berkaitan dengan rumah panjang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Kepong yang tidak sesuai, ini juga tidak benar. Semua rumah panjang yang dibina oleh Dewan Bandaraya di dalam Wilayah Persekutuan adalah mengikut Pelan Pembangunan yang telah dipersetujui oleh Town Planning Committee yang dibuat oleh Jabatan Perancang dan Arkitek, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, termasuk segala kos sama ada kos pembangunan mahupun kos infrastruktur barulah rumah panjang itu boleh dibina dan satu unit \$10,000. Ini satu belanja yang besar. Barangkali yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong adalah rumah panjang yang dibina oleh pihak swasta.

Kemudian Ahli Yang Berhormat juga menyebut soal perayaan. Ahli Yang **Berhormat dari Arau meminta** supaya terdapat penyelarasan Hari Kebangsaan. Penyelarasan secara serentak di seluruh negara memang dibuat oleh Kerajaan di peringkat pusat dan di peringkat negeri adalah negeri masing-masing. Cadangan supaya diperluaskan lagi dengan pertambahan peruntukan agar dapat dibantu negeri-negeri, insya Allah, ini akan ditimbang oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,854,200 untuk Maksud B.7 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,854,200 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40,500,030 yang disebutkan dalam Maksud P.7 di dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40,500,030 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1992.

Maksud B.17 (Jadual Kedua)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Ya, Klang.

4.19 *ptg.*

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Pengerusi, terima kasih. Di bawah Maksud B.17 Butiran 03000 Sukan yang mana sebanyak \$1 juta diminta bagi membiayai perbelanjaan pengendalian Sukan Malaysia (SUKMA) di Johor Bahru. Saya suka memberi pandangan tentang kejadian seorang Putera Raja Johor yang melempang dan menendang pemain hoki Perak seperti yang dilaporkan dalam akhbar tempatan minggu lalu bahawa kejadian seumpama ini amat dikesali dan di luar batas kesukanan.

Tuan Pengerusi, perbuatan sedemikian wajarlah dicegah dari berulang, bukan sahaja dalam kesukanan tetapi juga bidang yang lain. Perbuatan ini bukan sahaja menyebabkan rakyat hilang kepercayaan tetapi boleh menimbulkan kebencian rakyat kepada mereka.

Tuan Pengerusi, sudah empat kali Kerajaan mengadakan SUKMA tetapi sehingga kini pada pencapaian rekod sukan belum boleh menghasilkan apa-apa penyertaan dan kemenangan dalam Sukan Olimpik. Negara kita masih dianggap tertinggal jauh kebelakangan dalam bidang sukan antarabangsa seperti Olimpik. Mutu sukan para atlet kita belum dapat didengarkan lagi dalam menaikkan nama negara di peringkat antarabangsa kecuali badminton.

Majlis Sukan Negara wajib sekali menilai cara bersungguh-sungguh dan membuat persediaan yang mencukupi bagi melahirkan para atlet yang boleh diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, kisah M. Kumaresan seorang peserta Lumba Basikal di Sukan Olimpik yang mana dalam penyertaannya tanpa dibiayai oleh Majlis Sukan Negara tetapi berjaya menempah diri sebagai peserta negara

yang pertama dalam final Lumba Basikal di Barcelona. Adalah satu perkara yang patut membuka fikiran dan khayalan kita bahawa Kerajaan nampaknya tidak begitu bersungguh-sungguh untuk membantu para atlet yang berkebolehan seperti pelumba basikal.

Begitulah juga kisah para atlet yang terlibat dalam kemalangan bas ekspres sewaktu hendak menyertai SUKMA di Johor Bahru, nampaknya Kerajaan memandang ringan kebajikan ahli-ahli sukan kita yang sama-sama berjuang mengharumkan nama negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Arau.

4.23 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya menyokong supaya wang \$1 juta ini yang telahpun dibelanjakan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk membiayai Sukan SUKMA.

Tuan Pengerusi, adalah dilihat sekarang, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan rakyat Malaysia kerana sikap kita terhadap sukan sekarang ini sudah nampak terserilah. Saya rasa mana-mana pihak dalam negara sekarang ini, tidak patut mempertikaikan tentang kemampuan, kebolehan dan sebagainya. Sebab kita kena ingat, kalau kita hendak komen dari kita pun, jangan sampai komen yang sampai kita hilang habis semangat. Walau bagaimanapun, kita kena tengok walaupun kita kata Malaysia terendah tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain, yang sama macam kita, kita di antara yang terbaik.

Tuan Pengerusi, tetapi saya hendak tekankan di sini, berhubung dengan sikap rakyat dan juga Kerajaan terhadap sukan, terhadap riadah ini. Malah saya dimaklumkan bahawa padang golf yang paling banyak dalam dunia ialah di

Malaysia. Kalau campur dengan Menteri Pertanian punya cadangan iaitu golf untuk petani-petani, saya rasa lebih banyak. Jadi, makna kata sikap kita kepada sukan sekarang ini sudah tidak boleh dinafi dan dipertikaikan.

Tuan Pengerusi, saya hendak tekankan kepada perkara ini, sukan ini sebenarnya ada dua bahagian. Doktor dari Kepong kalau hendak tahu, kena tengok ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, saya minta izin, saya kurang jelas tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau iaitu cadangan Menteri Pertanian supaya tiap-tiap kawasan pertanian diadakan padang golf ini. Saya hendak tahu adakah Ahli Yang Berhormat dari Arau ingin meminta Menteri Pertanian yang kebetulan ada di dalam Dewan ini untuk menerangkan kepada kita semua maksud cadangan tersebut.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebenarnya saya teringin juga tetapi sebab Peraturan Mesyuarat tidak boleh dipusing-pusing, kalau boleh tidak mengapa, saya ingat, saya lebih seronok. Tetapi yang saya dengar berita macam inilah, padang golf konsep baru ini, di mana kita pukul golf, jadi kita melalui kawasan yang kita jumpa ikan, lepas itu jumpa pelanduk, jumpa rusa. Maknanya golf dalam konsep bentuk itu, maknanya orang yang main golf ini tidak akan kena penyakit jantung seumur hidupnya, sebab fikirannya tenang, tenteram semasa dia berjalan dan sebagainya, termasuk golf petani yang dicadangkan untuk petani-petani.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, saya cuma ingin minta penjelasan sedikit, yang pukul golf sampai ke lubang ikan semua ini, macam mana ceritanya, beri terang sedikit lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya pun hendak beri penjelasan inipun, saya ingat orang yang pakar dalam perkara ini Menteri Pertanianlah. Katanya contoh macam ini, macam kita, mengapa harus kita buat padang golf di tempat-tempat, di kawasan-kawasan dekat dengan bandar sahaja, kita boleh buat di kawasan pertanian, mungkin di kawasan MADA sendiri, boleh dijadikan padang golf, dengan itu petani-petani boleh dapat manfaat daripadanya.

Jadi, maksudnya semasa kita pukul bola itu, inipun saya tidak berapa tahu, kawan-kawan yang cerita, masa dalam perjalanan jumpa kolam ikan, sekarang ini kolam tidak ada ikan, kolam penuh dengan bola. Selepas itu jalan pula jumpa kandang rusa, selepas itu arnab, selepas itu bunga-bunga. Jadi, makna kata, golf konsep baru sekarang ini. Jadi, di samping kita bertengkar fasal bola, siapa masuk lubang, tidak masuk lubang dan sebagainya, kita juga boleh menikmati keindahan alam sekeliling.

Tetapi bagaimanapun, saya hendak tekankan di sini bahawa pencapaian kita dalam padang golf ini yang terbaik dalam dunia, apa lagi kita hendak? Yang Iain-lain itu dia akan datang sendiri. Jadi, saya takut terlupa di sini, konsep sukan ini ada dua bahagian.

Yang pertamanya, sukan untuk kita menang. Yang keduanya, sukan untuk membolehkan rakyat Malaysia merupakan rakyat yang paling sihat dalam dunia.

Tuan Pengerusi, sekarang kita kata dalam dunia sahaja, tidak boleh sebut yang lain, kita hendak kena lawan dengan dunia sekarang, walaupun dunia ketiga tidak mengapa, tetapi yang penting dunia. Rakyat sihat dalam dunia, yang keduanya, pencapaian kita dalam dunia. Saya rasa yang pencapaian dalam dunia itu nombor dua. Tetapi rakyat sihat ini nombor satu. Sebab

yang "dok" sikap marah-marah, hot-tempered, kepala angin, kepala penyamun semua ini sebab tidak sihat badan. Kalau mereka semua ini pergi exercise, DAP pergi exercise, tidak bertengkar di sini. Yang jadi kepala angin, hendak marah, hendak bertangan, hendak bertumbuk ini sebab kurang exercise. Sebab bila kita pergi exercise, tenaga kita telah dicampakkan di sana, bila datang ke sini kurang sedikit. Itu sebabnya saya kurang Tuan Pengerusi, sebab saya kuat exercise. Saya panjat gunung tiap-tiap minggu, gunung betullah. Macam Kepong, dia doktor pun, walaupun dia doktor tetapi dia kurang exercise, tidak ada, jadi, banyak kawan-kawan dia pun kurang exercise. Ahli-ahli Barisan Nasional main golf dia marah. Sebab kita perlukan sihat, sebab bila fikiran kita sihat, badan kita sihat, kita kerja kuat, itu sebab kita sentiasa menang dalam pilihanraya, sebab kita kuat dan sihat.

Tuan Pengerusi, jadinya, saya hendak minta Kementerian Belia dan Sukan, sekarang minat kepada sukan itu ada. Saya sudah tengok Sukan Olimpik, saya tidak pernah missed, dan saya di antara orang yang paling tidur lewat sekarang, saya pun memang tidak boleh tidur malam, jadi, saya perhatikan habis semua sukan saya ikuti. Dan saya lihat, dari segi kekuatan fizikal, kita boleh, tidak ada masalah, cuma mereka ini, mereka daripada umur 7 tahun ataupun daripada umur 3 tahun, itu sahaja kerja mereka, baling batu dari umur 7 tahun hingga umur 22 tahun, mesti dia menenglah.

Tuan Pengerusi, kita tidak ada yang itu, ini semua kita telah tahu. Kalau daripada umur dari dalam buaian lagi, emaknya dalam mengandung lagi, emaknya "dok" bisik fasal gymnastik, jadi badan dia pun lentik, eloklah macam emak dia dengan bapa dia "dok" bisik masa dia mengandung lagi. Jadi, roh dengan badan itu telah ditiup bukan ke arah itu, jadi bila dia umur 11 tahun, badan dia pun melentik elok. Kita

pun boleh buat ke arah itu, cumanya mungkin sekolah khas untuk sukan ini boleh difikirkan. Sebab kita kena ingat, yang hendak menang satu, yang keduanya, program untuk menyihatkan rakyat Malaysia, ini penting—program rekreasi.

Jadi, Sukan SUKMA ini, banyak sukan-sukan dalam Olimpik itu, yang negara dia tonjol, dia masuk. Contohnya macam membaling besi, macam bentuk main squash itu, pakai baling dengan tangan sahaja. Itu kita pun boleh buat. Cuma kita tidak diperkenalkan di sini. Demikian juga sukan-sukan yang diperkenalkan di sana, yang kita boleh buat. Kalau kita hendak pakar berenang, Menteri Pertanian kata, kita ambil nelayan yang kuat berenang di laut, daripada kecil kita suruh dia berenang sahaja ataupun daripada kecil kita suruh dia jadi nelayan. Umur dia 7 tahun jadi nelayan, bila dia besar dia jadi perenang dan juga nelayan. Jadi, makna kata, itu untuk orang yang kita hendak beri dia menang, hendak harumkan nama negara. Beri gaji dia mahal-mahal, saya rasa kalau siapa yang boleh menjadi ahli sukan yang terkenal katakan gaji mesti \$3,000 dalam skim tanggagaji baru SSB ini kita masukkan. Yang menang ini boleh dapat gaji \$5,000, berebut, saya rasa orang tidak hendak jadi ahli politik lagi, berebut orang hendak jadi ahli sukan supaya dia dapat mengharumkan nama negara, itupun dibuat oleh negara-negara yang lain.

Jadi, saya cadangkan supaya dimasukkan di dalam senarai perjawatan Kerajaan bagi mereka yang terlibat di dalam sukan. Saya tahu, Yang Berhormat Dato' Ismail Said, Setiausaha Parlimen ini hendak jawab, dia kata, Majlis Sukan Negara beri elaun \$200 atau \$300. Itu tidak cukup. Kalau hendak beri, beri betul-betul. Jangan kita beri macam kepada Pegawai KEMAS, kakinya terangkat sebelah. Kalau hendak beri, beri betul-betul—\$1,000 kerana dia kerja mati-matian.

Kalau hendak beri gaji, beri \$5,000, dia akan mati-matian bergerak ke arah tersebut. Seperti sukan badminton. Mana ada sukan dalam dunia ini, atas nama badminton, yang bayar tinggi, sama seperti yang dibayar oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia. Itu sebab badminton menonjol ke hadapan. Sekarang kita sudah dapat gangsa, sekejap lagi kita boleh tengok, Tan Sri, mungkin kita dapat perak, lusa mungkin kita boleh dapat emas. Sekarang ini tengah berlawan. Sekejap lagi kita boleh tengok. Ini menunjukkan bahawa ganjaran yang besar dan juga sokongan tidak berbelah bahagi pemimpin dan rakyat menyebabkan sokongan itu berjaya. Demikian juga dengan sukan lain.

Jadi, kita anggap bahawa Majlis Sukan mesti dirombak, tidak payah. Tambahkan insentif, masukkan ganjaran-ganjaran yang khusus dengan dua matlamat iaitu pertama untuk menang dan kedua untuk beri sihat kepada rakyat. Jangan kita menang, macam negara-negara bekas Republik Soviet dahulu. Walaupun dia menang, dia ada orang yang ditonjolkan untuk menang, tetapi rakyatnya tidak sihat. Tidak sihat pemikiran dan juga jasmani. Dia kena berebut roti untuk makan dan sebagainya. Tetapi kita, kalah pun tidak apa, tetapi kita tidak berebut roti. Makanan kita tiap-tiap kali jamuan sentiasa berlebihan—sama ada jamuan yang PAS buat atau UMNO buat, pun sama, sentiasa berlebihan. Orang PAS tidak komplek ini, dia tidak sebut membazir, sebab dia kata ini sama. Ini memang perangai rakyat Malaysia sebab mungkin terlampau mewah. Jadi, saya hendak tekankan di sini supaya kedua-dua ini berjalan serentak supaya rakyat Malaysia dalam tahun 2020, bentuknya macam rakyat Roman masa zaman Ceaser dahulu. Badan macam badang semua, yang perempuan pun badannya steady.

Jadi, makna kata, kita dapat rakyat yang sihat dalam tahun 2020 dan dalam

masa yang sama kita juga memikirkan bagaimana kita hendak menang dalam adegan-adegan tertentu. Walau bagaimanapun, kita sudah pasti nama Malaysia akan dimasukkan, walaupun satu gangsa dalam Sukan Olimpik. Ini satu kejayaan dan kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, kepada Kementerian dan juga kepada rakyat Malaysia yang telah memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada perkara ini.

Berhubung dengan sukan SUKMA, saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat supaya jenis-jenis sukan ini dimasukkan sama dengan Olimpik ataupun Commonwealth. Ini kena buat untuk tahun 1998. Saya pun kalau masih kuat saya hendak mengambil bahagian baling batu. Saya rasa saya mampu baling dan saya anggap DAP ada di hadapan, maka saya baling lagi kuat, saya rasa. (*Ketawa*) Ini adalah supaya jenis-jenis sukan yang kita hendak main itu sama seperti yang terdapat dan yang kita cadangkan dalam Commonwealth ataupun dalam Olimpik. Saya ingat kita boleh sampai kepada tahap itu dan kita berharap juga bila jadi tuan rumah nanti, kita tidak hanya jadi pemerhati. Kita mesti menang juga di dalam satu atau dua acara dan saya rasa kita mampu berbuat demikian kerana ini akan dapat sokongan daripada semua pihak. Jadi, kita bersyukur sebab tadi ada dua benda yang Pembangkang menyokong, pertama, dia sokong Hari Kebangsaan, di mana dia sokong supaya diberi duit. Malah PAS punya cadangan tadi patut kita beri perhatian. Dia kata Hari Kebangsaan mesti dirayakan sampai ke peringkat daerah dan kampung. Ini bagus. Dahulu dia kata membazir, sekarang dia kata dia setuju. Wakil PAS dari Tumpat tadi minta, sebab dia kata tadi, dia mewakili semua orang PAS di seluruh Malaysia supaya perayaan dibuat di peringkat negeri hingga ke kampung, daerah ke semua ceruk rantau. Bagi dia ini tidak membazir.

Kalau dia setuju, kita buat. Saya ingat kita patut beri sokongan yang lebih besar sebab ini PAS pun hendak dan dia juga minta diadakan acara sukan. Jadi, sukan itu baginya tidak haram. Okay, saya ingat kita akan terus buat dan ini adalah dua bil yang Pembangkang sokong tanpa berbelah bahagi. Saya ingat Kerajaan patut ambil kesempatan ini untuk menambahkannya.

Jadi, sukan SUKMA, saya ingat perlu diperbesarkan, perlu ditambahkan hadiah dan juga insentif termasuk benda-benda yang lain. Baru-baru ini saya ada dengar cerita, ada kawan Menteri beritahu, kita juga boleh terlibat dalam sukan yang mungkin dari segi fizikal, tetapi generasi kita sudah okay, anak-anak kita sudah okay, barangkali ada di antara kita yang teringin hendak terlibat dalam sukan yang tidak melibatkan fizikal seperti menembak, memanah dan lain-lain yang saya ingat perlu diberi latihan dan juga insentif untuk membolehkan sukan ini kita gerakkan dengan lebih baik dan habis-habisan. Kita amat bersyukur kerana sukan sekarang sudah sampai ke peringkat yang patut dibanggakan dan saya hendak cadangkan oleh kerana untuk menyihatkan rakyat ini, kita perlu melibatkan banyak program rekreasi. Saya sudah cadangkan kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat kata, akan tubuhkan dan mungkin akan tubuhkan Majlis Fizikal dan Rekreasi. Ini patut dibuat.

Kita ada kelab rekreasi yang terlampau banyak sekarang misalnya, kelab kayak, kelab naik bukit, kelab memanah, jadi harus digabungkan supaya dapat diselaraskan aktiviti mereka yang mana ini untuk menyihatkan badan, kita beri sihat badan, dan yang mana boleh kita ketengahkan untuk dia jadi pemain profesional, kita ketengahkan. Dalam Majlis Sukan, Fizikal dan Rekreasi ini cukup penting dan mungkin Yang Berhormat sendiri boleh mengetuai dan kita tidak perlu

tunggu lagi. Semua orang akan memberi sokongan kepada Majlis ini.

Saya hendak komen satu, iaitu fasal **Utusan Malaysia**, fasal SUKMA—Putera Raja pukul kepala Abu? Saya ingat ini tidak patut dibesarkan, Tuan Pengerusi. Sesiapa pun yang masuk dalam sukan dia adalah sama. Kalau anak saya besok **pukul** kepala anak you, takkanlah you sebut putera Shahidan pukul anak you. Siapa yang masuk sukan itu sama. Raja yang telah melibatkan diri dalam bidang perniagaan, sebagai contoh, dia ahli perniagaan, tetapi kita tidak patut sebut "Dia Putera", kalau dia hendak melibatkan diri dalam perniagaan, tidak apalah, dia putera raja, tetapi bila dia masuk sukan, dia sebagai salah seorang daripada ahli sukan lain, ketuk kepala Abu, tidak bolehlah kita sebut hendak cerita benda-benda yang kontroversi, itu tidak boleh, rosak cerita ini. Apa matlamat kita berbuat demikian?

Jadi, DAP tidak payah ambil kesempatan untuk menceduk di air keruh, tidak payah. Raja pun, kalau mula main sukan, dia juga ahli sukan. Kalau kita 'book' kepada dia sekalipun, kita tumbuk seorang ahli sukan, bukan tumbuk Raja. Ini tulis dalam surat-khabar "Tan Seng Giaw tumbuk raja". Itu tidak boleh, sebab you tumbuk ahli sukan—tetapi dia memang tidak berani. Walaupun dia dari Military College, tetapi ada lembut sedikitlah cara jalannya. Maksud saya di sini, kalau sekiranya putera raja masuk main hoki, dia seorang ahli sukan dan saya minta surat-khabar atau mana-mana pihak jangan memburukkan keadaan. Ini tidak elok. Kita tidak mahu lagi perkara seperti ini, sebab negara Malaysia tidak mahu melibatkan benda-benda yang tidak mendatangkan faedah, kita mesti melibatkan perkara-perkara yang mendatangkan faedah dari segi riadah. Sebab kalau hendak fikirkan perkara hendak bertumbuk, jantung kita bergerak kencang, kepala angin pun timbul, jadi, kita dapat sakit jantung. Kita mesti capak

benda-benda yang indah seperti bunga dan sebagainya. Jadi, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Kepong.

4.39 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, B. 17. Tadi Yang Berhormat dari Arau, nampaknya dia berminat dalam berbagai bidang. Berminat dalam kawat, berminat dalam golf, tani, dengan baling batu dan juga pendidikan dalam kandungan. Memang pakar di dalam semua bidang.

Tuan Pengerusi, saya tertarik bagaimana kita dapat main golf secara golf tani. Mungkin kita dapat penjelasan dengan lebih lanjut untuk mengetahui bagaimana kita dapat mempopularkannya. Kita di dalam DAP, menekankan bahawa main golf tidak salah, cuma saya tekankan di sini supaya Menteri ataupun Timbalan Menteri ataupun sesiapa sahaja di dalam Kerajaan di dalam masa bekerja jangan buang masa di padang golf. Selepas kerja kita boleh, sampai larut malam pun boleh. Itu tidak salah. Cuma, kalau kita hendak bina padang golf itu, kita hendak seimbangkan dengan pembangunan yang lain. Jangan berat sebelah. Itu sahaja yang ditekankannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyaksikan Sukan Malaysia (SUKMA) yang keempat di Johor Bahru. Yang pentingnya, tckanan rakan saya mengenai kejadian....

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi saya terlupa cakap. Ini saya bukan hendak buat ucapan. Saya hendak betulkan. Sebenarnya padang golf ini

bukannya dibina oleh Kerajaan, dibina oleh pihak swasta. Jadi, saya terlupa sebut dalam ucapan supaya pihak swasta juga digemblengkan tenaga untuk menggalakkan sukan.

Jadi, oleh kerana golf banyak di Malaysia ini, kita tidak patut pertikalkan. Kita patut sokong sebab swasta yang terlibat, Kerajaan satu, dua sahaja termasuk Golf Tani dan sebagainya ataupun kalau DAP ada golf DAP, boleh, kita tumpang main sekali-sekala.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia ini bukan sukan golf sahaja ada. Kita boleh lihat Olimpik. Macam mana banyak jenis sukan, hendak tekankan golf sahaja? Swasta pun kalau rancangan untuk pembangunan padang golf ataupun padang bola sepak dan sebagainya, ia diluluskan oleh Kerajaan. Ya, swasta yang buat, tetapi Kerajaanlah yang meluluskan rancangan semua aktiviti. Jadi, kita hendak seimbangkan semuanya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, apa sebab yang Ahli dari Kepong ini anti-golf sangat? Apa sebab? Cuba beri sebab-sebab.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak anti-golf. Hendak main golf, boleh. Selepas masa pejabat, kita pergi main. Yang saya tekankan hal ini kerana ada sesetengah Menteri ataupun Timbalan Menteri yang main golf semasa bekerja. Itu sahaja yang ditekankan. Jadi, yang lain itu kita hendak seimbangkan. Jangan membangunkan golf sahaja, yang lain tidak kira. Itulah maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita adakan SUKMA itu tidak ada salah. Cuma kita berharap, penganjuran sukan seperti ini dikendalikan dengan lebih baik, lebih teratur. Nampaknya ada kekurangan sedikit di dalam pengurusan dari segi penyelarasan dan perancangannya—yang kurang sedikit, tetapi ini perlu dipertingkatkan untuk mengendalikan sukan seperti ini dengan lebih baik. Saya pun suka juga kalau semua programnya, semua acara itu boleh diselenggarakan dengan sukan Olimpik. Itu lebih baik lagi, tetapi ini bermakna perbelanjaan akan ditambah dengan banyak. Itu sahaja. Tetapi saya ada nampak bahawa pengurusan, perancangan dan penyelarasan tidaklah begitu sempurna sehingga wujudnya kejadian-kejadian yang tidak diinginkan.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, memang saya bangga kerana kita menang Piala Thomas. Saya berharap kita dapat mempertahankannya pada dua tahun akan datang. Walau bagaimanapun, penyelarasan dari segi memberi hadiah dan sebagainya nampaknya tidak ada. Cuma ada pihak yang tertentu hendak ambil kesempatan kerana kemenangan yang besar ini. Bukannya Padang Terap kerana dia tidak ada peluang. Beliau bukan Menteri Besar. Kalau Menteri Besar mungkin dia hendak ambil kesempatan. (*Ketawa*) Nampaknya dia setuju juga. Kerana penyelarasan tidak cukup, tidak baik. Jadi, ada hendak beri hadiah itu dan ini, itu tidak salah, cuma kita hendak menyelaraskan, memperseimbangkan dengan sukan-sukan yang lain, kerana kita ada bola sepak lagi, kita ada hendak baling batu lagi. Apa lagi ada? Ada jaguh baling batu pun, kalau menang di antarabangsa kita mesti beri hadiah juga. Selepas itu kerana penyelarasan dan perancangan yang tidak sempurna, kita ada tiga bulan lagi hendak pergi ke Olimpik. Jadi, dalam tempoh satu bulan itu, perayaan sahaja, majlis jamuanlah, sambutanlah dan sebagainya. Sambutan itu tidak salah, tetapi

kita boleh tunggu dahulu. Ini satu bulan tidak ada latihan. Pemain-pemain badminton kita tidak ada masa untuk berlatih. Satu bulan buang masa. Walhal pemain-pemain Indonesia bertungkus-lumus dan sebab itu mereka dapat kemenangan lebih baik daripada kita sekarang.

Itu saya tidak salahkan pemain-pemain kita. Cuma penganjur, cuma pihak Kerajaan tidak ada pengurusan, penyelarasan dan perancangan yang baik. Jadi, nampaknya ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sahaja di sini. Baik kita ambil perhatian untuk disampaikan kepada Menteri apa yang dibuat itu salah. Satu bulan pemain badminton tidak dapat berlatih kerana sambutan sini, sambutan sinun. Ada Menteri Besar hendak bawa ke Banting, ada Menteri Besar hendak bawa ke Shah Alam dan sebagainya. Tidak ada masa hendak berlatih. Cuma ada 3 bulan sahaja. Jadi satu bulan telah dibuangkan, cuma dua bulan yang tinggal, tidak sampai dua bulan pula. Tetapi nasib baik kita masih menang mungkin satu pingat gangsa.

Walaupun bagaimanapun, ini menunjukkan pihak Kerajaan mesti mengambil perhatian mengenai semua bidang termasuk pengurusan, perancangan dan penyelarasan dan juga kita mesti mengambil perhatian mengenai pengurusan semua kelab dan semua jabatan, semua persatuan sukan yang mana kadangkala timbul masalah termasuk masalah kepimpinan. Kalau kita boleh menyelaraskan semua, jadi kita akan adakan taraf sukan yang lebih tinggi di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar.

4.47 *pag.*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong Maksud 17, permintaan \$1 juta dikehendaki untuk

membiyai perbelanjaan bagi mengendalikannya Sukan SUKMA di Johor Bahru.

Jadi, kita sudah dengar cerita Yang Berhormat dari Kepong tadi. Oleh kerana Razif Sidek kalah semalam, dia ceritalah yang functions kita buat itu mendatangkan masalah. Itulah sebabnya cerita ini. Sebenarnya itu tidak patut. Tidak patut kita cari kesalahan sahaja. Kalau yang betul itu, ada kadang-kadang kita sudah buat preparation yang sebegitu baik, rapi dan sepenuhnya, kita kalah juga. Jadi, janganlah cari yang salah sahaja. Cari yang baik, tengok yang baik juga tetapi ini memang dasar mereka ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sukan Komanwel kita hanya 6 tahun lagi. Apa Yang Berhormat dari Arau sebut tadi, kita mesti melatih anak kita daripada muda, dari peringkat dalam kandungan lagi, kata dia. Memang ada benar cerita ini. Walaupun Yang Berhormat dari Kepong tidak setuju, tetapi saya setuju cerita dia ini. Kalau kita hendak "create"kan satu benda itu, memang dari awal lagi. Di mana-mana kawasan atau bidang pun mesti saya percaya dari awal lagi kita latihan, insyaAllah, kita dapat mencapai matlamat yang kita kehendaki.

Memang saya setuju sekali apa Yang Berhormat dari Arau kata, iaitu kita latihan daripada awal. Pada satu ketika dahulu, kita pernah terbaca iaitu di Soviet Union ketika itu (sekarang Russia), anak-anak ini yang berumur baru dua, tiga bulan sahaja, mereka dimasukkan ke dalam satu tangki air. Dia kata "water baby", hendak "create a super swimmer in the future".

Jadi, ini tidak mustahil dan pada masa sekarang kita boleh membiyai anak-anak yang daripada bangku sekolah, kindergarden, kita boleh latihan dengan begitu baik dan beri kemudahan-kemudahan elaan, gaji apa

sekalipun, bukan sahaja daripada segi latihan juga, kemudahan yang patut kita buat. Jadi, ini saya memang menyokong dan saya mencadangkan lagi—tetapi apa yang kita patut perbincangkan juga di sini ialah soalan Sukan Komanwel yang kita hendak jadi tuan rumah ini. Jadi, kita berharap masa perlawanan Sukan Komanwel tadi, kita bukan sahaja menjadi tuan rumah, tetapi juga menjadi pemenang sukan yang banyak di temasya sukan yang besar akan diadakan di negara kita ini.

Jadi, dengan itu dalam masa enam tahun banyak lagi boleh kita buat, rancangan atau apa-apa sahaja yang boleh kita lakukan supaya memperketatkan peningkatan kita untuk memperbaiki prestasi kita di bidang sukan. Jadi, janganlah kita pandang pada yang ada kerana orang yang ada sekarang ini pada enam tahun akan datang dia sudah tua, bahkan baru saya baca pagi tadi mengatakan pemenang lari pecut 32 tahun umur itu sudah dekat hendak tua ini. Jadi, ada orang sekarang 26 tahun umurnya, pada 6 tahun yang akan datang sudah 32 tahun, sudah tak boleh lari lagi. Jadi, kita dari awal lagi, peringkat awal, muda-muda yang lagi dari peringkat 13, 14 tahun kita latih dari sekarang, insya Allah pada 6 tahun akan datang mungkin mendapat taraf yang begitu baik dan boleh menandingi mana-mana ahli sukan daripada negara-negara lain.

Jadi, selaras dengan itu janganlah kita pandang daripada orang yang berkeliaran di bandar-bandar sahaja, daripada sekolah-sekolah di bandar sahaja, orang-orang bandar sahaja, orang yang mempunyai kemudahan yang ada di bandar sahaja, tetapi kita sepatutnya memberi kemudahan dan memandangkan orang bukan sahaja di bandar, tetapi juga di luar bandar mungkin banyak lagi yang berbakat yang mempunyai prestasi tetapi kemudahan tidak ada, latihan tidak ada

dan tumpuan tidak ada dibuat kepada mereka yang mungkin tidak berpeluang menerima segala latihan seperti kemudahan yang didapati di bandar. Jadi, sekali lagi saya mengulangi kepada pihak Kementerian supaya dari peringkat sekarang apabila kita melakukan satu peruntukan ataupun mengagihkan satu peruntukan untuk perbelanjaan kewangan pada hujung tahun ini, kita sediakan peruntukan yang besar lagi. Memang untuk menyediakan kemudahan sukan di luar bandar, di daerah-daerah yang tertentu dengan harapan kita boleh mencungkilkan bakat baru, belia negara daripada luar bandar kemungkinan mempunyai badan yang tegap yang macam kata Yang Berhormat dari Arau, macam Badang badannya, kemungkinan boleh membaling cakera dengan begitu baik lagi daripada orang bandar yang badannya itu lemah sedikit, tak makan ikan lebih banyak.

Jadi, orang di luar bandar, orang menangkap ikan mungkin makan ikan banyak jadi badannya dan tulangnya keras macam itu. Jadi, kita mesti mengambil penekanan dan mengambil peluang kepada mereka ini supaya jangan mereka dengar sahaja cerita orang yang pandai. Jadi, di samping itu saya ingin juga menekankan kita mesti buat masa sekarang membuat satu preparation ataupun rancangan yang lebih jauh lagi kerana rancangan yang singkat kita dapat kemenangan atau prestasi yang tak begitu memuaskan juga tetapi kalau kita rancang dengan jauh lagi kemungkinan kita boleh dapat prestasi yang baik dan kemampuan yang lebih daripada itu.

Saya telah membaca satu kajian mengatakan orang Jepun masa dahulu dia makan ikan dengan bubur nasi sahaja, jadi badannya kecil. Jadi, kalau dia makan, sekarang sudah makan daging, badannya sudah jadi besar. Kemungkinan anak-anak kita digalakkan makan daging, daging arnab,

daging ayam, jadi kemungkinan mendapatkan orang yang lebih besar daripada masa sekarang kerana kita nampak dalam acara lari tadi saya nampak pelari lompat pagar, saya nampak pelari Malaysia itu yang kecil sekali. Jadi, dibandingkan dengan pelari-pelari yang lain itu besar badan, tinggi badan, senang sahaja dia melangkah. Jadi, kita kalau badan kita jadi besar, tinggi lagi, mungkin senang, mungkin ada kemudahan baik lagi prestasi mereka di kalangan sukan antarabangsa.

Jadi, dengan itu kita bukan sahaja mengubah sikap dan tujuan sukan kita, tetapi juga kita mesti mengubah sikap cara makan orang kita bukan kurang sangat. Kementerian Pertanian boleh mengeluarkan banyak daging arnab, daging ayam, daging kambing. Jadi, kita galakkan orang makan kambing, ayam banyak-banyak lagi.

Tuan Pengerusi, cerita ayam, cerita arnab ini memang panjang ceritanya. Jadi, soal sukan SUKMA di Johor, saya memang ucap tahniah kepada pihak Kerajaan Johor yang telah mengendalikan sukan SUKMA yang terbaik, tetapi walaupun terdapat sedikit sebanyak rungutan yang kita baca dalam suratkhbar mengatakan ini dan itu, tetapi kita tak payahlah heboh cerita ini. Jadi, saya haraplah pihak negeri Perak yang akan mengendalikan sukan SUKMA pada masa yang akan datang mempelajari kesalahan ataupun kepincangan yang berlaku di tempat lain mungkin di Johor, mungkin di Sarawak yang telah lalu untuk memperbaiki prestasi organisasi kita supaya perkara-perkara blackout in liputan, dengan izin, tidak berlaku, supaya orang di luar bandar di luar daripada tempat-tempat di mana sukan ini diadakan boleh menerima laporan-laporan yang kemaskini ataupun yang up-to-date daripada pihak-pihak akhbar. Jadi, daripada pihak akhbar saya berharap koordinasi

patut dibuat supaya mereka jangan rasa tersingkir dan juga tidak diketepikan oleh penganjur pihak sukan.

Jadi, dengan itu Tuan Pengerusi saya menyokong dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batu Berendam.

4.57 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Pengerusi, saya bangun membincangkan Maksud B.17—Kementerian Belia dan Sukan.

Sepertimana rakan-rakan lain saya menyokong di atas jumlah wang yang telah diberi kepada sukan Malaysia atau SUKMA Ke IV di Johor Bahru baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh beberapa perkara secara ringkas. Pertamanya, saya rasa peruntukan pada masa-masa akan datang untuk SUKMA ini sama ada di Perak atau di mana sahaja perlulah ditambah lagi kerana tambah-tambah memandangkan pula bahawa negara kita akan menjadi tuan rumah kepada sukan Komanwel iaitu pada tahun 1998. Jadi, saya rasa dukacita sedikit kerana secara terus-terang saya mengatakan bahawa saya belum begitu jelas lagi tentang program-program yang diatur oleh Kementerian Belia dan Sukan terutama sekali tentang sukan yang ada di dalam negara kita ini. Sebagai contoh, saya ingin tahu apakah program yang sedang diatur sekarang. Walaupun kita dari segi program untuk menyediakan tempat dan sebagainya untuk Commonwealth Games ini, mungkin kerana telahpun membuat perancangan, tetapi dari segi perancangan Kementerian Belia itu sendiri untuk mencungkil bakat-bakat, adakah kita hendak tunggu last minute setahun dua tahun sebelum Sukan Komanwel itu diadakan baru kita hendak mencungkil bakat-bakat?

Hari ini, insya Allah, kalau kita berjaya kita akan dapat gold, pingat emas, hanya satu sahaja di Olympic Games, tetapi saya rasa ianya akan menjadi malu jika sekiranya tahun 1998 apabila Commonwealth Games diadakan di negara kita ini kita hanya mendapat 5, 6 emas sahaja. Saya rasa, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau dan juga Yang Berhormat dari Batang Lupar ada kenyataannya iaitu kita kena prepare daripada sekarang, iaitu program-program mesti diatur. Para ahli sukan yang ada hari ini akan menjadi tua pada tahun 1998, maka mungkin kecekapan mereka itu tidak dapat digunakan lagi. Jadi, maksud saya ialah ingin mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan berunding dengan Kementerian Pendidikan dari segi peruntukan kewangan, sama-sama bersepakat dengan Kementerian Pendidikan untuk memberi tambahan kepada projek-projek sukan di sekolah-sekolah sebagai contoh. Begitu juga selalu kita bercakap apabila kita menang Thomas Cup baru-baru ini, alhamdulillah, kita menang kita ucap tahniah kepada Kerajaan dan sebagainya, tetapi kita ini selalu hangat-hangat sementara sahaja. Apabila kita menang satu sukan kita heboh bercakap satu sukan, menang Badminton kita bercakap, lepas itu kita lupa, tetapi kita tidak ada long-term atau perancangan jangka panjang untuk menyediakan belia-belia kita di dalam bidang sukan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Yang keduanya, saya ingin sentuh juga iaitu tentang politicking yang didapati di kalangan persatuan-persatuan sukan seperti kalau kita baca suratkhbar yang biasanya kalau ada musim pertandingan bola, mulalah pasukan atau persatuan itu bercakap tentang persatuan lain kemudian pecat ahlihlah dan all kinds of politicking

dalam persatuan sukan kita ini. Baik Persatuan bola, baik persatuan basikal, persatuan apa pun, hari-hari kita baca back page itu ada sahaja komen-komen. Ini saya rasa patut dihapuskan, politik di sini cukuplah, tetapi di bahagian sukan ini patut dihapuskan. Jadi, saya mintalah kalau boleh Kementerian Belia dan Sukan, Mentcrinya, Setiausaha Parlimennya ada hari ini menentukan supaya politicking ini dihapuskan sama sekali. Mima kerjasama daripada akhbar supaya tidak membesar-besarkan isu-isu seperti ini. Kalau kita dok bercakaran sama sendiri, berpolitik sama sendiri dalam sukan saya tidak tahulah apa akan terjadi pada kita pada tahun 1998.

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Adakah Yang Berhormat Batu Berendam mencadangkan supaya semua pemimpin-pemimpin Barisan Nasional keluar daripada badan-badan sukan supaya politik ditinggalkan daripada badan-badan sukan?

Tuan Mohd. Tanrrin bin Abdul Ghafar: Saya rasa kalau tanpa penglibatan pemimpin Barisan Nasional dalam bidang sukan, saya rasa politik di sana lebih teruk lagi. Kita hendak membantu menyelesaikan masalah di sanalah itu. Yang saya maksudkan Yang Berhormat daripada Kepong ialah kadang-kadang terdapat pegawai-pegawai, Presidennyalah, itulah dan sebagainya yang bercakaran sesama sendiri. Itu maksudnya. Tak lebih daripada itu. Jadi, satu lagi perkara yang ingin saya sebut di sini ialah tentang peruntukan. Peruntukan Kementerian Belia dan Sukan ini terlampau sedikit. Sepatutnya Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan memberi sedikit pandanganlah. Lebih-lebih lagi ini kita hendak belanja berbilion ringgit untuk

mengadakan Sukan Komanwel ini. Kemudian dulu kita pernah bercakap, kita pernah mendengar, ada orang berkata tiap-tiap kawasan Parlimen mesti ada Mini Stadium. Tak ada apa. Tambah kita Wakil Rakyat menjadi susah. Belia-belia hendak beli kompiang pun jumpa Wakil Rakyat, gaji kita S3,000 nasib baik sudah naik kepada \$4,200. Hendak beli kompiang pun kita, hendak beli jersi bola pun Wakil Rakyat, hendak beli bola pun Wakil Rakyat, semua Wakil Rakyat. Kita ini gaji kita \$3,000—\$4,000 sebulan, semua hendak jaga. Jadi saya harap kalau bolehlah Kerajaan kena cari jalan untuk menambahkan melalui Pejabat Daerah ataupun SDO supaya....

Tuan **Haji Sukri bin Haji** Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

Tuan **Haji Sukri bin Haji** Mohamed: Saya hendak minta penjelasan sedikit, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat kata kalau rakyat minta alat-alat sukan pun Yang Berhormat. Boleh atau tidak kalau Yang Berhormat cadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya peruntukan yang sama diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat Pembangkang? Itu Yang Berhormat nasib baik ada, kami satu sen pun tak ada!

Tuan **Mohd. Tamrin bin Abdul** Ghafar: Untuk makluman Yang Berhormat daripada Kok Lanas. Kita tidak diberi peruntukan. Kita mencadangkan kepada Pejabat Daerah, kepada SDO, merekalah yang menentukannya. Tetapi kadang-kadang peruntukan itu terhad. Itu sebabnya saya katakan tadi, kita ini sebagai Wakil Rakyat, dia datang kepada kita minta bantuan, secara peribadi atau sebagainya. Kadang-kadang daripada melalui poket kita sendiri. Itu maksud saya.

Jadi, saya minta, kalau boleh, Kerajaan mencari jalan dan menambahkan peruntukan. Kalau tidak perlu hendak diadakan mini stadium, misal kata, di tiap-tiap kawasan pilihanraya Parlimen, oleh kerana mahal harganya, sekurang-kurangnya sesuatu hendaklah dibuat supaya penglibatan rakyat, khasnya belia-belia terutama sekali di luar bandar betul-betul berkecimpung dalam sukan ini. Kalau tidak, kita jangan bercakap fasal sukan, kita tutup sahaja Kementerian ini dan kita buat benda lain.

Saya rasa itulah perkara-perkara yang saya hendak sentuh tentang Kementerian ini, dan saya berharap bahawa sukan SUKMA pada tahun hadapan ataupun dua tahun akan datang yang akan diadakan di Perak dan sebagainya itu akan dapat sedikit sebanyak memberi kesan juga kepada persediaan kita untuk Sukan Komanwel yang akan diadakan di negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.04 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kelang, Arau, Kepong, Batang Lupar dan juga Batu Berendam yang telah mengemukakan pandangan mereka mengenai masalah pembangunan sukan yang sedang berlaku di negara kita pada hari ini. Kedua-dua Wakil dari DAP iaitu dari Kelang dan Kepong nampaknya telahpun memberi teguran-teguran yang saya anggap sebagai "rumah siap pahat berbunyi."

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil dari Arau, Batang Lupar dan juga Batu

Berendam yang memberi teguran yang begitu membina dan juga memberi perangsang kepada Kementerian Belia dan Sukan, dan juga menunjukkan sokongan kepada program-program yang dijalankan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan pada hari ini.

Yang Berhormat dari Kelang dan Kepong ada menyentuh mengenai insiden yang berlaku dalam Sukan SUKMA baru-baru ini di mana ianya melibatkan dua orang pemain hoki dari Johor dan juga Perak.

Yang sebenarnya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian saya memang tidak menduga perkara ini boleh berlaku dan Kementerian saya juga tidak suka perkara ini berlaku. Walau macam manapun, ianya telahpun berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telahpun meminta Persatuan yang berkenaan, iaitu Persatuan Hoki, untuk melaporkan perkara ini kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk siasatan lanjut. Untuk menjamin supaya perkara ini tidak berlaku, memanglah Kementerian saya tidak dapat menjaminkannya sebagaimana yang dikehendaki oleh Wakil daripada Kelang tadi. Walau macam manapun, kita akan mengambil langkah yang sebaik mungkin untuk mengelakkan perkara-perkara ataupun insiden-insiden yang tidak diinginkan berlaku di masa-masa yang akan datang ataupun dalam mana-mana sukan SUKMA yang akan datang.

Yang Berhormat dari Kelang juga ada menyebut masalah prestasi kita dalam Sukan Olimpik yang sedang berlangsung sekarang ini, sungguhpun ianya tidak termasuk dalam peruntukan \$1 juta ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi penjelasan di sini, untuk makluman Yang Berhormat dari Kelang dan Yang Berhormat dari Kepong juga yang ada menyentuh tadi

mengenai prestasi kita. Hasrat dan niat kita bertanding memanglah hendak menang. Dalam pertandingan ada tiga kemungkinan—menang, kalah ataupun seri. Tetapi oleh kerana mungkin nasib kita tidak baik, kita mengalami kekalahan. Walau macam manapun, Tuan Pengerusi, kita mestilah mengambil kekalahan ini dalam semangat, dengan izin, sporting spirit.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, menang, kalah itu lain kira. Memang ada setengah-setengah masa kita menang. Ada pula kita tewas. Itu saya terima. Cuma cara-cara untuk membuat persiapan, cara pengurusan, cara perancangan dan penyelarasan itu yang dipertikaikan termasuk pasukan badminton yang pergi ke Sukan Olimpik, yang sudah buang masa selama satu bulan.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya tidak nampak bagaimana Yang Berhormat boleh komen mengenai pengurusan pasukan Olimpik Malaysia ataupun beliau tadi ada menyebut masalah pengurusan Sukan SUKMA. Saya tidak nampak bagaimana dia melihat masalah ini ataupun kelemahan ini kerana saya tidak pernah nampak Yang Berhormat berada di Perkampungan Sukan ataupun di padang bola ataupun di mana-mana semasa SUKMA itu berjalan ataupun semasa Pasukan Olimpik kita sedang berlatih. Saya tidak nampak Yang Berhormat ada di sana. Jadi macam mana Yang Berhormat boleh komen mengenai kelemahan yang sedang kita alami. Saya hairanlah. Mungkin Yang Berhormat ada lampu ajaib agaknya!

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupar bangun dulu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dalam pandangan Yang Berhormat, macam mana kehendak Yang Berhormat dari Kepong ini? Dia hendak ahli sukan kita ini 24 jam berlatih, tidak payah makan, tidur, rehat, semua tidak payah? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pulak.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya pun tidak faham cara apa yang Kepong hendak ini. Mungkin begitulah kira-kiranya—supaya ahli sukan kita berlatih 24 jam, tidak makan, tidak minum, tidak tidur.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kepong bangun tadi. Bagi dia peluang dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Tidak payah kita menyaksikan apa yang berlaku, kerana di dalam peti TV, di dalam radio, di dalam akhbar, kita muatkan semua—perayaan, majlis makan malam, sambutan dan sebagainya. Itulah yang saya maksudkan, kita tidak payah pergi, kita boleh tengok.

Jadi, apa maksudnya? Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pun main ragbi, dia tahu apa persiapan yang hendak dibuat, tiga bulankah hendak pergi ke Olimpik, di sana, di sini sambutan majlis jamuan makan

malam. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu hendak ambil kesempatan sedikit kerana ada kemenangan dalam Piala Thomas, dia hendak mengambil kesempatan. Dia tak kira sama ada di Barcelona kita menang atau kalah?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, kita sentiasa berada dalam serba-salah. Apabila kita tidak merayakan kemenangan, dikatanya kita tak beri pengiktirafan kepada ahli-ahli sukan negara kita. Apabila kita merayakan kemenangan, katanya, we are taxing their time, dengan izin, serba-salah. Walau macam manapun, itulah dia masalah DAP apabila rumah sudah, pahat pun berbunyi....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, bolehkah saya tutup perbincangan mengenai ini dengan bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah Setiausaha Parlimen setuju dengan saya kalau saya mengatakan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak begitu arif dalam bidang sukan, dia bukan sportsman. Kerana di dalam sukan perlu ada 'a certain period of rest' untuk mengatasi masalah fatigue. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa pada dia itu, sukan ini kena 24 jam, tidak ada rest langsung. Jadi, kalau begitu, tak payahlah jawab soalan-soalan dia mengenai dengan Kementerian ini.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya setuju 100%. Yang Berhormat dari Kepong yang sebenarnya 'Jack of all trade but master of none'. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau, minat beliau kepada program

dalam kegiatan sukan di negara kita, terutama sekali yang sedang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Cadangan yang dibuat oleh beliau itu saya nampak baik-baik belaka. Insya Allah, akan kita ambilkira dan buat kajian, terutama sekali masalah konsep padang golf baru ini, kita akan kaji. Sungguhpun yang sebenarnya, untuk maklumat Yang Berhormat, pembinaan padang golf di negara kita ini bukanlah di bawah Kementerian Belia dan Sukan, ianya di bawah kelolaan pihak swasta dan juga Penguasa Tempatan dan Kerajaan Negeri, tetapi Kementerian memang tertarik dengan cadangan Yang Berhormat. Insya Allah, untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian saya juga sekarang ini sedang memikirkan masalah penubuhan akademi golf di negara kita. Jadi, satu cadangan yang baik dan terima kasih.

Mengenai cadangan Yang Berhormat penubuhan Majlis Fizikal dan Rekreasi Malaysia, untuk maklumat Yang Berhormat, yang sebenarnya sudah ada badan itu, cuma ianya tidak begitu aktif. Insya Allah, kita akan activate balik majlis ini. Saya difahamkan Yang Berhormat berminat untuk menjadi Timbalan Pengerusinya. Kementerian saya mengalu-alukan niat Yang Berhormat itu. Ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat bukan sahaja pandai bercakap, tetapi mengambil bahagian sama. Ini satu sikap yang harus diberi pujian oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, saya tidak ada apa-apa hendak mengulas Ahli Yang Berhormat dari Kepong....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong bangun pula.

Dato' Ismail bin Said: Tak payah. Tadi Yang Berhormat dari Padang Terap sudah tutup perbincangan kita.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kok Lanas bangun pula. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Ismail bin Said: Dia tak bercakap tadi, Tuan Pengerusi, tak payahlah.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Hendak minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Dato' Ismail bin Said: Dia tak pernah main sukan pun, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan.

Dato' Ismail bin Said: Boleh.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tadi Yang Berhormat cakap, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dalam merancang segala aktiviti sukan di negara ini adakah tidak ada penyelarasan di peringkat Kementerian? Misalannya dalam konsep pembinaan padang-padang golf di seluruh negara, kemudian pembinaan stadium dan sebagainya. Adakah tidak ada suatu perancangan dan pengawasan dibuat oleh pihak Kementerian? Kerana kita dengar, misalannya Terengganu sampai 8 buah padang golf dengan rakyat 700 orang hendak buat 8 buah padang golf, seolah-olah benda ini tak munasabah langsung. Jadi, adakah di peringkat Kementerian ada perancangan dan pengawasan tentang perkara ini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan kenyataan sedikit. Negeri Terengganu tak pernah merancang untuk membina padang golf yang sebegitu banyak. Di Kelantan saya tak tahu, mungkin ada iebih daripada itu agaknya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Jadi, mengenai penyelarasan sebagaimana saya katakan tadi daripada awal lagi, Kementerian Belia dan Sukan memang tidak terlibat dengan pembinaan padang golf. Mungkin masalah penyelarasan tidak timbul. Walau macam manapun, oleh kerana memandangkan di akhir-akhir ini rakyat negara kita sudah ramai berminat untuk bermain golf dan demikian juga pelabur-pelabur daripada negara-negara luar memang suka bermain golf di Malaysia, katanya murah, sebab itulah kita telahpun mengambil langkah untuk mengkaji bagaimana hendak menyelaraskan. Untuk tujuan itu, saya kata tadi, Kementerian kita sedang memikirkan kemungkinan untuk mewujudkan Akademi Golf Negara. Itulah langkah-langkah penyelarasan yang akan kita ambil di masa yang akan datang, untuk makluman Yang Berhormat dari Kok Lanas....

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batu Berendam bangun.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya tertarik hati dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha, iaitu cadangan kemungkinan menubuhkan Akademi Golf ini. Saya hendak tahu sama ada akademi golf yang hendak dibina ini adakah ianya akan dibuat oleh Kementerian ataupun akan diswastakan?

Dato' Ismail bin Said: Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Berendam. Sebagaimana saya katakan tadi, ianya masih lagi di peringkat perancangan. Masih lagi awal saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, kerana keputusan muktamadnya masih lagi

belum tercapai. Tunggulah masa dan ketikanya. Insya Allah, akan saya beritahu kepada Yang Berhormat apabila keputusan muktamad dicapai kelak.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan sedikit. Saya tidak tahu bila keputusan akan dibuat, tetapi kita tahu selalunya lambatlah. Kalau sekiranya besok atau lusa satu syarikat mengumumkan hendak menubuhkan akademi golf di negara kita ini, adakah bermakna Kerajaan akan meneruskan rancangan untuk mewujudkan akademi golf sepertimana yang dicadangkan itu? Ataupun oleh kerana sudah ada swasta hendak buat, maka Kerajaan berhenti di situ sahaja? Terima kasih.

Dato' Ismail bin Said: Soalan Yang Berhormat itu adalah soalan andaian, perkara ini tak berlaku lagi, jadi susah saya hendak jawab, Tuan Pengerusi. Ini hypothetical.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, hendak minta lagi?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Penjelasan. Saya hendak maklumkan bahawa saya diberitahu oleh beberapa orang rakan bahawa memang ada satu cadangan, malah ada pengumuman telah dibuat oleh salah sebuah syarikat di negara kita ini yang hendak menubuhkan akademi golf ini dengan joint-venture syarikat Amerika atau sebagainya, untuk maklumanlah. Jadi, it is not 'andaian' sepertimana yang disebutkan itu. Jadi, saya hendak tahu kalau sekiranya benda ini kita wujudkan dalam masa sebulan, dua bulan ini, adakah Kerajaan hendak terus dengan rancangan akademi golf yang disebutkan tadi itu. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, minta maaf, saya tak tahu lagi cadangan ini. Bolehkah Yang Berhormat beri maklumat kepada saya untuk diteliti oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan sebelum kita mengambil sikap yang selanjutnya.

Tuan Pengerusi, cadangan daripada Yang Berhormat dari Arau supaya memperbanyakkan lagi jumlah Sukan SUKMA di masa-masa yang akan datang, ini merupakan satu cadangan yang baik. Yang sebenarnya, semasa Sukan SUKMA di Johor Bahru baru-baru ini cuma kita adakan sebanyak 23 jenis sukan sahaja. Walau macam manapun, untuk makluman Yang Berhormat dari Arau, ianya bergantung kepada kemudahan ataupun infrastruktur sukan di negara kita ini, bergantung kepada kemudahan-kemudahan yang ada. Insya Allah, kita akan mengkaji kemungkinan untuk menambahkan lagi jumlah Sukan SUKMA di masa yang akan datang sesuai dengan persiapan kita untuk menghadapi Sukan Komanwel di mana kita akan menjadi Tuan Rumah pada tahun 1998 kelak.

Yang Berhormat dari Batang Lepar juga, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan ribuan terima kasih di atas dorongan dan sokongan yang diberi kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan. Beliau mencadangkan supaya kita mengadakan latihan lebih awal supaya dapat kita mewujudkan para atlit yang berwibawa semasa Sukan Komanwel di Kuala Lumpur pada tahun 1998 kelak dan insya Allah, kita akan mengambil ingatan terutama sekali untuk mencungkil bakat daripada luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, yang sebenarnya untuk memberi peluang kepada bakat-bakat daripada luar bandar, terutama sekali pasukan pelapis, Kementerian Belia dan Sukan telahpun bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan, sebagaimana

yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Batu Berendam tadi, di bawah satu program yang diberi nama Tunas Cemerlang. Pada tiap-tiap tahun kita mengadakan kern bakat, ianya meliputi beberapa sekolah yang terpilih buat masa ini, termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar....

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya ingin tahu, Tuan Pengerusi, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk Program Tunas Harapan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini.

Dato' Ismail bin Said: Untuk mengendalikan Program Tunas Cemerlang ini, angkanya tidak ada dengan saya, Yang Berhormat; saya akan hantar secara notis, jika sekiranya Yang Berhormat masih memerlukannya. Jadi, itulah dia tindakan-tindakan yang diambil pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah kekurangan alat kemudahan tempat bermain di luar bandar, sekolah yang kita pilih, pelajar-pelajar dari sekolah luar bandar untuk menyertai Program Tunas Cemerlang dan juga Kern Bakat tiap-tiap tahun yang kita adakan di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar besar yang lain di mana kemudahan sukan cukup dan sebagainya.

Yang Berhormat dari Batu Berendam—saya mengucapkan ber-banyak terima kasih kerana di atas sokongan mengenai masalah peruntukan, yang sebenarnya jumlah untuk mengadakan Sukan SUKMA di Johor Bahru baru-baru ini dianggarkan keperluannya sebanyak \$4.6 juta. Jadi Kementerian saya cuma mampu membantu sebanyak \$ 1 juta sahaja dan di atas

cadangan itu saya mengucapkan terima kasih supaya pihak Kerajaan memberi....

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti sekejap ya, ada yang bangun.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Penjelasan bersabit dengan Sukan Sukma ini saya pohon penjelasan insiden bagaimana perkara ini boleh berlaku yang mana gol keeper hoki daripada Perak kena belasah setengah mati ini, dan apakah tindakan Kementerian terhadap isu ini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, boleh saya tayang balik? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit, perkara ini pihak Kementerian Belia dan Sukan telahpun meminta Persatuan Hoki berkenaan untuk memberi laporan kepada Kementerian untuk siasatan lanjut. Yang sebenarnya, semasa peristiwa itu berlaku pegawai-pegawai Kementerian Belia dan Sukan tidak ada di sana, jadi kita terpaksa meminta laporan daripada Persatuan Hoki yang berkenaan terutama Yang Berhormat dari Parit.

Masalah politiking dalam Persatuan Sukan. Saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat sedar masalah yang dihadapi terutama sekali di akhir-akhir ini ada sedikit masalah politiking.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak ada undang-undang yang boleh mengawal mereka ini. Apa yang kita boleh buat ialah menasihati, kaia mereka tidak ikut—susah. Dengan sebab itulah pihak Kementerian Belia dan Sukan telahpun mengambil langkah sekarang ini untuk mengkaji kemungkinan bagi mengadakan undang-undang mengawal bukan

sahaja Persatuan Sukan, tetapi Persatuan Sukarela yang lain seperti Persatuan-persatuan Belia, dari segi penggunaan wang, dari segi disiplin, dari segi kepimpinan dan sebagainya. Apabila kita ada undang-undang barulah kita enforce undang-undang. Sekarang ini kita tidak ada undang-undang yang khusus, yang ada cuma dasar, dasar bukan undang-undang Yang Berhormat, Dasar Belia Negara dan Dasar Negara.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kalau hendak buat macam ini, saya cadangkan Kementerian Belia dan Sukan hapus, buang semua persatuan-persatuan itu dan menjalakan aktiviti sukan ini sebagai mengikut aliran departmental, kerana sistem yang kita ada sekarang di mana digaiakkan persatuan-persatuan sukan kerana kita mengikut cara Amerika yang mana dia tidak ada Kementerian, dia tidak ada Kementerian Sukan, dia tidak ada Jabatan Kerajaan yang jaga sukan, kita ada Kementerian, ada Jabatan, lepas itu ada persatuan lagi. Jadi, bercanggah. Kalau masalah yang timbul mengenai dengan politik di dalam persatuan ini, tidak payah diadakan undang-undang, hapuskan semua Kementerian dan wujudkan Jabatan-jabatan yang berkenaan teruskan pentadbiran sukan mengikut line agency macam Kementerian-kementerian lain.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, mungkin dalam tahun 2020 kelak, apabila negara kita sudah maju, insya Allah, cadangan Yang Berhormat itu boleh dilaksanakan. Seperti di Amerika peranan swasta begitu ketara sekali, tetapi di negara kita peranan

swasta masih lagi di peringkat yang masih lagi minimum, kalau boleh saya gunakan perkataan itu. Sebab itu ianya memerlukan Kerajaan memainkan peranan untuk menggalakkan sukan dan juga badan-badan sukarela di negara kita ini.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Batu Berendam bangun lagi.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana bercadang untuk menggubal undang-undang untuk mengawasi perjalanan persatuan-persatuan sukan dan sebagainya, tetapi saya ingin tahu bilakah cadangan ini hendak dikemukakan dalam Dewan ini. Saya berharap janganlah kita hendak tunggu setahun, dua tahun lagi. Kalau boleh "next" Parlimen, bawa perkara ini, saya percaya semua akan sokong. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, sebelum kita membuat undang-undang, kita terpaksa mengkaji implikasi dan sebagainya, dan juga kita cuba hendak mencari negara-negara yang ada undang-undang mengenai masalah belia dan sukan. Saya difahamkan Sri Lanka mengadakan undang-undang yang sedemikian, jadi kita hendak tengok bagaimana contoh....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Larut.

Dato' Ismail bin Said:.... undang-undang itu supaya dapat kita....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, beri jalan?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya hendak minta penjelasan, kalau kita hendak maju dalam sukan. Saya amatlah sedih kalau Sri Lanka (*Ketawa*) kita mestilah cari England, France, Amerika, Japan and many other countries, dengan izin.

Seorang Ahli: Jamaica.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Well! Something like that, dengan izin. (*Ketawa*)

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, yang sebenarnya dengan izin, at the moment, kita baru berjumpa dengan Sri Lanka, mungkin kita akan berjumpa undang-undang di England, Perancis, Amerika dan sebagainya. Jadi, setakat ini kita baru berjumpa di Sri Lanka, tetapi this is very preliminary, masih lagi peringkat awal, Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat dari Larut.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Kepong bangun pula.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen balik untuk menonton TV dahulu, tengok siapa yang menang dan mendapat pingat yang lebih banyak. Itulah caranya. Sekarang CIS, kemudian Amerika Syarikat, Jerman, China dan sebagainya, itulah negara-negara di mana kita ambil contoh, bukan kepada Sri Lanka yang tidak nampak langsung. Itu sebablah Kementerian Belia dan Sukan begitu mundur sekarang ini.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong ini dia menyeleweng sedikit,

kita bercakap masalah undang-undang, bukan masalah performance, kita bercakap mengenai undang-undang bukan prestasi atlit, undang-undang bagaimana hendak mengawal masalah persatuan sukan dan juga persatuan sukarela, tidak kena-mengena dengan prestasi ataupun keupayaan atlit itu....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Said:., dan untuk makluman Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi, kita telahpun berjumpa negara yang mengamalkan undang-undang begini, setakat ini di Sri Lanka. Mengapa Yang Berhormat memandang rendah kepada Sri Lanka?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan, Setiausaha Parlimen?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini tidak kena-mengena dengan Sri Lanka, yang penting sekali kalau ada kena-mengena dengan sukan, memang kalau undang-undang itu baik, prestasi sukan akan baik. Prestasi sukan negara ini tidak begitu tinggi kecuali badminton, itupun ada kelemahan kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak mengambil berat mengenai pengurusan, perancangan dan penyelarasan, sebab itulah kita ketinggalan, tetapi kalau kita ada undang-undang yang baik, pengurusan yang baik semua akan beres.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong seperti saya katakan tadi Jack of all trade but master of none, dia tidak tahu apa yang dia cakap tadi. (*Tepuk*) Undang-undang adalah untuk mengawal pertubuhan bukannya cara hendak berlari, cara hendak melompat

ataupun cara hendak melontar peluru dan sebagainya, hendak mengawal perjalanan pertumbuhan dari segi bagaimana untuk mengawal pentadbiran, pengurusan dan sebagainya supaya tidak ada politiking, kalau ada politiking Kementerian kita boleh bertindak dengan undang-undang yang ada. Sekarang ini kita tidak boleh berbuat apa-apa, faham tak?

Seorang Ahli: Tidak faham.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, jadi itulah dia untuk makluman Yang Berhormat di antara tindakan yang kita ambil untuk mengatasi ini tetapi ianya masih lagi di peringkat awal kerana masalah politiking sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi ianya ketara di akhir-akhir ini. Jadi, kemajuan yang selanjutnya insya Allah, apabila sampai masanya kita akan beritahu Yang Berhormat dari Batu Barendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Hendak minta penjelasan. Saya hendak beritahu bahawa politiking ini bukan baru hari ini—sudah bertahun. Kita sudah naik muak, dan kadang-kadang saya sudah tidak larat hendak membaca suratkhbar ini dengan politiking di dalamnya. Jadi, sepatutnya Kementerian sudah lama membuat kajian tentang macam mana hendak mengawal bukan seperti setakat ini. Saya berharaplah kalau boleh, sekiranya Sri Lanka ada dia punya undang-undang dan negeri lain tidak ada, janganlah kita hendak buat sampai orang buat baru kita hendak buat. Saya percaya kita banyak expert di Kementerian Belia dan Sukan ini, terutama Yang Berhormat Menteri, kalau kita expert boleh dapat adakan Commonwealth Games di Malaysia ini, saya rasa undang-undang ini kita boleh buat, kita sama-sama bincanglah di sini, tokok-tambahlah apa yang patut, tetapi cepatlah sedikit supaya

perkara-perkara ini tidak berlaku lagi. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Said: Terima kasih Yang Berhormat, saya mengaku sudah ada....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tadi itu beri penjelasankah atau hendak minta penjelasan?

Dato' Ismail bin Said: Dia minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu beri pandangan namanya.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Sudah selesai. Saya pun sudah beri penjelasan. Tuan Pengerusi tidak tegur tidak apalah.

Dato' Ismail bin Said: Yang Berhormat, untuk makluman kita sudah ada Jawatankuasa mengenainya....

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau bangun Yang Berhormat.

Dato' Ismail bin Said: Nanti dulu Yang Berhormat Arau, saya hendak jelas teguran Yang Berhormat dari Batu Berendam. Yang sebenarnya memang saya setuju memang ada politiking dalam persatuan sukan, dulu lagi. Tetapi di akhir-akhir ini nampaknya mereka ini sudah naik muka sehingga sanggup dan berani mencabar pegawai Kementerian Belia dan Sukan. Misalnya berani mencabar supaya pegawai saya meletak jawatan. Itu sudah melampau. Di akhir-akhir ini sudah melampau sedikit. Dulu memang adalah tetapi antara sesama mereka. Jadi kita harap supaya mereka ini menyelesaikan masalah mereka di peringkat persatuan. Sekarang ini sudah berani sedikit.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dulu, beri Arau dulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, banyak yang bertanya ini bukan ahli sukan. Saya rasa di antara ahli sukan yang terbaik sekarang ini sayalah, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Sebenarnya politiking itu sebahagian daripada sukan. Dia orang terlupa. Tetapi politiking yang berlebihan itu tidak dibenarkanlah. Tetapi kenyataan-kenyataan sukan ini penting. Sebab macam Muhamad Ali hendak bertumbuk walaupun dia tidak kuat, tetapi dia menggunakan cara dia gembur-gembur yang dia ini kuat, penumbuk dia tiga pikul sekali turun. Ini adalah sebahagian daripada sukan. Kita kena fikir secara positif, Tuan Pengerusi.

Saya hendak minta semua pihak (*Disampuk*) bukan, hendak minta penjelasan....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Shahidan bin Kassim: Macam mana pandangan Yang Berhormat? Sebab saya tidak menganggap politiking yang secara di peringkat ini....

Ahli Yang Berhormat: Soalan, soalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa soalnya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini bukan ahli sukan semua ini. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini sudah beri pandangan.

Tuan Shahidan bin Kassim:
Macam mana?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jangan beri pandangan....

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak. Saya tanya pendapat Yang Berhormat kita patut positifkan pemikiran yang membentuk politiking tadi. Sebab ini sebahagian daripada sukan. Kecuali yang berlebihan sangat itu yang mencabar pegawai suruh berhenti itu okay. Kita jangan ingat, kita tidak ada ruang sukan. Ruang sukan ini bukan sahaja melapor sukan tetapi dia ada cerita-cerita, Division A tidak pandai sepak. Ini di antara, sebahagian daripada sukan dan harus difikir dengan secara positif.

Dengan itu rakyat Malaysia akan jadi lebih positif dalam pemikiran dan lebih banyak bersukan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak boleh buat ucapan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya buat ucapan dan penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini bukan masanya.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, terima kasih atas penjelasan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, saya kira pandangan Yang Berhormat daripada Arau itu kurang tepat. Saya hendak bertanya, walau bagaimanapun, saya

sudah katakan tadi ini soal politiking, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun sudah setuju. Akhir-akhir ini sudah melampau sangat, beri betis hendak paha. Itu sebabnya saya katakan kita berhentikan, adakah undang-undang. Kalau tidak ada sebab keterlaluan maka saya percaya kalau Kementerian sendiri menganggap benda itu positif, maka tidaklah payah ada lagi undang-undang lagi sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau tadi, adalah sebab-sebab negatif itu. Tetapi soalnya saya hendak tahu sekarang. Apakah tindakan Kementerian terhadap Persatuan-Persatuan yang melampaui batas? Sebagai contoh Persatuan Basikal dan sebagainya yang minta supaya pegawai letak jawatan. Adakah Kementerian memberi peruntukan atau sumbangan kepada Persatuan-persatuan seperti ini ataupun diberhentikan? Kalau belum diberhentikan, saya cadangkan berhentikan terus. Mana Persatuan-persatuan yang melampaui batas yang gilakan publisiti, with due respect, dengan izin, Tuan Pengerusi, yang ini berhentikan. Yang politiking membina tidak apalah, bolehlah kita kaji. Tetapi sudah teruk sangat ini rasa saya kalau belum berhenti, berhentikan peruntukan ini. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Said: Setakat ini, Tuan Pengerusi, kita tidak boleh apa-apa lagi. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu bolehlah Kementerian saya kaji. Ini satu pandangan yang agak positif supaya kita mengkaji peruntukan. Oleh kerana Kementerian saya memang ada memberi bantuan tahunan dari segi pentadbiran kepada Persatuan-Persatuan Sukan di peringkat kebangsaan. Kalau ianya begitu kita akan kajilah.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, saya rasa tidak ada apa. Itu sahajalah. Rompin, sila.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sudah habis gulung? Belum lagi.

Dato' Ismail bin Said: Sedikit lagi.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Saya hendak minta penjelasan berhubung dengan apa yang saya katakan tadi, sudah ada tekanan dibuat oleh pegawai-pegawai sukan ataupun badan-badan sukan kepada pegawai-pegawai Kementerian yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Adakah oleh kerana tekanan ini menyebabkan baru-baru ini Ketua Pengarah MSN ditukarkan. Adakah ini bermakna Kementerian akur dan tunduk kepada tekanan-tekanan? Kita sudah dengar ada badan-badan sukan kurang puas hati dengan kepimpinan beliau menerajui MSN. Adakah ini bermakna Kementerian sudah tunduk kepada tekanan-tekanan daripada badan ini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, perkara itu tidak kena-mengena, itu masalah perjawatan. Beliau ditukarkan oleh kerana ada kekosongan di sana. Dan jawatan itu sesuai dengan pangkat beliau. Tidak ada kena-mengena dengan tekanan. Kenapa kita harus takut kepada tekanan daripada persatuan? Tidak ada kena-mengena.

Tuan Pengerusi, sekian dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,000,000 untuk Maksud B. 17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,000,000 dipe-rintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Maksud P.18 (Anggaran Pem-bangunan (Tamb.) (Bil.2) 1992)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Pembangunan P. 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahaskan. Padang Terap.

5.37 pig.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) 05600 iaitu Pusat Penyelidikan Sejedi Sepilok (Baru).

Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk menghidupkan semula Pusat Penyelidikan Alam Semula-Jadi yang bertempat di Sepilok. Walaupun dulu telah diberhentikan tetapi sekarang ini Dewan adalah diminta meluluskan peruntukan tambahan sebanyak \$2,394 juta yang telahpun didahulukan daripada Simpanan Luar Jangka.

Pada saya, ini adalah satu langkah yang baik kerana pertama sekali, Tuan Pengerusi, walaupun saya dulu lebih kurang....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Butiran ini kalau tidak silap saya ini cuma diberikan peruntukan tanda sahaja....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Nominal \$10.00.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jadi biasanya kalau ada keadaan yang sedemikian eloklah Yang Berhormat, seboleh-bolehnya mem-bahaskan Butiran yang lain, dan bukannya Butiran ini.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tidak, ini adalah sesuatu yang baru. Per-kara yang baru iaitu Butiran (Projek) diwujudkan semula. \$10.00 pun wang juga, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukan jumlah itu sama ada jumlah besar atau kecil, dia lain vote.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Maksudnya di sini Kerajaan telah mengenalpasti bahawa ini adalah penting dan ianya adalah dimaksudkan sebagai satu tambahan. Dan \$10 pun tambahan juga, itu kalau Tuan Pengerusi setuju dengan saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada butiran lain Yang Berhormat hendak sentuh?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya ada Butiran yang lain, tetapi yang ini lebih penting daripada yang lain. Tetapi kalau....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Elok Yang Berhormat beralih kepada yang lain.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Baik. Jadi, yang kedua yang saya ingin mengutarakan di sini ialah mengenai industri perabot. Iaitu Program Pem-bangunan BCIC di dalam industri perabot ini.

Saya ingin mengetahui apakah peranan BCIC selanjutnya dan apakah pihak Kementerian ingin melepaskan BCIC kepada usaha-usaha mengikut secara penswastan. Kerana, Tuan Pengerusi, masalah penyelidikan dan pembangunan, usaha-usaha menge-luarkan perabot daripada sumber-sumber tempatan seperti rotan, kayu-kayan dan bertam telahpun dijalankan sebegitu lama. F.R.I.M., R.R.I.M. telahpun mengwujudkan usaha-usaha untuk membuat penyelidikan mengenai teknologi-teknologi kayu.

Mengapakah perkara ini kita tidak serahkan kepada pihak" swasta yang mana-mana usaha-usaha yang lebih gigih, yang lebih cost-effective, boleh dijalankan? Walaupun saya menyokong peruntukan yang telah digunakan ataupun yang diberi pada had ini, saya ingin tekankan bahawa soal-soal dan isu-isu ini telahpun banyak diselesaikan. Misalnya, teknologi penggunaan getah telahpun dikembangkan dan dibangunkan oleh Rubber Research Institute of Malaysia, lebih kurang 12 tahun yang lalu. Dan sampailah masanya pada masa ini supaya apa-apa paten yang dikeluarkan oleh RRIM ataupun FRIM di dalam bidang ini dibenarkan oleh pihak-pihak swasta menjalankannya. Jadi, itu sahaja pandangan saya, Tuan Pengerusi, mengenai P. 18.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Arau.

4.41 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya menyokong dan saya hendak bercakap di bawah Pusat Penyelidikan Sejadi Sepilok. Ini disebut perkataan "baru" di situ dan diberi tanda \$10.00. Maknanya perbelanjaan akan dibuat.. Jadi, saya hendak cadangkan apa yang perbelanjaan patut dibuat. Sebab ia disebut perkataan "baru", Tuan Pengerusi. Kalau dia tidak sebut perkataan baru, tidak apa. Saya tidak pentingkan sangat. Yang lain-lain ia tidak sebut baru. Yang lain dia buat tanda \$10.00 di sini. Semua tidak sebut baru kecuali "Sepilok" sahaja yang baru—kalau mengikut buku sayalah. Buku saya ini—Lagi satu—Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia. Yang ini baru. Hanya ini disebut baru.. Macam Kampung Baru....

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Padang Terap bangun.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kalau Tuan Pengerusi benarkan dia cakap, tetapi tadi saya tidak dibenarkan bercakap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, saya akan buat keputusan. Tidak! Saya baru sahaja hendak mengingatkan Yang Berhormat dari Arau apa yang saya katakan tadi atau diputuskan tadi tetap saya kekalkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi maaflah, Tuan Pengerusi, pada pandangan saya yang bukan Tuan Yang di-Pertua ini, oleh sebab perkataan "baru", tidak apalah. Walau bagaimanapun, berhubung dengan Butiran 05500 di bawah Bantuan Teknik Perhutanan yang saya rasa adalah berhubung dengan Sepilok juga. Saya ingat rakyat Malaysia sudah sampai masanya yang harus memikirkan bahawa kita harus sampai, sekarang kita sudah menghadiri persidangan di Rio de Janeiro dan sebagainya, pemikiran kita kena berubah ke arah alam semula-jadi dan juga binatang; semua ini berlaku dengan kehendak manusialah. Manusia yang menyebabkan semua ini berlaku. Jadi, kita minta supaya Pusat Penyelidikan Pembangunan Hutan di Segaliud-Lokan—apa pula diberikan peruntukan sebanyak \$1.2 juta. Dan Segaliud-Lokan itu, saya cakap hutan itu dahulu, Tuan Pengerusi. Jadi, rakyat mesti berubah fikiran mereka ke arah binatang dan juga tumbuhan-tumbuhan. Jadi, bukan sahaja Kerajaan tetapi Pusat Latihan dan Penyelidikan Perhutanan ini bukan sahaja hendak dihantar pegawai-pegawai perhutanan untuk dibuat latihan dan sebagainya tetapi mesti digalakkan untuk latihan rakyat Malaysia. Saya maksud macam itu supaya pencinta-pencinta alam juga hadir keseluruhan. Jadi, Pusat Latihan kalau diberi pakar hutan sahaja hadir

kursus dan sebagainya, mereka itu yang cinta hutan. Mereka itu yang cinta binatang. Orang lain tidak cinta juga. Jadi, perasaan "cinta" ini mesti dipupuk. Cinta ini bukan boleh diangkat telefon sahaja—tidak boleh jadi "cinta". Apabila jumpa boleh jadi "cinta". Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin tahu fasal ini kerana cinta-cinta.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Larut bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat dari Kepong pun pandai.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta penjelasan sama ada dia sendiri main cinta ataupun hendak kenang orang lain pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak dapat larikan dari hakikat yang saya memang kuat bercinta, terutamanya kepada isteri saya yang tercinta. Kerana saya cinta, betul. Kepada ibu, saya kuat bercinta. Malah kepada Tuan Haji Mohd. Zihin pun, saya bercinta. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Minta penjelasan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Jerai.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(1)!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, apa dia?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(1). Kerana fasal dia cakap cinta ini, kita bincang perkara lain ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, baiklah. (*Ketawa*) Yang Berhormat, kalau sekadar beri contoh sahaja, tidak apa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Makna kita semua cinta, termasuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi, cinta ini penting. Kita hendak wujudkan perasaan cinta kepada persekitaran dan juga binatang dan sebagainya. Kadang-kadang, kita ingat binatang itu binatang. Itu sebab, binatang yang kita pelihara itu berlain dengan binatang yang tempat orang lain pelihara. Kita ambil contoh, biri-biri yang kita pelihara berlainan dengan biri-biri—kadang-kadang kita katakan Orang Putih ini, tidak ada kesopanan, kasar dan sebagainya. Tetapi cintanya kepada binatang menyebabkan binatang itu beri sumbangan balik, ia mewujudkan binatang yang sihat, yang cukup dikagumi. Tetapi kita ingat ia binatang walaupun pemeliharaan dan sebagainya, kita anggap dia binatang. Tidak boleh. Kita anggap binatang itu benda yang kita hendak makan. Kadang-kadang kita peleceh, ini binatang tetapi kita makan juga. Jadi, hendak ubahkan perasaan cinta kepada alam semulajadi di sekitar ini, jadi pusat latihan mesti dihadiri oleh semua orang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diperingatkan ini sekarang kita berada di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jawatankuasa. Ini yang telah dibelanjakan di bawah latihan. Hendak apa cakap di bawah latihan—inilah. Kalau

tidak payah cakap semua tajuk, Tuan Pengerusi, hendak cakap apa latihan. Latihan—satu bidang yang cukup luas. Kita boleh melatih orang jadi cerdik, boleh menjadi orang tidak cerdik dan sebagainya. Boleh latih orang jadi pencinta atau jadi orang benci. Jadi, sekarang ini saya wujudkan latihan supaya orang cinta kepada alam sekitar dan juga alam semula-jadi. Kerana terdapat juga pakar-pakar dan pencinta-pencinta alam semula-jadi yang tidak tahu apa alam semula-jadi.

Saya tengok activists, termasuk DAP dan juga lain-lain pihak yang kononnya mempertahankan alam semula-jadi tetapi tidak tahu apa alam semula-jadi. Kalau sekiranya ada pembalakan, dia kata "rosak hutan". Tidak! Orang yang paling cinta kepada hutan, saya tidak tahulah. Di antara orang-orang yang cinta kepada hutan, sayalah. Saya kalau tidak masuk hutan sekali-sekali, sakit badan, Tuan Pengerusi. Betul. Sekarang ini sakit badan, tidak masuk dekat sebulan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu cakap dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dasar ini!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak dibenarkan. Sudah habis cakap?

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (Bangun)

Tuan Shahidan bin Kassim: Belum lagi. Yang Berhormat dari Rompin bangun.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat dari Rompin.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Saya minta sedikit penjelasan, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat dari

Arau ada mengatakan beliau arif dalam melatih atau membawa pengalaman kepada mereka yang kurang arif dalam mengenali tentang alam ini. Dan beliau mengatakan juga Ahli-ahli DAP itu, terutama sekali Yang Berhormat dari Kepong, kurang mencinta alam. Adakah beliau sanggup membawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini bersama-sama beliau pergi ke Genting ataupun di Janda Baik bersama-sama mengalami dan mengenali tentang keadaan cinta kepada hutan dan benda-benda alam yang lain?

Tuan Shahidan bin Kassim: Memang saya patut bawa. Saya hendak beritahu, sebab saya perlu bawa dan kenali apa itu hutan. Saya dulu pacat cukup cinta kepada saya tetapi dia kenal saya, dia tidak gigit saya. Sebab kalau saya datang dengan Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa Berhormat dari Kepong akan digigit pacat, saya tidak akan digigit. (Ketawa)

Hubungan cinta saya dengan alam semula jadi itu menyebabkan benda itu tidak terjadi. Ini saya hendak tekankan di sini di bawah "Latihan". Saya minta latihan ini supaya pencinta alam tidak salah tafsirkan pemikiran mereka. Tentang latihan ini, bukan dasar, latihan supaya mereka dilatih dan dikenali apa itu alam sekitar sebab kita mesti ingat, Tuan Pengerusi kena tahu benda ini. Hutan ini ada pokok. Pokok ini bukan muda, akhirnya ia jadi tua. Bila ia tua, ia perlu akan mati. Dan bila ia mati, ia akan digantikan oleh pokok lain, sebab kalau ia tidak mati, pokok lain payah hendak ditumbuh. Ia tidak ada peluang untuk bertumbuh. Jadi, sebelum ia mati, kita tebang dan ia dijadikan kayu balak. Itu cerita proses hutan. Kalau babi hutan terlalu banyak, saya tidak sempat cakap tadi, kita perlu banyak babi hutan sebab kita hendak bela harimau macam mana kalau tidak ada babi hutan. Jadi, cuma ditempatkan di kawasan yang ada harimau dan kadangkadangkang kita terlupa hendak tembak babi

hutan, kita terlupa yang harimau ini, kita hendak pertahan buat apa? Jadi, bawa babi hutan ini ke tempat yang ada harimau. Ini proses ekologi yang kita kena tahu belajar sebelum cakup. Kita kadang-kadang kita bercakap melepas sahaja, macam kawan saya di sana. Tidak tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nampaknya ini sudah pun terkeluar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini tidak dasar, ini latihan. Ini latihan. Semua orang bersetuju.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Merujuk kepada tajuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, latihan ini supaya diberi secara terperinci kepada seluruh rakyat Malaysia, apa itu alam semulajadi, apa itu binatang, apa itu yang kita harus buat untuk mempertahankan alam semulajadi. Ini kita kena tahu. Kalau ada pembalakan, saya bersetuju sebab ini perlu dipotong pokok-pokok yang tua untuk membolehkan pokok-pokok baru ditumbuh.

Ini termasuk juga tentang manusia, kena fikir itu. Jadi saya sokonglah dan saya minta supaya pusat kajian atau pusat latihan ini bukan sahaja dibuat di sini tetapi di semua tempat. Pcuangnya diberi kepada pertubuhan-pertubuhan dan juga rakyat Malaysia kesluruhannya.

Saya juga hendak menyebut bcrhubung dengan Segaliud-Lokan yang saya tidak pernah pergi. Segaliud-Lokan di mana, di Sabah? Saya hendak menyebut tajuk Bantuan Teknik Perhutanan. Ini kena fikir elok-elok kerana pihak Perhutanan sendiripun kadang-kadang ada sedikit salah pendekatan mengenai teknik perhutanan itu. Macam kita hendak buat Pusat

Latihan Perhutanan. Saya terkilan di kawasan Pusat Latihan Perhutanan itu hutannya ditebang; ini tidak boleh. Di situ lah sepatutnya digambarkan keadaan perhutanan yang lebih baik dan menarik. Jadi, semua perkara-perkara ini harus diambilkira dan saya minta Jabatan Perhutanan juga tidak membiarkan kawasan-kawasan yang patut dipertahankan itu dibuka untuk tujuan pelancongan yang lebih mudah didatangi orang.

Sebagai contohnya, dahulu saya sudah cakap kepada Menteri ini, saya kata jangan dibuat jalan ke Gunung Tahan, ke Kern Tuku. Kalau dibuat jalan, semua orang boleh naik ke Gunung Tahan. Jadi, tidak bermakna, tidak adventurous lagi rakyat Malaysia. Sepatutnya kita boleh naik seminggu turun dan naik. Sekarang ini tiga hari pun boleh sebab kita pergi buat jeep track ke sana. Tidak boleh macam itu. Kita kata kalau macam itu tidak semua orang berpeluang menaiki Gunung Tahan. Tidak boleh dan ini untuk orang yang betul-betul adventurous sahaja. Kalau tidak rosak habis, dia bawa semua. Macam kalau Kepong pergi dia bawa anak bini dengan tin-tin makanan habis dia campak, rosak lagi alam sekitar.

Saya minta supaya kawasan-kawasan pergunungan ini dipertahankan sungainya, dipertahankan jalan-jalan yang rugged itu. Jangan buat jalan tar ke sana. Kalau buat jalan tar semua orang pergi. Orang hendak bawa girlfriend pun pergi ke sana, rosak habis kawasan itu. Ini untuk orang yang betul-betul adventurous. Kalau naik Gunung Tahan mesti seminggu. Gunung Kinabalu sekarang ini empat jam sudah sampai ke puncak. Saya minta supaya Gunung Kinabalu dibuka track baru yang membolehkan kita naik seperti dahulu. Seperti saya pernah naik dahulu dekat 10 hari baru sampai. Sekarang 4 jam sudah sampai ke puncak. Jadi, kalau cepat sampai dia tidak ada syoklah, orang kata. Lagi lambat lagi seronok.

Tuan Pengerusi, yang keduanya Butiran 00500 Indusiri Pcrabot. Ini program BCIC. Ini bukan dasar, ini khusus untuk perabot. Kita hendak wujudkan masyarakat bumiputera dalam perdagangan dan juga perindustrian. Sekarang ini ada konsep payung. Konsep payung ini bagus tetapi sebenarnya konsep payung kalau dia berterusan pelayangannya, dia tidak akan mewujudkan orang-orang lain. Dia cuma mewujudkan orang-orang di bawah payung sahaja. Dia boleh mempertahankan orang-orang di bawah payung. Konsep payung sekarang ini perlu diubahsuai supaya ianya tidak dipegang oleh syarikat yang besar itu. Tetapi dipegang oleh konsortium syarikat kecil ini di mana mcrcka sendiri bergabung sesama increka. Kita tidak mahu syarikat yang besar mengenakan 8% dan sebagainya. Akhirnya mereka tidak mendapat keuntungan yang setakat mana.

Konsep payung ini kebanyakannya ialah untuk projek-projek yang melibatkan jabatan Kerajaan. Saya dengar ada sedikit-sebanyak yang tidak melibatkan Jabatan Kerajaan. Kalau boleh konsep payung ini diperluaskan tetapi konsep payung ini jangan sampai rigid, sampai kita tidak membenarkan industri, kilang-kilang baru ataupun syarikat-syarikat perabot baru ini muncul. Makna kata kita bukan sahaja terhad kepada yang ada tetapi dibenarkan untuk pertumbuhan-pertumbuhan yang baru.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepong.

5.54 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Butiran 05500 Projek Bantuan Teknik Perhutanan dan Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Simpanan di Segaliud-Lokan. Memang

butiran ini mengenai penyelidikan dan pembangunan hutan simpanan dan juga mengenai cara-cara untuk pemeliharaan, pengurusan dan pembangunan hutan simpanan.

Yang penting sekali saya hendak memulakan ucapan saya dengan kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Arau tadi, sebenarnya dia berminat pergi ke pantai seperti Pantai Morib. Saya tidak nampak macam mana dia dapat mendaki gunung di Pantai Morib. Nampaknya dia tidak ada di sini. Walau bagaimanapun, itulah yang disebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali di dalam perhutanan ialah satu pengurusan perhutanan yang mampan, sustainable ability of the complex tropical forest eco-system. Saya hendak mengetahui daripada pihak Kementeriannya apakah pinjaman Bank Dunia untuk projek-projek kecil ini kerana ini satu perkara yang penting di dalam usaha kita untuk mencapai satu pengurusan perhutanan yang mampan. Ini termasuk cara-cara penyelidikan projek-projek untuk pemeliharaan. Projek-projek untuk pengurusan, projek-projek untuk pembangunan dan juga projek-projek untuk penyelidikan perhutanan.

Walaupun kita ada Institut Penyelidikan Perhutanan di Kepong yang memainkan peranan yang penting di dalam negara ini maka kita pun perlukan penyelidikan-penyelidikan dan pembangunan di kawasan-kawasan yang lain termasuk Segaliud-Lokan. Saya bersetuju bahawa kita mesti melaksanakan projek-projek kecil untuk meningkatkan pencapaian kita di dalam segi pengurusan tersebut. Walau bagaimanapun, adakah pinjaman ini daripada Bank Dunia dan apakah projek-projek kecil yang dimaksudkan di dalam Kertas Perintah 15A ini. Di sini cuma -disebutkan projek-projek kecil sahaja, tidak ada butiran yang lengkap.

Tuan Pengerusi, di dalam complex tropical forest eco-system ini memang kita hendak memelihara biodiversity. Bukan sahaja yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Arau, kita tidak mahu tebang. Itu bukan satu perkara seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Arau. Yang kita tekankan di sini ialah satu sustainability, keseimbangan. Bila kita tebang memang kita ada rancangan ataupun projek untuk tanam semula. Kalau tebang satu pokok, kita mesti memastikan bahawa ada pokok yang baru yang tumbuh supaya dapat menggantikan yang telah ditebang tadi. Itu satu sustainability, satu pengurusan yang mampan. Itu yang ditekankan. Ini nampaknya pihak Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Arau tidak begitu faham mengenai sustainability.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha kita untuk mencapai pengurusan seumpama ini, memang kita hendak mengambil perhatian mengenai teknik-teknik untuk menebang hutan iaitu forest harvesting technic, dengan izin. Teknik ini sangat penting kerana dengan jentera-jentera yang moden, yang canggih sekarang ini dengan begitu mudah kita boleh menebang semua pokok dengan traktor-tractor dan mesin termoden sehingga kita merosakkan semua yang muda-muda, yang kecil-kecil pun rosak dan musnah semua. Sebab itulah teknik forest harvesting itu sangat penting.

Dan yang kedua, ialah kita hendak meningkatkan pengeluaran hutan-hutan kita, increase the productivity of our forest.

Dan yang ketiga, kos untuk pengeluaran (cost of production), hendaklah dihadkan ataupun dikurangkan. Pengurangan cost of production (kos pengeluaran) hendaklah diambil berat.

Ketiga-tiga perkara ini yang sangat penting di dalam penyelidikan dan

pembangunan hutan simpanan negara kita. Saya berharap pihak Kementerian dapat menjawab, sekali lagi saya bangkitkan, apakah yang dimaksudkan oleh pihak Kementerian sebagai "projek-projek kecil yang dibiayai melalui pinjaman Bank Dunia" dan apakah amaun pinjaman ini yang dihulurkan oleh Bank Dunia untuk maksud ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (**Tuan Ong Tee Keat**): Batang Lupar. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta gulung.

6.01 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit sahaja.

Saya memujilah tindakan Kementerian berhubung dengan penye-larasan dasar dan penjagaan hutan di Malaysia. Tetapi walau bagaimanapun, memang sudah menjadi lumrah, sama ada pihak-pihak yang tidak bersetuju ataupun Pembangkang, bagaimana baik pun perbuatan kita, memang ada juga yang jahat disebutkan. Jadi, bagi saya tidak kira sangatlah, yang penting kepentingan negara diutamakan dahulu, yang lain itu kemudian. Kalaulah pene-bangan hutan mendatangkan hasil kepada negara, tebanglah hutan. Kalau ekologi yang binasa, kita cari cara lain untuk memperbaiki ekologi. Saya pun ada belajar juga soal ekologi ini dahulu. Jadi, yang utama, meningkatkan kehidupan manusia di negara kita ini adalah lebih penting daripada benda-benda yang lain.

Jadi, walau bagaimanapun, kita bukan tidak peka dengan soalan berkenaan dengan hutan. Dalam Maksud B.18—Kementerian Perusahaan Utama ini, saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian, sebab saya telah terbaca beberapa minggu yang lepas iaitu, dalam

soalan penebangan hutan ataupun kayu, ada beberapa alternatif iaitu dengan cara pembalakan yang ada tradisional sekarang, iaitu kita buat jalan, selepas itu kita hantar kereta besar-besar ke dalam hutan dan tebangkan dan tarik balak ke kuala dan sebagainya. Jadi, ini dikatakan telah membinasakan pokok-pokok yang kecil apabila balak itu ditebang.

Jadi, ada juga cadangan mengatakan lebih baik lagi kalau pokok itu besar, the covernya, ataupun pokok yang rendang kalau ditebang banyak pokok yang kecil-kecil terbinasa sekali kalau kita menebangkan pokok itu. Jadi, mengikut cadangan itu kalau kita menggunakan aerial attraction, kita potong di bawah dan tarik menggunakan air-shift dan diangkat ke satu tempat, bahkan lebih economical lagi dan boleh menyelamatkan kayu-kayu dan tanam-tanaman dan tumbuh-tumbuhan yang kecil di bawah, dengan membuatkan penebangan sebegini, kita angkat terus pokok kayu itu ke satu tempat supaya dipotong selepas itu, iaitu kita menyelamatkan membeli kereta-kereta yang besar, membuat jalan ataupun kadang-kadang jalan ini sampai 100 kilometer pun ada buat jalan. Jadi, perbuatan macam ini mungkin mendatangkan belanja ataupun tindakan begini mungkin memerlukan belanja walaupun hasil dari pembalakan itu memang besar, terutama sekali di negeri Sarawak memang sebahagian besar hasil dalam negeri, datang daripada pembalakan.

Jadi, melainkan kalau pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan pembalakan ini, dia datang dengan duit, hantar ke negeri Sarawak, gantikan hasil yang dapat di negeri Sarawak itu nanti, supaya kita berhenti daripada pembalakan, insya Allah kita boleh buat, kerana tiap-tiap tindakan kita itu mesti ada hasil sebaliknya. Kalau kita berhenti daripada membalak, anak-anak kita yang 100,000 lebih yang

mencari kerja dengan pembalakan itu, ataupun pekerjaan yang ada kenamengena dengan pembalakan ini, boleh dicari kerja alternatif untuk mereka yang sama seimbang pendapatannya, kita boleh berhenti membalak dan hasil kepada Kerajaan Negeri itu pun mesti diberi sebanyak itu juga. Kita boleh berhenti semua ini, insya Allah. Kalau pihak DAP ada alternatif untuk ini, kita mintalah, begitu juga pihak daripada luar negeri.

Jadi, pembalakan kita mesti kita teruskan. Walau bagaimanapun, kita bukan tidak peka dan kita mesti menjaga hutan kita. Ini bukan warisan negara lain, ini warisan kita sendiri, memang kita hendak jaga ini. Jadi, oleh kerana kita hendak jaga, oleh kerana kita hendak recycle, hendak membalak lagi bertahun-tahun yang akan datang, berpuluh tahun yang akan datang kita hendak membalak lagi kerana mendatangkan hasil kepada negara kita. Jadi, oleh kerana pembalakan itu perkara kecil sahaja.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan industri perabot. Sebagaimana yang telah pernah saya sebutkan, pada tahun 1990, pihak Taiwan dengan mengimportkan kayu daripada hutan tropikal kita, dan mungkin dari Indonesia, mungkin dari Thailand, buat perabot jual di Amerika sebanyak \$680 juta. Jadi, kita pada ketika itu (tahun 1990), kita hanya jual sebanyak \$50 juta lebih sedikit sahaja kalau tidak salah saya. Jadi, kenapa pula pihak Taiwan yang boleh jual banyak, kita jual sedikit, pada hal kita sendiri yang keluar, sepatutnya downstream industry kita ini, perindustrian perabot mestilah dipertingkatkan lagi prestasinya, pengeeluarannya dan kualitinya supaya kita dapat membandingkan pengeluaran daripada pihak Taiwan ataupun mana-mana pihak sekali pun.

Jadi, dengan itu soalan saya apakah tindakan pihak Kementerian untuk

menyelaras, memperkemaskini dan memperbaiki sedikit lagi prestasi kita dalam arena pengeluaran perabot ke market antarabangsa. Oleh kerana adalah sedih kalau kita mengatakan padatahun 1990 kita telah mengeluarkan perabot yang berharga \$54 juta dan tahun ini kita kurang lagi, di tahun akan datang kita kurang, jadi tidak sedaplah didengar. Jadi, kita berharap Kementerian boleh menekankan perkara ini dan cari satu mechanism yang terbaik sekali supaya industri-industri kampung, industri-industri kecil boleh diselaraskan unluk pengeluarannya, ditingkatkan prestasinya, ditingkatkan mutu dan kualitinya supaya mereka ini juga boleh terlibat sama untuk meningkatkan pengeluaran perabot kita ke arena antarabangsa. Bahkan saya pernah bercakap soalan ini walaupun bukan dengan pegawai-pegawai Kementerian tetapi pihak-pihak yang lain, orang yang mengusahakan perabot. Kalau umpamanya kualiti adalah satu benda yang menghalang kita untuk mengeluaran perabot ke luar negara oleh kerana kita tidak boleh menandingi kualiti yang dikeluarkan, jadi kita mesti mencari macam mana untuk meningkatkan kualiti ini.

Umpamanya, kalau dalam satu "meja" ada lima komponen, kalau kita lantik satu factory membuat satu komponen sahaja dan satu assembly yang menjagakan kualiti, ini mungkin boleh dibuat macam itu. Jadi, kita specialise satu factory untuk membuat satu komponen sahaja. Dengan keadaan yang demikian tiap-tiap factory yang membuat satu komponen itu, ada yang membuat kaki meja, ada yang membuat papan di sebelah atas meja, ada yang membuat apa sahaja lagi bendanya. Jadi, dengan keadaan yang demikian, tiap-tiap kilang itu specialise **mem-**binakan satu-satu part meja itu, kemungkinan kita boleh mendatangkan satu pembinaan meja yang begitu baik, berkualiti dan mungkin dilcrima oleh masyarakat di antarabangsa.

Dengan yang demikian, saya menyokong tindakan Kementerian bukan sahaja daripada segi dasar pembalakan juga kepada dasar pengeluaran perabot tetapi sepatutnya kita mempertingkatkan pengeluaran natural resources kita, desas-desus daripada luar negeri ataupun pihak yang tidak senang itu adalah cerita macam biasa sahaja. Kalau kita buat business, kalau kita maju, memang orang tidak senang, macam-macam mereka bercerita. Jadi, orang di sebelah, di kiri, di kanan itu, kalau dia tidak buat, memang senang bercakap atau criticise, kita yang membina ini lain, scba.b tanggungjawab kita, kita tahu kepada negara, kepada negeri dan kepada perindustrian perabot itu sendiri ataupun perindustrian pembalakan itu sendiri.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta gulung.

6.10 pig.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk menjawab beberapa pandangan dan soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya dari Padang Tcrap, Arau, Kepong dan juga dari Batang Lupar. Saya bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama ingin memberi penjelasan, terutama tentang pencbangan hutan, yang mana saya kira bukan sahaja orang-orang daripada luar negara kita kurang memahami, malah mungkin ada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang kurang jelas mengenai konsep pengurusan hutan yang berkekalan yang dimaksudkan, sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Pengerusi, hutan ini ada terbahagi kepada dua bahagian, pertama, hutan simpan kekal. Hutan simpan kekal ini ada dua pula bahagiannya. Pertama, yang produktif—ini yang boleh ditebangkan dan diuruskan penebangannya itu untuk jangka panjang. Sebagaimana Yang Berhormat Kepong kata tadi, kalau ditebang satu, maka dia akan ditanam lagi. Yang sebenarnya, tidak perlu tanam. Kebanyakannya anak-anak pokok itu sudahpun banyak yang tumbuh di situ. Jadi, di sini kita ada 12.7 juta hektar di seluruh negara kita di bawah hutan simpan kekal. Di dalam hutan simpan kekal ini, yang keduanya, ada hutan yang tidak boleh dibuka, iaitu seperti untuk tadahan air dan juga untuk hidupan-hidupan liar, termasuk taman negara dan sebagainya.

Jadi, bermakna, apa yang menjadi masalah ialah masyarakat, khususnya masyarakat luar negara tidak memahami bahawa hutan yang kita tebang secara besar-besaran itu ialah hutan-hutan tanah Kerajaan yang sengaja hendak dibangunkan dengan ladang kelapa sawit, dengan bangunan-bangunan ataupun pekan-pekan baru dan sebagainya. Itu memang kita tebanglah, walaupun pokok kecil kita akan habiskan, kita bakar semuanya dan ini tidak perlu pengurusan hutan, sebagaimana yang kita maksudkan. Tetapi walau bagaimanapun, 12.7 juta itu masih merupakan lebih daripada 50% keluasan tanah yang dilingkungi oleh hutan. Jadi, ini yang jadi masalah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kuching bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah dia sedar walaupun peraturan dan dasar konsep perhutanan berkekalan ini wujud dari segi peringkat Kerajaan, tetapi dari segi pelaksanaan konsep ini sudah begitu

jasel bahawa pelaksanaan tidak dapat mencapai matlamat seperti yang dimaksudkan dalam dasar. Saya memberi satu contoh. Adakah dia sedar, dalam satu tempat yang sudah diwartakan sebagai Taman Negara, iaitu Taman Negara Gunung Gading, di Lundu—100 km dari Kuching—satu perempat dari Taman Negara ini sudah dieksisekan supaya dijadikan kawasan yang boleh ditebang. Maka ini sudah jadi satu keadaan, di mana walaupun ada dasar tetapi kadangkala oleh sebab kuasa untuk membuat keputusan ini di dalam tangan perintah negeri Sarawak itu, maka tidak ada apa-apa yang Kementerian boleh buat untuk melaksanakan satu dasar yang begitu baik. Itu satu.

Keduanya, dari segi perakuan yang telah dibuat oleh International Tropical Timber Organisation (ITTO), pengeluaran kayu balak yang boleh terus menjadi satu paras yang sustainable iaitu lebih kurang 9 juta cubic meter setahun. Adakah dia sedar bahawa pengeluaran kayu balak di negeri Sarawak telah bertambah daripada paras 6 juta cubic meter setahun dalam tahun 1982 sehingga 18 juta cubic meter di tahun 1990 dan 19 lebih juta cubic meter dalam tahun 1991, maka adalah sudah ditegur di dalam laporan ITTO bahawa pengeluaran kayu balak dari negeri Sarawak sudah melebihi berkali-kali ganda daripada paras yang sustainable. Adakah dia sedar?

Dato' **Haji** Tengku M ah mud bin Tengku Mansor: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya jelaskan tadi, kebanyakan kita bercakap itu dan ini, tetapi kita sendiri tidak memahami konsep yang sebenar. Saya tidak menafikan ada penyelewengan sedikit-sebanyak, ada kawalan yang tidak dapat dibuat. Misalnya di Sarawak, keadaan keluasan tanahnya hampir sama dengan Semenanjung. Jadi, dengan keanggotaan Jabatan yang hanya ada 1,200 orang, tidak mungkin

dia akan dapat mengatasinya. Tetapi, walau bagaimanapun, kita mempunyai perancangan supaya masyarakat hendaklah bekerjasama antara satu sama lain. Kalaulah kita dapati ada sesuatu penerokaan haram dalam negeri dan sebagainya, adalah lebih baik kita melaporkan secara bertulis kepada pihak Kementerian saya ataupun pihak Kerajaan Negeri supaya kita dapat mengambil tindakan.

Saya tidak dapat nafikan bahawa perlawanan bola, misalnya, walaupun ada tiga pengadil (referee) pun berlaku berbagai-bagai masalah dan penyalahgunaan, sehingga berlaku bertumbuk di antara penyokong dengan penyokong, dengan pengadil dan sebagainya. Itu di depan mata kita dan kita melihatnya sendiri. Tetapi, walau bagaimanapun, dunia mengakui bahawa pengadil-pengadil yang ada itu adil, pengadil-pengadil yang ada itu mampu menjalankan tugas. Sebab itulah pertandingan bola sepak di seluruh dunia diamalkan juga. Kalau dunia tidak mengakuinya, pasti ditutup sahaja pertandingan bola sepak, kerana dia boleh menimbulkan rusuhan. Tetapi seperti Yang Berhormat kata tadi, yang meletakkan 9.2 juta cubic meter itu ialah di kawasan hutan simpan kekal, tetapi di Sarawak itu baharu hendak membangun. Dia perlu buat ladang sawit, ladang koko dan semuanya, maka dia tebanglah. Jadi, kalau dia kluarkan sampai 18 juta cubic meter, okaylah, sebab dia terpaksa membuang, bukan di kawasan yang dilarang. Jadi, ini kena faham. Mentang-mentang hutan, maka kita lantak semua hutan—tidak boleh. Kita kena faham. Kalau tidak faham, tanya Kementerian. Tulis surat, macam Ipoh buat. Ipoh berbisik dengan saya hendak minta data-data yang berkaitan kelapa sawit. Saya beri, walaupun di luar Dewan. Begitu baiknya Kementerian saya.

Jadi, dengan sebab itu jangan kita lantak semua balak, kata tidak betul. Tengok kawasan mana. Itu menctapkan

kawasan simpanan kekal, dengan harapan bumi Malaysia hari ini dapat dikekalkan kawasan hijaunya di kawasan-kawasan yang 'permanent forest reserve', dengan izin, bukan di luar-luar itu. Jadi, sebab itu kalau kita hendak bercakap tentang apa jua, kita mesti faham. Study betul-betul. Jangan kita sebagai Yang Berhormat, kita sendiri menjual maruah bangsa kita di luar negara. Ini perbuatan khianat. Kita faham betul-betul.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (**Tuan Ong Tee Keat**): Ya, Bandar Kuching bangun lagi.

Tuan **Sim Kwang Yang**: Saya dukacita bahawa Menteri sendiri tidak ada di sini, sebab sudah beberapa kali dia sudah menuduh saya sebagai pengkhianat negara, oleh sebab kenyataan saya apabila saya melawat Eropah, khususnya, perjumpaan saya dengan Encik Wilkinson dalam European Commission. Tuan Yang di-Pertua, adakah dia sedar bahawa cadangan dari saya, apabila saya di Eropah, ialah supaya menjadi satu dasar antarabangsa untuk mengaharamkan pengeksporan kayu balak, tetapi untuk pasaran besar seperti European market dengan Amerika Utara, membuka pintu mereka kepada hasil ataupun barang pembuatan kayu untuk negara seperti Malaysia supaya kita boleh mendapat keuntungan daripada value addedness. Adakah dia sedar dan adakah ini satu perbuatan yang boleh dikatakan menjual maruah negara? Adakah ini satu cadangan tidak baik sama sekali, ataupun ini selaras dengan dasar Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, adakah dia sedar bahawa walaupun pembalakan kayu diharamkan....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada peluang lagi untuk meminta penjelasan, ya. Jangan panjang sangat.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya mahu minta dari dia.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak buat sekali gus?

Tuan Sim Kwang Yang: Ya. Sedikit sahaja lagi. Walaupun negeri Thai, negeri Indonesia dan negeri Filipina sudah mengharamkan pengeksporan kayu balak tetapi ekonomi mereka tidak merosot. Bukanlah maksud saya mencadangkan supaya pengeksporan kayu balak ini dihentikan boleh menyebabkan ekonomi negara akan merosot. Maksud saya ia akan dipertingkatkan. Mungkin lain kali Kementeriannya akan mencadangkan Datukship untuk saya. Jangan cakap saya pengkhianat. Itu salah. Jangan begini.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyentuh kepada Ahli Yang Berhormat sebagai penjual maruah bangsa. Saya kata kepada orang yang pergi ke luar negeri mencemburukkan negara, maka ini menjual maruah bangsa kita. Jadi, kalau siapa makan nangka, dialah yang kena getahnya, siapa makan lada, dia yang rasa pedas dan kalau Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengatakan bahawa Indonesia dan Thailand telah mengharamkan eksport, ini tklak boleh buat bandingan. Indonesia ada 180 juta rakyat, tanahnya sudah tidak begitu banyak, hutan dia pun sendiri sudah hampir habis. Begitu juga Thailand, rakyatnya 50 juta lebih. Tetapi kalau di Sarawak, lebih besar daripada Semenanjung, cuma ada 1.7 juta sahaja manusia sedangkan ia memerlukan infrastruktur yang panjang. Jadi, ini

memerlukan kewangan. Jadi, kita dari Sarawak patut menyokong perjuangan ini dengan harapan infrastruktur di Sarawak dapat dibuat oleh Kerajaan Negeri dan juga oleh Kerajaan Pusat hasil daripada pengeluaran kayu-kayan kita.

Saya hendak jelaskan di sini, jangan mencampuradukkan penebangan balak di hutan simpan kekal dengan di kawasan-kawasan yang hendak dibangunkan. Kalau kita campuradukkan, inilah jadinya. Nampak sahaja orang tumbang, nampak sahaja balak dikeluarkan, kita mudah kelam-kabut. Walhal sebagaimana yang saya katakan, kita ialah merupakan salah sebuah negara yang terbaik dari segi pengurusan hutan. Saya tidak dapat nafikan ada sungai di Sarawak yang sedikit sebanyak kotor, hakis dan sebagainya. Saya tidak dapat nafikan. Tadi saya sudah bandingkan dengan pemain bolasepak pun ini berlaku, tetapi sebagai sebuah negara kita mesti menerima hakikat, kalau ada salah berilah pandangan yang jujur. Kita akan dapat mengambil dan kita dapat memperbetulkan dan memperbaikinya. Jadi, dengan cara itu, baru tidak ada berlaku suara-suara sumbang di luar negeri yang akan menjejaskan nama baik negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, apakah projek-projek kecil pinjaman bank ini? Apa yang telah dibincangkan iaitu termasuk mengenai pinjaman untuk kajian sebanyak \$14,470 oleh FRIM dan latihan, \$32,430 oleh FRIM dan selepas itu, pinjaman \$1,178,500 sebagaimana yang terdapat pada Butiran 05500, Tajuk 02; 03; 05 yang dibentangkan.

Mengenai masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya sudah jelaskan tadi iaitu di kawasan-hutan simpan kekal, kita memang mempunyai pengurusan hutan

yang berkekalan dan dengan sebab itu boleh dikatakan kita berani menghadapi tetapi apa yang berlaku di Sarawak itu sebahagian besarnya ialah bukan di kawasan hutan simpan.

Tentang kos pengeluaran, itu memang benar mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya ucapkan terima kasih kerana ini agak jujur kerana dengan kos yang rendah, kita dapat keuntungan yang lebih dan keuntungan itu akan dapat mendatangkan pulangan kepada rakyat dan negara kita dan kita mempunyai sebuah institut perhutanan yang memberi perhatian tentang costing dan sebagainya.

Menyentuh tentang apa yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tadi tentang BCIC di kalangan industri perabot, memang benar bahawa peranan KPU pada masa ini ialah untuk melahirkan pengusaha-pengusaha perabot di kalangan bumiputera kerana pada masa ini jarak bumiputera yang terlibat dalam perindustrian perabot untuk eksport adalah amat jauh kalau hendak dibandingkan dengan bukan bumiputera. Kita hanya dapat mengesan ada 6 kompeni bumiputera sahaja yang membuat pengeksporan sehingga ini di mana lebih daripada 200 ialah datangnya dari kompeni-kompeni yang tidak dari bumiputera. Jadi, dasar Kementerian sedikit sebanyak iaitu cuba hendak memberi pertimbangan menerusi perkampungan perabot yang ditubuhkan di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia ini.

Masalah apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Arau untuk mewujudkan perasaan cinta kepada alam sekitar, cinta kepada hutan dan binatang ini, bagi pihak Kementerian, saya mengucapkan terima kasih kerana telah memberi pandangan yang agak begitu bernas dan sebagaimana yang diketahui, Kementerian saya juga

sedang cuba mengemukakan satu pengurusan yang baru terhadap taman-taman rekreasi negara.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga ini kita ada 78 buah taman-taman rekreasi di seluruh negara kita yang melibatkan lebih daripada 3,000 hektar dan kita akan cuba mendekati masyarakat dengan taman-taman rekreasi ini di mana di bawah satu jawatankuasa yang baru ditubuhkan oleh Kementerian saya baru-baru ini, kita telah menubuhkan Jawatankuasa di 3 peringkat untuk menguruskan hutan-hutan rekreasi yang melibatkan badan-badan sukarela iaitu di peringkat nasional, di peringkat negeri dan di peringkat daerah di mana hutan-hutan lipur ini ada.

Dengan itu, kita harapkan badan-badan beruniform seperti pengakap, seperti St. John's Ambulance, seperti Girls Guide dan Polis dan juga Tentera, RELA dan lain-lain badan sukarela termasuk Belia 4B, Belia MAYC dan lain-lain lagi akan dapat sama-sama menduduki dalam Jawatankuasa di peringkat daerah dan mereka diminta supaya sama-sama mengadakan gerakan gotong-royong. Dalam masa setahun akan diserahkan satu bulan kepada badan-badan sukarela ini, dengan harapan bahawa dalam masa satu tahun itu, sekurang-kurangnya ada 10 hingga 12 kali gerakan gotong-royong yang dijalankan oleh badan-badan sukarela dan secara tidak langsung ini adalah untuk hendak memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya supaya cintakan alam sekitar, supaya rasa tanggungjawab kepada alam sekitar.

Jadi, selama ini, apa yang kita ketahui, kesemua taman-taman rekreasi ini diberi tanggungjawab kepada Jabatan Perhutanan sahaja untuk menguruskannya dan saya rasa ini tidak adil, kerana taman-taman rekreasi ini adalah dinikmati oleh masyarakat

umum. Jadi, adalah wajar masyarakat umum bersama-sama bergotong-royong menjaga taman-taman rekreasi ini bagi memelihara alam sekitar dan kebersihan dan, insya Allah, dengan adanya pengurusan yang baru ini, Kementerian saya akan cuba meminta kerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain supaya dasar pengurusan rakyat itu akan dapat dipraktikkan dari masa ke semasa.

Mengenai masalah 'konsep payung' yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, saya rasa sehingga ini kita telah mendapat kejayaan kerana tidak mungkin sebuah syarikat yang menjadi payung itu hendak membukakan peluang mereka kepada sesiapa sahaja, tidak mungkin. Mereka terpaksa bataskan, mereka terpaksa menghadkan, kepada mana-mana syarikat bumiputera yang mempunyai kemampuan sahaja, bukan sahaja dari segi modal tetapi dari segi pengurusan dan kepakaran.

Dengan itu, apa yang dibuat oleh Kementerian Kewangan—kerana konsep payung ini sebenarnya ialah terletak di bawah Kementerian Kewangan—dan Kementerian saya ialah untuk memberi sokongan yang kuat supaya konsep payung ini dapat dikembangkan lagi tetapi dengan mengambilkira kemampuan-kemampuan sesebuah kompeni yang berkenaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung esok. Majlis bersidang semula.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Sains, **Teknologi** dan Alam **Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-

cadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PERAMPASAN 22 VIDEO DAN KASET DI PULAU PINANG

6.30 pig.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, pada 25hb Jun tahun ini di Letchumi Video di Leboh Bishop, Pulau Pinang, Polis dan anggota-anggota dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ada merampas 22 pita video lucah. Dalam satu jawapan yang ada diberi dalam Dewan yang mulia ini pada 21hb Julai mengenai isu ini, Menteri Dalam Negeri ada menyatakan:

"Siasatan terhadap kes ini belum selesai lagi dan ianya masih dijalankan oleh pihak Polis. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak dapat memberitahu apakah hasil daripada siasatan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pita video lucah yang telah dirampas dalam kes tersebut ialah sebanyak 3 buah sahaja dan bukannya 22 buah sepertimana yang didakwa."

Tuan Speaker, dalam satu kenyataan umum oleh Ketua Polis Negara pada 23hb Julai, dua hari selepas apa yang ada dijawab oleh Menteri Dalam Negeri dalam Dewan yang mulia ini, dalam laporan **New Straits Times**, apa yang dikatakan oleh Ketua Polis Negara mengenai isu ini adalah seperti berikut, iaitu, dengan izin:

"Asked about Karpal Singh's recent call on him to investigate the seizure

of 22 pornographic tapes in Penang allegedly featuring Vijandran and several women, Hanif said that there was no such police raid."

Saya hairan dan terperanjat atas statement ini oleh kerana Menteri sudah menjawab dalam Dewan yang mulia ini bahawa ada satu serbuan yang dibuat oleh Polis termasuk anggota-anggota dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 25hb Jun dan apa yang dirampas bukanlah 22 pita video lucu, tetapi hanya 3 sahaja. Ini bermakna apa yang dikatakan oleh Ketua Polis Negara itu tidak tepat, tidak benar, jikalau apa yang dikatakan dalam Dewan yang mulia ini oleh Menteri itu boleh diterima sebagai apa yang benar.

Tuan Speaker, dalam pita video lucu Vijandran, dan dari apa yang saya difahamkan, apa yang dirampas oleh Polis di Pulau Pinang adalah pita video lucu Vijandran, bukan pita video lain. Dalam hal ini, dalam tahun 1989, Peguam Negara ada mencuba, dan cubaan itu telah berjaya, dengan ada pihak-pihak lain yang menjadi subahat iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dan khususnya Zaman Khan—masa itu pun ada cubaan dibuat untuk memadam apa yang terjadi. Saya faham dalam perkara ini, dari apa yang ada dilaporkan, Zaman Khan kini menjalankan siasatan. Dalam fikiran saya, Tuan Speaker, he should be the last person who should investigate this case, dengan izin. Zaman Khan pada masa dahulu ada rekod bahawa beliau menjadi satu clown, satu "Peter Sellar" apabila menjalankan siasatan dalam kes ini juga pada awal tahun 1990 dan beliau secara umum ada membuat satu kenyataan awam, "Saya sudah siap kertas-kertas siasatan dan kertas-kertas ini akan dihantar kepada Peguam Negara untuk diputuskan apa yang beliau hendak buat dalam perkara itu." Tetapi dua tiga hari selepas itu, Peguam Negara sendiri memberitahu

secara umum juga, "Siasatan sudah ditutup satu tahun dahulu dan 11 pita video lucu telah dimusnahkan."

Dalam perkara ini, Tuan Speaker, walaupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri iaitu hanya 3 pita video lucu sahaja dan bukan 22, telah dirampas—tetapi ada tiga—saya harap siasatan lanjut dijalankan dalam apa yang telah dirampas oleh Polis Pulau Pinang, bukan apa yang diserahkan kepada Tuan Speaker sendiri. Bolehkah saya dapat tahu adakah Tuan Speaker sendiri menonton apa yang saya menyerahkan kepada Tuan Speaker? (*Ketawa*)

Timbalan Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tak ada kena-mengena.

Tuan R. Karpal Singh:- Ada kena-mengena, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang ini saya rasa Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker has the right to silence. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):...tidak patut kemukakan soalan macam ini kepada Kerusi. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Itu sahaja Tuan Speaker, yang saya hendak dapat tahu oleh kerana saya beri hadiah kepada Tuan Speaker (*Ketawa*) dan tentu saya harap Tuan Speaker menonton apa yang ada di dalam pita video itu. (*Ketawa*) Jikalau tidak, itu nasib Tuan Speaker (*Ketawa*) tidak memperolehi hasil dalam perkara yang boleh dapat satu 'opportunity' untuk menonton apa yang ada dalam pita

video lucah itu. Dan Vijandran ada di dalam itu (*Ketawa*)—saya mengesahkan lagi sekali di sini, ada. Itu sahaja, Tuan Speaker, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

637 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab ucapan penangguhan ini kerana ianya sudah jatuh ke dalam bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb Jun, 1992 jam 1345 petang, pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertindak alas waran yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah telah membuat serbuan ataupun pemeriksaan Kedai Video Letchumi, No. 66, Leboh Bishop, Georgetown kerana disyaki membuat cetak rompak ke atas kaset video bertajuk "Tamil Karaoke", keluaran Wawasan Production (M) Sendirian Berhad. (*Ketawa*) Hasil dari pemeriksaan itu memang tetap adalah 3 kaset video lucah telah dijumpai dan report Polis telah dibuat seperti Report Leboh Pantai 1787/92. Polis telah menahan 3 orang lelaki untuk siasatan lanjut. Kes ini memang masih dalam siasatan polis, maka tidak dapat saya bincang dengan lanjut di sini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

TEMPAT DI UNIVERSITI DAN PUSAT PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN

639 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya

ingin meminta dan menyeru Kerajaan menghapuskan sistem kuota dengan membina lebih banyak universiti dan memberikan biasiswa kepada penuntut kaum bukan Melayu demi mencapai perpaduan negara yang tulen. Adalah sangat tidak adil bahawa penuntut bukan Melayu yang miskin dan layak tidak berpeluang menerima biasiswa atau bantuan kewangan Kerajaan.

Mengikut jawapan dari Menteri Pendidikan di Parlimen pada tahun 1990, lebih daripada 90% biasiswa diberikan kepada kaum Melayu. Timbalan Perdana Menteri pernah bertanya-tanya mengapakah kaum Cina terus memberikan sokongan kepada DAP dan bukan MCA. Adalah hakikat bahawa hampir semua pemuda-pemudi kaum Cina telah menyokong DAP dalam pilihanraya besar yang lepas. Satu daripada punca utama adalah kerana mereka merupakan generasi mangsa sistem kuota.

Perkara ini menjadi lebih ketara apabila pihak Kerajaan sendiri gagal menunaikan janji yang dibuat dalam tahun 1978 bahawa pengagihan tempat-tempat di Pusat Pengajian Tinggi tempatan adalah berdasarkan sistem kuota 45%:55%, bukan bumi dan bumi.

Menurut Laporan MPEN dalam tahun 1990 komposisi kaum penuntut-penuntut dalam negara Malaysia di pusat pengajian tinggi adalah seperti berikut: tahun 1970 bumi 86.5% diploma, 40% ijazah. Tahun 1980 bumi 62% untuk diploma dan 62% ijazah. Tahun 1985, 71% untuk diploma dan 63% ijazah dan 1988 74% untuk diploma dan 60.4% ijazah untuk bumi.

Dari angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa secara purata dalam dua puluh tahun kebelakangan ini komposisi penuntut kaum bukan bumi yang mengikuti kursus ijazah di universiti tempatan adalah kurang dari 40% dan bukan 45% seperti yang dijanjikan oleh

Kerajaan Barisan Nasional dalam tahun 1978. Manakala penuntut-penuntut dari kaum bukan bumi yang mengikuti kursus diploma di institut pengajian tinggi tempatan adalah kurang dari 30% jauh dari 45% yang dijanjikan. Adalah dikesali bahawa MCA dan Timbalan Menteri Pendidikannya Yang Berhormat dari Selandar tidak pernah menyuarakan perasaan tidak puas hati mengenai sistem kuota ini atau mendesak janji Barisan Nasional ditunaikan. Malah MCA dan Yang Berhormat dari Selandar cuba menyembunyikan kegagalan mencapai ratio 45:55 ini dengan alasan bahawa pelajar-pelajar bukan Melayu yang tergugur menyebabkan kurangnya bilangan penuntut bukan Melayu di pusat pengajian tinggi tempatan. Ini adalah satu usaha menutup malu sendiri oleh Yang Berhormat dari Selandar yang sangat memalukan kerana menjadikan penuntut bukan Melayu kambing hitam atau "scapegoat" dengan izin, untuk kegagalannya sendiri.

Saya ingin mencabar Yang Berhormat dari Selandar membuktikan dakwaannya dengan mengatakan bilangan pelajar-pelajar bukan Melayu meninggalkan universiti yang tergugur dan juga komposisi penyertaan pelajar baru di universiti tempatan untuk sesi tahun 1992. Penjelasan Yang Berhormat Selandar tidak boleh diterima kerana ini bermakna pada tahun 1988 ada 6,446 pelajar ijazah dan 2,689 pelajar diploma yang tergugur dari pusat pengajian tinggi tempatan. Jumlah kescluruhannya ialah 9,135 pelajar bukan bumi yang tergugur. Laporan MPEN yang sama juga menyatakan bahawa dalam tahun 1988 sahaja ada 33,398 pelajar kursus diploma dan 49,790 pelajar ijazah dalam negara kita. Dari jumlah ini hanya 25.7% yang mengambil kursus diploma dan 39.6% yang mengambil kursus ijazah berasal dari kaum bukan bumi.

Kegagalan mencapai kuota 45% bukan bumi ekoran pelajar bukan bumi

yang tergugur **bermakna** 19.3% dari pelajar diploma dan 50.4% dari pelajar ijazah tergugur. Dari angka yang seperti yang saya **sebutkan ini bermakna** bahawa pada **tahun 1988 sahaja** sejumlah **9,135 pelajar bukan bumi** tergugur menyebabkan kuota 45% bukan bumi **tidak** tercapai. **Adalah** mustahil dan tidak logik bahawa sebegitu banyak pelajar bukan **bumi** yang tergugur dan saya anggap bahawa dakwaan Yang Berhormat dari Selandar ke atas pelajar Cina yang menyebabkan kegagalan mencapai kuota 45% sebagai satu pembohongan yang tidak ada standard langsung. (*Tepuk*) Jelas Yang Berhormat dari Selandar tidak layak menjadi Timbalan Menteri Pendidikan dan saya harap dia letak jawatan dengan segera kerana menjual hak dan kepentingan kaum penuntut bukan bumi.

Kalau ada sebegitu banyak pelajar bukan bumi yang tergugur mengapakah pihak Kerajaan tidak menambah pengambilan pelajar bukan bumi untuk menggantikan mereka yang tergugur? MCA sekali membuktikan pada masyarakat Cina tentang ketidakmayaan mereka atau "tang shia pu tang shen" dan gagal memperjuangkan hak pendidikan kaum Cina.

Saya percaya dengan membina lebih banyak universiti kita dapat menampung semua permohonan dari semua penuntut yang mahu memohon masuk ke universiti tempatan dan ini juga akan secara langsung menghapuskan sistem kuota kerana semua pelajar tidak kira kaum sama ada India, Cina atau Melayu kalau mereka memenuhi standard minimum untuk memasuki universiti akan diterima masuk. Ini akan memastikan bahawa tidak sesiapa pun akan ditindas dan dianaktirikan. Oleh sebab itu saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh membina lebih banyak universiti bukan sahaja mengatasi sistem kuota ini, mengelakkan penuntut-penuntut bukan

Melayu ditindas dan juga mencapai Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Pendidikan.

Isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai perasaan tidak puashati yang dikatakan adalah tidak berasas kerana kuota pengambilan pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti tempaian mengikut kadar 55% bumiputera dan 45% bukan bumiputera telah dicapai semenjak scsi 1984/1985 hasil usaha kita untuk penyeimbangan peluang yang telah kita jalankan secara berperingkat-peringkat semenjak tahun 1978.

Kita mengadakan sistem kuota ini, kita mengambil kira kepentingan kumpulan yang masih ketinggalan dari segi ekonomi yang berhubung kait dengan peluang-peluang untuk mendapat pendidikan tinggi. Penetapan kuota 45% untuk bukan bumiputera ini yang telahpun kita laksanakan selama ini boleh dianggap sebagai satu kadar yang munasabah jika kita bandingkan dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain atau yang swasta, kita mendapati hanya 10% sahaja pelajar-pelajar terdiri daripada bumiputera. Manakala di luar negeri hanya sebilangan kecil sahaja kita lihat terdiri dari pelajar-pelajar kita yang bumiputera. Pada tahun sesi 1991/1992, Kolej Tunku Abdul Rahman telah memberi peluang dan didapati cuma dari 8,123 orang pelajar di institusi itu, kita melihat bahawa 8 orang dari pelajar itu adalah dari kaum bumiputera. Ini bermakna memang ada usaha peluang-peluang pendidikan tinggi

untuk bukan bumiputera adalah juga diperluaskan kalau dibandingkan dari segi peluang-peluang untuk penyampaian atau accessibility to higher education, dengan izin.

Jadi, saya harap di sini saya ingin sekali lagi juga mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan bahawa penetapan kuota ini adalah selaras dengan Artikel Perlembagaan kita yang memperuntukkan tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan bahawa kaum yang masih tertinggal dalam aspek sosio-ekonomi ini mendapat faedah yang sewajarnya dari segi dasar pembelajaran, dasar pelaburan Kerajaan, khususnya di dalam pendidikan termasuk pendidikan tinggi kita di Malaysia ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita di Kementerian Pendidikan dan Kerajaan mengikut dasar yang adil terhadap pelajar-pelajar yang bukan bumiputera yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Pemilihan pelajar kita ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan adalah berdasarkan kepada kelayakan serta juga syarat-syarat tertentu dalam fakulti masing-masing dan dari segi persaingan untuk kemasukan ke universiti tempatan memanglah begitu tinggi di kalangan pelajar-pelajar bumiputera dan yang bukan bumiputera juga. Walau bagaimanapun, Kerajaan memanglah sentiasa sedia untuk memberi perhatian yang serius mengenai peluang pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran mereka ini ke peringkat pengajian tinggi termasuk juga usaha Kerajaan untuk memperkembangkan institusi-institusi pengajian tinggi kita di negara ini termasuk memperluaskan lagi cawangan-cawangan kampus induk dan juga menambah bilangan kampus cawangan kita di seluruh negara ini dan menambah juga atau memperluaskan bidang kursus dan mempertingkatkan

lagi peluang dalam jabatan-jabatan yang baru tanpa kita menukarkan peratusan itu kita meningkatkan lagi pengambilan dalam bidang-bidang tertentu untuk bumiputera dan bukan bumiputera.

Jadi kitapun sama-sama maklum Kerajaan juga telah menambahkan sebuah lagi universiti yang akan ditubuhkan di Sarawak bagi menampung keperluan pendidikan yang kian meningkat. Jadi, dari segi usaha sumbangan dari pihak swasta kita lihat Kementerian Pendidikan telah memberi kebenaran atau dorongan kepada pihak-pihak swasta mengendalikan program-program berkembar dengan kerjasama universiti luar negeri. Dengan demikian kita juga memberikan peluang dan menambahkan lagi, dengan izin, accessibility to higher education dalam

negara kita ini. Dengan itu sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Usui dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.